Sektor Kewangan

124-127 Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan
127-149 Pengurusan Sistem Perbankan
149-157 Aktiviti-aktiviti Penyeliaan
158-172 Prestasi Sistem Perbankan
172-181 Perbankan Islam
181-186 Institusi-institusi Kewangan yang Lain
186-205 Pasaran Kewangan
205-209 Perkembangan dalam Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
209-212 Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram Kebangsaan Malaysia

Sektor Kewangan

SUMBER DAN KEGUNAAN DANA SISTEM KEWANGAN

Selaras dengan prestasi ekonomi yang secara keseluruhannya bertambah baik, jumlah aset sistem kewangan meningkat dengan ketara sebanyak RM96.5 bilion, atau 7.4%, pada tahun 2002 (RM42.1 bilion, atau 3.3%, pada tahun 2001). Pada akhir tahun 2002, jumlah aset sistem kewangan meningkat kepada RM1,401.8 bilion. Jumlah aset sistem kewangan daripada KDNK kekal tinggi, iaitu sebanyak 388% daripada KDNK (390% pada tahun 2001).

Aset sistem perbankan dan institusi perantaraan kewangan bukan bank (NBFI) meningkat pada tahun 2002. Aset sistem perbankan meningkat sebanyak RM58.5 bilion, atau 6.8% pada tahun 2002 (RM17.6 bilion, atau 2.1% pada tahun 2001), sementara aset NBFI meningkat sebanyak RM37.9 bilion, atau 8.6% (RM24.5 bilion, atau 5.9% pada tahun 2001). Bahagian NBFI dalam jumlah aset sistem kewangan terus meningkat kepada 34% pada akhir tahun 2002 daripada 33.7% pada akhir tahun 2001.

Sebahagian besar daripada peningkatan aset dalam sistem perbankan adalah disebabkan oleh pertumbuhan aset bank perdagangan. Ini mencerminkan terutamanya peningkatan pinjaman dan pendahuluan penyimpanan antara bank serta pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu hasil daripada penggabungan industri perbankan. Sementara itu, peningkatan dalam aset NBFI adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan aset kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans (+RM27.8 bilion), yang mencakupi 73.3% daripada peningkatan dalam jumlah aset NBFI.

Pada tahun ini, sebahagian besar daripada sumber-sumber baru disumbangkan oleh deposit yang disimpan dengan institusi kewangan dan caruman kepada kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans. Deposit yang disimpan dengan institusi kewangan meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 5.6% pada tahun 2002, berbanding dengan 2.5% pada tahun 2001. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, institusi perbankan (yang terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun) merupakan penerima deposit yang terbesar. Deposit yang disimpan dengan institusi perbankan mencakupi 90.7% daripada kenaikan deposit yang diperolehi oleh sistem kewangan pada tahun 2002, dan 82.7% daripada jumlah deposit sistem kewangan pada akhir tahun 2002.

Graf 4.1
Aset Sistem Kewangan pada akhir tahun 2002*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.1
Harta Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002*a*
	2001	2002*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	**17.6**	**58.5**	**924.6**
Bank Negara Malaysia	0.8	12.5	162.2
Bank perdagangan[1]	5.8	33.2	563.0
Syarikat kewangan	4.2	8.9	130.7
Bank saudagar	4.1	0.3	41.3
Syarikat diskaun	2.7	3.6	27.4
Badan perantaraan kewangan bukan bank	**24.5**	**37.9**	**477.2**
Kumpulan wang simpanan pekerja, pencen dan insurans	25.4	27.8	322.6
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*6.4*	*15.9*	*207.5*
Kumpulan wang simpanan & pencen lain	*8.6*	*4.5*	*44.8*
Kumpulan wang insurans nyawa	*9.2*	*6.8*	*54.3*
Kumpulan wang insurans am	*1.2*	*0.6*	*15.9*
Institusi kewangan pembangunan[2]	6.7	3.1	71.1
Institusi kewangan lain[3]	-7.6	7.1	83.5
Jumlah	**42.1**	**96.5**	**1401.8**

[1] Termasuk bank-bank Islam (sejak 1999).

[2] Termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Perbadanan Kemajuan Borneo, Bank Pembangunan Sabah Berhad, Perbadanan Kredit Sabah, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC), dan Lembaga Tabung Haji.

[3] Termasuk unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) and Amanah Saham Mara Berhad, pertubuhan-pertubuhan koperasi, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran, syarikat modal usaha niaga, dan institusi kredit perumahan (termasuk Cagamas Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, dan Malaysia Building Society Berhad).

a Awalan

Jadual 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002*a*
	2001	2002*a*	
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	2.9	21.0	144.8
Mata wang	-1.3	1.8	27.1
Deposit	14.7	33.4	634.4
Peminjaman	2.6	6.4	43.8
Dana dari institusi kewangan lain[1]	0.9	4.0	72.6
Kumpulan wang insurans dan simpanan	19.4	16.8	272.8
Tanggungan lain	3.0	13.1	206.3
Jumlah	**42.1**	**96.5**	**1401.8**
Kegunaan:			
Mata wang	-3.5	-0.1	5.3
Deposit dengan institusi kewangan lain	-6.4	11.7	188.8
Bil	-0.3	2.7	19.0
Perbendaharaan	*-0.2*	*1.6*	*5.7*
Perdagangan	*-0.1*	*1.1*	*13.3*
Pinjaman dan pendahuluan[2]	19.3	34.3	566.1
Sekuriti	39.8	24.9	346.2
Kerajaan Malaysia	*15.5*	*1.5*	*105.2*
Asing	*0.9*	*0.5*	*2.7*
Korporat	*22.1*	*21.5*	*230.4*
Lain-lain	*1.2*	*1.4*	*7.9*
Emas dan rizab pertukaran wang	3.7	14.0	127.5
Harta lain	-10.6	8.8	148.9

[1] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan.

[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta.

a Awalan

Dari segi pemegang, deposit disimpan terutamanya oleh sektor swasta bukan kewangan (yang terdiri daripada individu dan perusahaan perniagaan), merupakan 68.3% daripada jumlah deposit pada akhir tahun 2002. Deposit kumpulan ini meningkat sebanyak 5.7% pada tahun 2002, disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam deposit yang disimpan oleh individu. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, deposit tetap merupakan sebahagian besar daripada kenaikan dalam deposit sektor swasta bukan kewangan, dengan pemegang terus menunjukkan minat terhadap deposit yang bertempoh matang lebih pendek.

Graf 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2002*a* (% bahagian)



a Awalan

Simpanan berkontrak dengan kumpulan simpanan wang dan pencen serta sumbangan kepada kumpulan wang insurans terus menjadi sumber utama dana bagi sistem kewangan. Kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans meningkat 6.6% pada tahun 2002, dan merupakan 19.4% daripada jumlah dana yang diperolehi oleh sistem kewangan pada akhir tahun 2002. Sementara itu, modal dan rizab sistem kewangan meningkat 16.9% pada tahun 2002 (+2.4% pada tahun 2001), mencerminkan terutamanya kenaikan dalam keuntungan institusi perbankan dan dividen belum agih kumpulan wang simpanan dan pencen.

Peningkatan dalam jumlah sumber sistem kewangan pada tahun 2002 sebahagian besarnya digunakan untuk pemberian pinjaman dan pendahuluan serta pelaburan dalam sekuriti. Pinjaman dan pendahuluan yang disalurkan oleh sistem kewangan meningkat

Jadual 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002*a*
	2001	2002*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	14.4	16.1	318.0
Syarikat kewangan	2.6	3.0	63.8
Bank saudagar	-2.4	0.2	11.5
Syarikat diskaun	0.0	3.2	8.5
Bank Simpanan Nasional	0.8	0.7	8.1
Lain-lain[4]	1.1	0.1	23.2
Jumlah	**16.5**	**23.3**	**433.1**
Deposit permintaan	2.1	5.9	64.1
Deposit tetap	9.0	9.5	282.2
Deposit tabungan	3.7	5.8	64.1
IDB[5]	-1.1	0.5	2.3
Repo[6]	2.8	1.6	20.4
Deposit tetap			
di antaranya:			
Sehingga 1 tahun	*3.8*	*15.4*	*243.9*
Lebih dari 1 tahun	*5.1*	*-6.0*	*38.3*

1 Merujuk kepada deposit perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu.
2 Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan insurans, serta unit amanah.
3 Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
4 Termasuk institusi kewangan pembangunan, pertubuhan-pertubuhan koperasi dan institusi kredit perumahan.
5 Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
6 Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

Jadual 4.4
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002*a*
	2001	2002*a*	
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**20.4**	**37.9**	**536.3**
Pertanian	0.5	0.0	14.0
Perlombongan & kuari	-0.1	-0.2	1.0
Perkilangan	-1.2	-0.1	54.7
Pembinaan dan Harta tanah	-3.6	-1.6	76.4
Pembelian harta kediaman	15.4	17.1	131.0
Perdagangan runcit dan borong, hotel dan restoran	0.3	2.0	21.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	-0.8	1.3	14.1
Perkhidmatan perniagaan	1.2	-2.7	19.7
Kredit penggunaan	9.9	12.7	86.3
Pembelian saham	-2.4	0.1	21.0
Lain-lain	1.3	9.2	97.0
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**22.1**	**21.5**	**230.4**
Jumlah	**42.5**	**59.4**	**766.7**

1 Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.
a Awalan

RM34.3 bilion atau 6.5% pada tahun 2002 (RM19.3 bilion atau 3.8% pada tahun 2001). Sektor isi rumah terus menjadi penyokong utama pertumbuhan pinjaman dan pendahuluan, dengan pinjaman yang disalurkan untuk pembelian rumah kediaman dan kredit penggunaan mencakupi sebahagian besar kenaikan jumlah pinjaman dan pendahuluan pada tahun 2002.

Pelaburan dalam sekuriti oleh sistem kewangan terus meningkat pada tahun 2002, walaupun pada kadar yang lebih rendah daripada tahun 2001 (7.8% pada tahun 2002; 14.1% pada tahun 2001). Sebahagian besar daripada kenaikan ini adalah dalam bentuk pelaburan dalam sekuriti ekuiti, selaras dengan penerbitan ekuiti baru yang lebih tinggi pada tahun

Graf 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2002*a* (% bahagian)



a Awalan

Graf 4.4
Haluan Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2002*a* (% bahagian)



a Awalan

2002. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans mencakupi sebahagian besar (85.7%) daripada peningkatan dalam pelaburan sekuriti oleh sistem kewangan pada tahun 2002. Sementara itu, pemegangan kasar emas dan rizab pertukaran asing juga mencatat kenaikan yang ketara sebanyak RM14 bilion pada tahun 2002 (RM3.7 bilion pada tahun 2001), mencerminkan terutamanya aliran masuk pertukaran asing yang diperoleh daripada kedudukan lebihan dagangan yang besar dan kedudukan imbangan pembayaran yang baik pada keseluruhannya.

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan kekal pada paras melebihi 13% pada sebahagian besar tahun 2002, yang menghasilkan kapasiti mencukupi dalam sektor perbankan untuk menyalurkan dana kepada pelbagai segmen ekonomi dengan cekap bagi menyokong aktiviti ekonomi pada tahap yang lebih tinggi. Jumlah pinjaman sistem perbankan berkembang 4.2% pada tahun 2002, manakala jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan masing-masing meningkat sebanyak 9.4% dan 10.2%.

.....tumpuan dasar perbankan pada tahun 2002 menjurus kepada usaha membina asas-asas dan infrastruktur kewangan yang diperlukan bagi membangunkan sektor perbankan pada jangka sederhana dan panjang. Ini adalah untuk memenuhi kehendak ekonomi yang sentiasa berubah-ubah dengan berkesan.

PENGURUSAN SISTEM PERBANKAN

Dasar-dasar yang dilaksanakan dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah meningkatkan daya tahan dan kecekapan institusi perbankan sekaligus meletakkan sektor perbankan pada kedudukan yang baik untuk menyokong aktiviti ekonomi dengan berkesan. Berikutan kejayaan proses penggabungan dan keadaan ekonomi yang kian memberangsangkan, kunci kira-kira institusi perbankan bertambah kukuh pada tahun 2002.

Dengan meningkatnya daya tahan sektor perbankan, tumpuan dasar perbankan pada tahun 2002 menjurus kepada usaha membina asas-asas dan infrastruktur kewangan yang diperlukan bagi membangunkan sektor perbankan pada jangka sederhana dan jangka panjang. Ini adalah untuk memenuhi kehendak ekonomi yang sentiasa berubah-ubah dengan berkesan. Oleh itu, usaha ditumpukan ke arah meningkatkan lagi tahap kecekapan sistem perbankan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan berpelbagai pada harga yang kompetitif.

Kemajuan Penstrukturan Semula Sektor Kewangan

Institusi-institusi yang ditubuhkan bagi memulihkan kestabilan sistem kewangan semasa krisis kewangan telah mencapai kemajuan yang ketara dalam operasi mereka pada tahun 2002. Penutupan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) pada 15 Ogos 2002 merupakan satu peristiwa penting dalam usaha penstrukturan semula hutang yang dijalankan semenjak tahun 1998. Selama empat tahun ia beroperasi, CDRC telah berjaya menyelesaikan 48 kes melibatkan hutang berjumlah RM52.6 bilion, iaitu lebih kurang 65% daripada kes-kes di bawah kendaliannya. Daripada jumlah ini, 32 kes dengan hutang berjumlah RM36 bilion telah berjaya distruktur semula. Pelaksanaan baki 16 kes dengan hutang berjumlah RM16.6 bilion akan mengurangkan tahap NPL sebanyak dua mata peratusan. Lebih kurang 83% daripada hasil pemulihan adalah dalam bentuk wang tunai, instrumen boleh tebus dan hutang yang dijadual semula.

Jadual 4.5
Status kes CDRC setakat 31 Disember 2002

	Jumlah hutang* (RM juta)	Bilangan akaun
Jumlah yang dirujuk kepada CDRC	67,644	87
Kes yang ditarik balik / ditolak	12,615	28
Dirujuk kepada Danaharta	2,470	11
Kes yang diterima	52,559	48
Telah diselesaikan	52,559	48
Telah dilaksanakan	*35,969*	*32*
Menunggu pelaksanaan	*16,590*	*16*

* Termasuk institusi bukan perbankan dan luar pesisir

Danaharta, yang telah menamatkan aktiviti membeli NPL daripada sektor kewangan pada tahun 2001, telah selesai menyelenggarakan kesemua NPL di bawah kendaliannya yang berjumlah RM52.5 bilion.

Graf 4.5
CDRC: Profil Pemulihan setakat 31 Disember 2002



Jadual 4.6
Danaharta: Pemulihan Pinjaman setakat 31 Disember 2002

	Hak pinjaman diambil alih terlaras[1] (RM bilion)		Kadar pemulihan dijangka (%)	
	NPL yang diambil alih	NPL yang diuruskan	NPL yang diambil alih	NPL yang diuruskan
Penstrukturan pinjaman biasa	3.2	6.3	80	79
Penyelesaian hutang	1.6	5.8	83	75
Skim penyusunan	3.1	7.1	66	78
Skim di bawah Pentadbir Khas	2.4	2.9	53	33
Perampasan dan penjualan	9.8	4.1	29	45
Lain-lain	1.8	2.8	60	53
Tindakan undang-undang	0.3	1.4	-	-
Jumlah	**22.1**	**30.4**	**50**	**63**
Jumlah keseluruhan	**52.5**		**57**	

[1] Merangkumi hak pinjaman yang diambil alih sebanyak RM47.8 bilion dan faedah tertunggak sebanyak RM4.8 bilion.

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Tumpuan Danaharta ialah untuk melaksanakan strategi pemulihan melalui penstrukturan semula, penyelesaian hutang, perampasan dan penjualan dan skim pengaturan, dengan tujuan memaksimumkan pemulihan daripada NPL yang diambil alih. Setakat 31 Disember 2002, kadar pemulihan purata yang dicapai adalah sebanyak 57% (50% untuk pinjaman yang diambil alih dan 63% untuk pinjaman yang diuruskan) dengan hasil pemulihan sebanyak RM30.2 bilion, di mana RM18.9 bilion diterima dalam bentuk wang tunai dan aset lain. Baki sebanyak RM11.3 bilion lagi kini di dalam pelbagai fasa pemulihan. Daripada hasil pemulihan berjumlah RM18.9 bilion yang diterima, Danaharta telahpun menukarkan sebahagian daripada aset berbentuk bukan wang tunai kepada wang tunai. Danaharta telah mengagihkan wang tunai sebanyak RM11.3 bilion dan sekuriti sebanyak 55,899,542 unit kepada Kerajaan dan 30 buah institusi perbankan di bawah perjanjian di antara institusi kewangan dan Danaharta untuk berkongsi lebihan hasil daripada usaha pemulihan pada nisbah 80:20. Setakat 31 Disember 2002, Danaharta mempunyai aset sebanyak RM6.1 bilion dalam bentuk wang tunai dan bersamaan wang tunai.

Danaharta juga terus menjalankan tender hartanah secara terbuka sebagai salah satu daripada strategi pemulihannya. Pada tahun 2002, Danaharta telah menjalankan tender hartanah keenam dan ketujuh masing-masing pada bulan April dan Oktober. Tender hartanah yang keenam telah menawarkan 265 keping hartanah bernilai RM723.8 juta dan menerima 141 bida yang berjaya pada harga balasan

sebanyak RM326 juta, iaitu lebihan sebanyak 12% daripada nilai indikatifnya. Dalam pada itu, tender kebangsaan yang ketujuh pula menerima bida yang berjaya bagi 37% daripada hartanah yang telah ditawarkan. Sebanyak 65 bida yang berjaya dengan harga balasan sebanyak RM144.3 juta, adalah melebihi jumlah nilai indikatif sebanyak RM144 juta. Setakat 31 Disember 2002, Danaharta telahpun menjalankan tujuh tender hartanah kebangsaan dan lima tender khusus dengan menawarkan 890 keping hartanah bernilai RM2.3 bilion di pasaran dan berjaya menjual sebanyak 745 ataupun 84% daripada hartanah ini dengan jumlah nilai balasan sebanyak RM1.4 bilion ataupun 97% daripada jumlah nilai indikatif.

Dengan kemajuan yang dicapai, Danaharta kini berada dalam kedudukan yang baik untuk menamatkan operasinya pada tahun 2005. Sebagai persediaan ke arah ini, Danaharta telah mengatur strategi untuk menjana wang tunai bagi menebus bon-bonnya pada tarikh matang. Tarikh matang tranche pertama bon Danaharta ialah pada 31 Disember 2003, manakala tarikh matang tranche yang lain adalah pada tiap-tiap suku tahun yang berikutnya sehingga 31 Mac 2005. Danaharta memperkenalkan satu sistem pengesan bagi memantau dan mengurus proses memadankan penerimaan hasil pemulihan dan, di mana perlu, penukaran seterusnya kepada wang tunai bagi menebus bon-bon yang matang. Di samping itu, Danaharta telah menyusun semula struktur organisasinya untuk mempertingkatkan kecekapan. Dengan tarikh penutupan menjelang tiba, Danaharta akan menimbang untuk mengurangkan bilangan kakitangannya secara teratur dan mengikut masa yang sesuai.

Mengenai Danamodal pula, tiada suntikan modal ke dalam institusi kewangan dilakukan semenjak tahun 1999. Jumlah pelaburan Danamodal telah berkurang kepada RM2.1 bilion dalam tiga buah institusi, daripada RM7.1 bilion yang telah disuntik ke dalam 10 buah institusi semenjak penubuhannya. Dengan terlaksananya program permodalannya, tumpuan Danamodal kini menjurus kepada usaha mengurus lebihan dana dan memastikan pulangan yang terjamin bagi asetnya. Setakat 31 Disember 2002, sebahagian besar daripada aset Danamodal adalah terdiri daripada instrumen berpendapatan tetap. Dengan aset ketara bersih berjumlah RM2.3 bilion, Danamodal mempunyai kemampuan untuk menebus bonnya sebanyak RM11 bilion pada bulan Oktober 2003 dan dijangka akan menamatkan operasinya pada tahun 2003.

Satu lagi pencapaian penting dalam proses penstrukturan semula sektor kewangan ialah penyempurnaan program penggabungan institusi perbankan domestik. Pada bulan Jun 2002, penggabungan di antara Arab-Malaysian Finance Berhad dengan MBf Finance Berhad telah selesai dilaksanakan. Ini disusuli dengan penyempurnaan pembelian Bank Utama Malaysia Berhad oleh RHB Bank Berhad menjelang akhir tahun. Dengan terlaksananya penggabungan-penggabungan ini, sistem perbankan domestik telah bertukar daripada satu sistem yang berpecah-pecah dengan 71 buah institusi sebelum krisis kewangan Asia, kepada 30 buah institusi perbankan yang beroperasi di bawah 10 kumpulan perbankan domestik. Institusi perbankan kini berkedudukan baik untuk memanfaatkan sinergi daripada program penggabungan ini dengan selesainya proses integrasi operasi perbankan, khususnya dari aspek pengkomputeran dan saluran hantaran di samping hal-hal yang melibatkan sumber manusia. Rekasaya semula operasi melalui pengumpulan sumber bersama, jualan silang produk dan perkhidmatan serta penggunaan pihak ketiga bagi operasi bukan teras secara beransur-ansur juga telah membawa kepada peningkatan dalam produktiviti dan tahap perkhidmatan pengguna. Beberapa kumpulan perbankan juga telah membina semula model perniagaan mereka dan merombak struktur organisasi masing-masing agar selari dengan strategi perniagaan baru yang bertujuan menawarkan rangkaian aktiviti kewangan yang lebih meluas di bawah satu jenama yang sama. Di samping program penggabungan di antara institusi perbankan domestik, tahun 2002 turut menyaksikan penggabungan di antara United Overseas Bank (Malaysia) Berhad dengan Overseas Union Bank (Malaysia) Berhad, berikutan penggabungan bank induk mereka di Singapura pada tahun 2001.

Tumpuan Dasar pada Tahun 2002

Dengan kedudukan sistem perbankan yang telah diperkukuhkan dan kemajuan pesat yang dicapai dalam penstrukturan semula sektor kewangan, tumpuan penggubalan dasar pada tahun 2002 menjurus kepada pengukuhan keupayaan dan kapasiti institusi perbankan domestik agar mampu bersaing dalam persekitaran yang lebih terbuka. Usaha ini dilengkapi dengan inisiatif yang diambil untuk meningkatkan kecekapan, inovasi dan dinamisme dalam sektor perbankan. Walau bagaimanapun, kegigihan untuk mencapai tahap kecekapan yang lebih tinggi telah diimbangi dengan keperluan untuk memastikan fungsi pengantaraan

dana berjalan dengan berkesan dan lancar di samping mengekalkan kestabilan sektor kewangan secara keseluruhannya.

Satu lagi agenda utama dasar perbankan adalah untuk memastikan kesemua sektor ekonomi terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Untuk tujuan ini, Bank Negara Malaysia telahpun menjalankan satu kaji selidik bagi mengenal pasti jurang yang terdapat pada infrastruktur sedia ada yang telah menjejaskan pertumbuhan perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (PKS). Daripada hasil kaji selidik ini, suatu rangka kerja yang komprehensif telah dibangunkan untuk mempertingkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi domestik. Di samping itu, satu rangka kerja juga telah dibangunkan bagi menangani isu akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro.

Menyedari betapa pentingnya penglibatan pengguna yang aktif untuk memacu kecekapan dan prestasi kewangan dalam industri perbankan, aspek kritikal yang ditekankan dalam langkah-langkah dasar tahun 2002 adalah usaha membina asas-asas yang perlu bagi membangunkan infrastruktur perlindungan pengguna yang menyeluruh dan berorientasikan pasaran. Bagi menerajui proses ini, satu strategi serampang dua mata telah diperkenalkan, merangkumi satu program pendidikan pengguna selama 10 tahun untuk mempertingkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai, dan untuk memperkukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna yang sedia ada bagi menambah keyakinan terhadap sektor perbankan. Langkah dasar ini telah dilengkapkan dengan langkah-langkah dan inisiatif yang sedang berjalan bagi mengekalkan kestabilan kewangan melalui garis panduan berhemat dan pengawasan penyeliaan yang aktif.

Meningkatkan Kapasiti Domestik

Dengan persaingan domestik kian meningkat dan pengguna semakin sofistikated, kebolehan institusi perbankan untuk menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang meluas dengan cekap pada kos yang rendah adalah kritikal bagi mempertingkatkan tahap daya saing dalam sektor kewangan. Untuk tujuan ini, inisiatif utama yang diambil pada tahun 2002 disasarkan kepada usaha untuk mengukuhkan keupayaan dan kapasiti institusi perbankan domestik. Teras utama kepada usaha-usaha ini ialah program tanda aras yang diperkenalkan pada tahun 2000. Program ini ialah satu kaedah berkesan untuk membolehkan institusi perbankan mengukur setakat mana prestasi mereka, dengan menonjolkan peluang-peluang yang ada dari segi operasi dan strategi di samping bidang-bidang untuk membangunkan strategi dan kemahiran.

Di peringkat awal program tanda aras ini, satu set tanda aras umum untuk mengukur prestasi kewangan asas sesebuah institusi perbankan telah dibentuk. Pada tahun 2002, Bank Negara Malaysia telah menghalusi penunjuk prestasi umum ini bagi membolehkan institusi perbankan menilai bukan sahaja prestasi kewangan mereka, bahkan mutu perkhidmatan masing-masing berbanding pesaing setaraf mereka. Ini termasuklah tanda aras untuk masa yang diambil bagi memproses permohonan pinjaman dan pengeluaran kad kredit gantian, dan tempoh mesin juruwang automatik beroperasi. Statistik industri secara purata diberikan kepada institusi perbankan pada setiap suku tahun untuk kegunaan dalaman mereka. Institusi perbankan juga sedang dalam proses meningkatkan keupayaan sistem pengkomputeran mereka agar dapat mengumpul maklumat mengenai kos dan pulangan untuk setiap produk dan segmen pengguna. Penilaian terhadap prestasi ini juga dilengkapi dengan pemeriksaan oleh Bank Negara Malaysia. Di samping itu, Bank Negara Malaysia mengadakan perbincangan dari masa ke semasa dengan lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan institusi perbankan bagi menyemak prestasi institusi mereka. Perbincangan ini memberi peluang kepada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia untuk berbincang mengenai aspek yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan dan daya saing industri perbankan.

Bagi melengkapi program tanda aras dalam kegigihan mencapai tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam industri perbankan, Bank Negara Malaysia memperkenalkan satu program untuk mengenal pasti keperluan dan jangkaan pengguna, setakat mana ini telah dipenuhi, di samping kelemahan yang terdapat pada mutu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan syarikat insurans. Program ini, termasuklah satu kaji selidik seluruh negara, akan menyediakan asas bagi pembangunan indeks kualiti perkhidmatan untuk institusi perbankan. Kaji selidik ini melibatkan lebih kurang 5,000 pelanggan, termasuk individu, PKS, syarikat-syarikat besar dan multinasional. Kaji selidik ini, yang dimulakan pada bulan November 2002, dijangka mengambil masa empat tahun dengan analisa pertama ke atas

Langkah-langkah Perbankan Pada Tahun 2002

Kemajuan yang ketara telah dicapai pada tahun 2002 dalam melaksanakan saranan-saranan Pelan Induk Sektor Kewangan. Kesemua saranan tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan sektor kewangan dan meningkatkan kecekapan dan daya saing sektor berkenaan. Di samping itu, inisiatif untuk melindungi para pengguna dan pelabur telah diperkenalkan.

Langkah-langkah untuk Meningkatkan Keteguhan dan Kekukuhan

(a) Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tidak Rasmi (IEAF)

Untuk pendekatan terancang ke arah penguatkuasaan langkah-langkah pembetulan yang tepat pada masanya, terutamanya berikutan pemeriksaan Bank Negara Malaysia, Garis Panduan IEAF telah dikeluarkan kepada semua institusi perbankan pada 6 September 2002. Rangka kerja ini menyediakan jenis tindakan penguatkuasaan tidak rasmi berlainan yang boleh diambil oleh Bank Negara Malaysia supaya institusi perbankan mengambil tindakan pembetulan. Secara khusus, IEAF telah memperkenalkan dua tindakan penguatkuasaan tidak rasmi yang baru, iaitu Resolusi Lembaga dan Surat Aku Janji untuk melengkapkan Komitmen yang diberikan oleh sesebuah institusi. Oleh itu, IEAF akan menyumbang ke arah memperkukuhkan institusi perbankan melalui campur tangan yang tepat pada masanya dan pengambilan tindakan pembetulan awalan yang menurut peraturan.

(b) Garis panduan keperluan minimum mengenai pengurusan risiko dan penipuan operasi kad kredit

Garis panduan ini diperkenalkan pada bulan Julai 2002 dan telah dikeluarkan kepada semua pengeluar kad kredit dan pemeroleh kad kredit untuk menangani masalah penipuan kad kredit. Garis panduan ini menetapkan keperluan minimum mengenai langkah-langkah pencegahan, pengesanan, pembetulan dan pembendungan oleh semua pengeluar dan pemeroleh kad kredit untuk mengurangkan risiko berkaitan dengan operasi kad kredit dan untuk membanteras penipuan kad kredit .

(c) Peningkatan kawalan untuk memerangi penipuan berkaitan dengan ATM

Untuk mengurangkan kes-kes penipuan yang berkaitan dengan ATM oleh sindiket pengklonan kad, institusi perbankan dikehendaki supaya mengadakan kawalan yang lebih ketat di dalam sistem mereka. Arahan ini yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2002, juga memerlukan pengawasan secara fizikal yang kerap ke atas mesin ATM untuk mengesan sebarang objek asing, pengawasan pola pengeluaran wang serta kajian semula waktu operasi dan had pengeluaran wang di ATM berkenaan.

(d) Penukaran kad kredit bercip berasaskan piawaian EMV

Dalam usaha untuk membanteras secara serius pengklonan kad kredit, industri perbankan secara keseluruhan telah mengambil inisiatif untuk menukar penggunaan kad kredit berjalur magnet kepada kad bercip berasaskan piawaian EMV. Kad kredit berjalur magnet yang sedia ada akan digantikan dengan kad bercip berasaskan piawaian EMV pada akhir tahun 2004 manakala keupayaan alat pembaca kad akan ditingkatkan atau alat tersebut ditukar dengan yang baru bagi membolehkan ia menerima kad bercip berasaskan piawaian EMV pada akhir tahun 2005.

(e) Garis panduan pembiayaan kepada sektor hartanah dan pembiayaan saham

Pada masa kini, pendedahan pembiayaan institusi perbankan kepada sektor-sektor hartanah dan pinjaman pembiayaan saham adalah tertakluk kepada had-had berdasarkan jumlah pinjaman belum berbayar institusi masing-masing. Di bawah pindaan garis panduan tersebut, had-had pembiayaan ini akan dihapuskan dan pendedahan institusi perbankan kepada sektor-sektor ini akan berdasarkan kepada penilaian risiko institusi masing-masing. Sesebuah institusi akan memerlukan modal tambahan untuk menyokong pendedahannya kepada sektor ini sekiranya ia melebihi had yang telah ditetapkan. Adalah menjadi tanggungjawab lembaga pengarah institusi perbankan untuk memastikan dasar dan prosedur yang bersesuaian diwujudkan untuk mengukur dan mentadbir risiko kredit berikutan

pendedahan kepada sektor ini. Prinsip utama garis panduan yang akan dipinda ini adalah untuk membolehkan institusi perbankan yang mempunyai modal yang kukuh dan keupayaan pengurusan risiko berhemat dalam menguruskan pendedahan kepada kedua-dua sektor tersebut dengan lebih fleksibel. Garis panduan ini akan dikeluarkan pada tahun 2003.

Langkah-langkah untuk Meningkatkan Persaingan dan Kecekapan Dalam Industri Perbankan

(a) Liberalisasi dasar Gerbang Pembayaran Internet

Dasar yang memerlukan institusi perbankan yang mempunyai kerjasama dengan pedagang melalui internet, menyalurkan semua arahan pembayaran melalui gerbang pembayaran yang dikendalikan oleh Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia (1997) Sdn. Bhd. telah dimansuhkan berkuat kuasa 30 September 2002. Tindakan ini membolehkan institusi perbankan mempunyai gerbang pembayaran internet tersendiri atau melanggan gerbang pembayaran pilihan mereka. Ini akan menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi apabila kuasa pasaran memainkan peranan dalam membentuk pembangunan sistem pembayaran.

(b) Liberalisasi urus niaga perjanjian beli balik (repo)

Berkuat kuasa 2 Februari 2002, institusi perbankan dibenarkan untuk menjalankan urus niaga repo dan repo berbalik yang bertempoh matang kurang daripada satu bulan dengan institusi tidak berlesen. Sebelum ini, hanya peniaga utama dan syarikat diskaun dibenarkan untuk menjalankan urus niaga sedemikian. Keistimewaan ini ditarik balik daripada peniaga utama dan syarikat diskaun untuk menggalakkan aktiviti sekunder dan mudah tunai pasaran.

(c) Peluasan perkhidmatan broker wang kepada broker sejagat

Untuk menggalakkan pembangunan pasaran bon ringgit, broker wang dibenarkan untuk meluaskan perkhidmatan pembrokeran mereka kepada broker sejagat dalam pasaran hutang tidak tersenarai berkuat kuasa 27 Ogos 2002. Tambahan lagi, broker sejagat juga dibenarkan menjadi ahli untuk Sistem Tender dan Terbitan Automatik (FAST), Sistem Maklumat dan Penyebaran Bon (BIDS) dan Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti (RENTAS) serta sebagai institusi depositari yang dibenarkan untuk sekuriti hutang. Untuk penyelesaian pembayaran melalui RENTAS, broker sejagat diperlukan untuk melantik bank bagi tujuan penyelesaian tersebut.

(d) Garis panduan kelulusan produk baru

Sebagai sebahagian daripada proses untuk melaksanakan saranan Pelan Induk Sektor Kewangan mengenai falsafah pengawasan bahawa "apa yang tidak dilarang dibenarkan" dan pemansuhan keperluan untuk mendapat kelulusan terlebih dahulu bagi penawaran produk, Garis Panduan Kelulusan Produk Baru telah disediakan dan diedarkan sebagai kertas konsep kepada industri pada bulan November 2002.

Pada masa kini, institusi perbankan dikehendaki supaya mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia sebelum memperkenalkan sebarang produk atau perkhidmatan baru. Keperluan ini bertujuan untuk memastikan pembangunan teratur untuk produk dan perkhidmatan perbankan dan kewangan yang baru. Pada masa yang sama, proses ini membenarkan institusi perbankan dan sistem kewangan membuat penilaian dan menjalankan pengurusan yang berkesan berhubung dengan risiko yang wujud apabila memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru.

Adalah dijangka bahawa pendekatan baru ini akan memberi lebih kejelasan mengenai produk perbankan baru yang akan diperkenalkan, justeru memberi lebih insentif untuk mereka menawarkan produk dan perkhidmatan baru. Walau bagaimanapun, pendekatan baru ini, harus diperlengkapkan dengan tahap ketelusan mengenai produk dan pengetahuan para pengguna yang lebih tinggi. Garis panduan kelulusan produk baru ini akan berkuat kuasa mulai 1 April 2003.

(e) Garis panduan Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID)

Garis panduan NID yang dikeluarkan pada tahun 1993 telah dipinda berkuatkuasa 30 April 2002 untuk menyelaraskan garis panduan ini dengan garis panduan NID secara Islam serta memasukkan amalan pasaran dalam garis panduan tersebut.

Pindaan utama yang dibuat terhadap garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

- Nilai denominasi minimum dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM100,000.
- Tempoh maksimum NID dinaikkan kepada 10 tahun.
- Jumlah agregat NID yang diterbitkan (untuk konvensional dan secara Islam) dihadkan pada lima kali dana modal yang diluluskan.
- Pembelian balik NID sendiri dibenarkan setelah NID diterbitkan dan telah bertempoh matang sekurang-kurangnya untuk satu bulan.
- Cawangan institusi perbankan dibenarkan untuk menerbitkan NID tertakluk kepada pemantauan, kawalan dan mekanisme laporan yang bersesuaian.

(f) Garis panduan Penerimaan Jurubank (BA)

Selaras dengan perkembangan dalam pasaran, garis panduan BA telah dipinda seperti berikut:

- Nilai denominasi minimum BA dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM50,000 dalam gandaan RM1,000 bagi setiap invois.
- Pembiayaan berdasarkan dokumen Ringkasan Invois adalah tertakluk kepada budi bicara institusi perbankan.
- Lanjutan tempoh BA atau pewujudan BA baru untuk membayar semula BA yang sedia ada adalah dilarang.

Langkah-langkah untuk Melindungi Pengguna dan Kepentingan Pelabur

(a) Akses kepada perkhidmatan akaun simpanan

Untuk memastikan semua kumpulan pengguna mendapat akses kepada perkhidmatan akaun simpanan, institusi perbankan telah diingatkan supaya tidak mengenakan fi ke atas pengguna yang membuka/mengendalikan akaun simpanan melainkan akaun simpanan itu tidak aktif. Deposit permulaan minimum juga telah ditetapkan tidak melebihi RM250 dan selepas pembukaan akaun tersebut, pengguna seharusnya dibenarkan menyimpan kurang daripada RM250 dalam akaun mereka tanpa sebarang caj atau fi.

(b) Penyiaran penyata kewangan dalam akhbar

Berkuat kuasa 3 Oktober 2002, institusi berlesen hanya perlu menyiarkan format ringkas penyata kewangan mereka di akhbar sekiranya teks penuh penyata kewangan tersebut termasuk laporan juruaudit disediakan dalam laman web institusi tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa ciri utama dalam prestasi institusi berlesen diperjelaskan kepada umum. Format ringkas tersebut termasuk:

(i) Kunci Kira-kira;
(ii) Penyata Pendapatan;
(iii) Penyata Aliran Tunai;
(iv) Laporan Juruaudit; dan
(v) Nota Penjelasan Kepada Akaun mengenai perkara-perkara berikut:
  (a) Sekuriti pelaburan;
  (b) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan;
  (c) Komitmen dan luar jangkaan; dan
  (d) Modal kecukupan

(c) Garis panduan atas aktiviti serah semua oleh peniaga terkecuali

Untuk menggalakkan tahap perlindungan yang lebih tinggi kepada pelabur yang menyertai aktiviti pasaran modal, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti pada bulan Julai 2002 secara bersama telah mengeluarkan satu kertas garis panduan untuk mengawal selia aktiviti serah semua peniaga terkecuali, kepada industri perbankan untuk perbincangan. Aktiviti serah semua ini hanya bertujuan untuk meliputi aktiviti yang melibatkan urus niaga saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilaksanakan oleh peniaga terkecuali bagi pihak pelanggan, dan bukan aktiviti-aktiviti lain seperti yang dinyatakan dalam Perintah Industri Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 1996. Garis panduan ini juga mengkehendaki kakitangan yang mengendalikan aktiviti serah semua untuk menduduki peperiksaan pelesenan seperti yang dikehendaki untuk syarikat broker saham pada masa kini.

(d) Garis panduan contoh penyata kewangan untuk institusi kewangan berlesen (BNM/GP8)

BNM/GP8 pertama kalinya dikeluarkan pada tahun 1988 dengan objektif utamanya untuk memastikan institusi kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan dan pendedahan semua fakta penting dan luar biasa bagi memudahkan para pengguna membuat penilaian dan taksiran mengenai kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah institusi kewangan. Sejak tahun tersebut, BNM/GP8 telah dipinda untuk mengambil kira perkembangan baru seperti operasi Skim Perbankan Tanpa Faedah. Pada tahun 2002, satu kajian semula telah dijalankan untuk mengambil kira penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) pada bulan Julai 1997 dan seterusnya pengeluaran piawaian perakaunan oleh MASB, serta peningkatan keperluan untuk lebih pendedahan umum bagi menggalakkan disiplin pasaran. Berikutan perkembangan tersebut, kertas konsep BNM/GP8 yang dipinda telah dikeluarkan pada tahun 2002 kepada industri perbankan, firma audit, MASB dan badan professional yang berkaitan.

Piawaian perakaunan MASB dan Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) 39 mengenai perakaunan nilai berpatutan merupakan asas utama kepada pindaan BNM/GP8. Perubahan-perubahan lain dalam BNM/GP8 termasuklah penekanan yang lebih terhadap peranan lembaga pengarah dalam penyediaan penyata kewangan, penilaian operasi institusi perbankan pada tahun yang lepas dan yang akan datang serta perkara-perkara yang berkaitan dengan urus tadbir korporat seperti tanggungjawab lembaga pengarah, jawatankuasa dan amalan pengurusan risiko, dengan mengambil kira amalan terbaik antarabangsa.

Perkembangan di dalam Biro Kredit

Pada tahun 2002, beberapa peningkatan telah dibuat ke atas operasi Biro Kredit milik Bank. Pertama sekali, pangkalan data peminjam yang baru dibangunkan, iaitu Central Credit Reference Information System (CCRIS), yang dilancarkan pada awal bulan Oktober 2001 berfungsi dengan baik. Oleh itu, pangkalan data yang diguna pakai sebelum ini telah ditamatkan operasinya.

Dengan pelaksanaan CCRIS yang meliputi maklumat mengenai 5 juta peminjam (kurang daripada 100,000 dalam sistem sebelumnya), liputan Biro Kredit yang lengkap dan luas, telah meningkatkan keberkesanannya sebagai saluran maklumat kredit di Malaysia. Semenjak penubuhan CCRIS, jumlah pencarian maklumat kredit ke atas peminjam dan bakal peminjam oleh institusi kewangan dari Biro Kredit, secara puratanya melebihi 300,000 sebulan, berbanding kurang daripada 500 sebulan sebelumnya. Maklumat kredit yang bermutu tinggi ini telah meningkatkan kecekapan di dalam proses penilaian permohonan kredit di institusi kewangan. Semenjak CCRIS dilancarkan, keputusan terhadap 90% daripada permohonan kredit telah dibuat oleh institusi kewangan dalam tempoh sebulan. Adalah dijangka tempoh keputusan permohonan kredit oleh institusi kewangan akan dipendekkan lagi di masa hadapan memandangkan kebanyakan daripada institusi kewangan yang sedang membangunkan model pemarkahan kredit berkomputer menggunakan input daripada data diambil dari CCRIS.

Pada tahun 2002 juga, pindaan pada Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan pindaan pada akta-akta lain yang berkaitan dengan Biro Kredit telah dikuatkuasakan. Pindaan-pindaan tersebut adalah disasarkan untuk memudahkan operasi Biro Kredit, melindungi kerahsiaan maklumat di dalam CCRIS dan meningkatkan perlindungan terhadap pengguna. Berikutan itu, Biro Kredit telah diberi kuasa untuk memberikan maklumat kredit mengenai pelanggan bank kepada pelanggan untuk mengesahkan ketepatan dan kesempurnaan maklumat tersebut. Ini adalah satu perkembangan yang penting dan tepat pada masanya yang mana kini terdapat satu proses untuk peminjam menyelesaikan masalah pertikaian maklumat dengan institusi kewangan dengan cepat. Semasa menyiasat masalah pertikaian maklumat ini, beberapa kes kecurian identiti telah ditemui dan diperbetulkan untuk kepentingan pelanggan.

Untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap peranan Biro Kredit di dalam sistem kewangan, Bank telah menerbitkan satu risalah yang bertajuk "Biro Kredit" seiring dengan Program Kesedaran Pengguna yang dilancarkan pada bulan Januari 2003. Pada masa yang sama, maklumat berkenaan Biro Kredit dan aktivitinya juga telah dimuatkan ke dalam laman web Bank.

Pengenalan Terhadap Insurans Deposit di Malaysia

Infrastruktur perlindungan pengguna yang kukuh telah dikenal pasti di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) sebagai salah satu daripada empat elemen yang membentuk asas bagi sebuah sistem kewangan yang efisien dan stabil. Pentingnya sebuah infrastruktur perlindungan pengguna berpunca daripada keupayaannya mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sebuah sistem kewangan yang boleh dipercayai dalam suasana perniagaan yang berubah-ubah dan kitaran ekonomi yang berlainan, yang seterusnya akan menyumbang kepada kestabilan jangka panjang.

Elemen yang Membentuk Asas bagi Sistem Kewangan yang Efisien dan Stabil



Dalam konteks ini, saranan PISK untuk memperkenalkan sistem insurans deposit di Malaysia adalah satu langkah yang progresif dalam mengukuhkan lagi rangka kerja perlindungan pengguna di dalam sistem kewangan yang semakin berorientasikan pasaran. Insurans deposit memberikan jaminan eksplisit ke atas deposit yang diinsuranskan sehingga suatu jumlah yang ditetapkan sekiranya institusi pengambilan deposit yang merupakan ahli sistem insurans deposit tidak berupaya untuk memenuhi obligasi terhadap pendeposit. Lebih daripada 70 buah negara di seluruh dunia telah memperkenalkan sistem insurans deposit, termasuk negara membangun dan sedang membangun, dengan sistem terawal diperkenalkan pada tahun 1934. Artikel ini menggariskan matlamat polisi awam sistem insurans deposit yang dicadangkan di Malaysia dan beberapa ciri utama yang sedang dipertimbangkan untuk membentuk satu sistem yang bersesuaian dan efektif bagi sistem kewangan Malaysia.

Mempertingkatkan perlindungan pendeposit di Malaysia

Sebuah sistem perbankan yang kukuh dan stabil di Malaysia dicapai menerusi penyeliaan berwaspada institusi-institusi perbankan, disokong oleh infrastruktur perundangan dan pengawalseliaan yang komprehensif. Bersama dengan peranan Bank Negara Malaysia sebagai pemberi pinjaman usaha akhir[1] , sistem insurans deposit akan mengukuhkan lagi keseluruhan jaringan perlindungan kewangan dengan menambahkan satu lagi dimensi kepada perlindungan pendeposit di Malaysia. Secara khususnya, ini akan dicapai dengan:-

- ***mengukuhkan insentif bagi amalan kewangan dan perniagaan yang sihat***
  Sistem insurans deposit akan meneguhkan lagi peranan Bank Negara Malaysia sebagai badan pengawalseliaan dan usahanya dalam menggalakkan pengurusan yang sihat bagi institusi-institusi perbankan (sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia yang berkenaan terkandung dalam "Pengurusan Sistem Perbankan") dengan mencipta insentif tambahan bagi amalan kewangan dan perniagaan yang sihat. Insentif-insentif ini termasuk caruman premium yang berbeza daripada institusi-institusi perbankan dan satu tahap perlindungan berpatutan yang akan melindungi sebahagian besar pendeposit sementara mengekalkan insentif yang secukupnya bagi pendeposit yang memiliki jumlah deposit yang besar dan pendeposit institusi, di mana mereka mempunyai akses kepada kepakaran kewangan, untuk yang mengawasi prestasi institusi-institusi perbankan dengan lebih teliti. Ini akan menggalakkan disiplin pasaran yang lebih efektif.

[1] Di bawah seksyen 31A Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan seksyen 78 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Bank Negara Malaysia boleh memberi pinjaman, disokong oleh cagaran yang mencukupi kepada sebuah institusi perbankan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang mungkin tidak berupaya untuk memenuhi kesemua atau sebahagian obligasinya atau yang bakal menangguhkan pembayaran.

- ***menyediakan perlindungan eksplisit kepada pendeposit***
  Perlindungan pendeposit memenuhi dua tujuan. Pertama, dengan menyediakan jaminan eksplisit ke atas deposit yang diinsuranskan, sebuah sistem insurans deposit akan dapat mempertingkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Ini penting bagi kestabilan kewangan memandangkan pengeluaran deposit secara tiba-tiba dan menyeluruh oleh pendeposit boleh meningkatkan permintaan kecairan ke atas institusi perbankan dengan ketara. Seterusnya ini boleh membawa kesan penularan ke bahagian-bahagian lain sistem perbankan. Kedua, walaupun usaha-usaha bagi meningkatkan tahap penzahiran dan ketelusan industri perbankan terus dijalankan, kerumitan operasi perbankan yang semakin meningkat menyebabkan kesusahan di kalangan pendeposit untuk mengawasi dan menganalisa dengan efektif kedudukan kewangan institusi-institusi perbankan. Memandangkan kekangan ini dan suasana persaingan yang semakin hebat, sebuah sistem insurans deposit yang efektif yang menyediakan tahap perlindungan eksplisit kepada pendeposit setakat jumlah yang diinsuranskan, akan mengurangkan beban pendeposit dalam mengawasi dan menilai kedudukan kewangan institusi-institusi perbankan secara individu.

- ***mengagihkan semula kos resolusi institusi perbankan kepada sistem perbankan***
  Di bawah sistem insurans deposit yang dibiayai secara swasta, institusi-institusi perbankan menanggung kos insurans deposit menerusi caruman premium kepada dana insurans deposit. Dana ini mungkin digunakan untuk membayar balik pendeposit institusi-institusi perbankan sekiranya sebuah institusi perbankan tidak berupaya untuk memenuhi obligasinya kepada pendeposit atau untuk menyediakan bantuan kewangan bagi melaksanakan resolusi yang bersesuaian dalam menangani institusi berkenaan. Ini akan mengurangkan jangkaan terhadap Kerajaan untuk melibatkan diri dan menyokong perlaksanaan resolusi perbankan. Kewujudan jangkaan sebegini membawa kepada bahaya moral yang boleh melemahkan kekukuhan sistem perbankan dalam jangka panjang. Sebaliknya, pengagihan semula kos resolusi kepada sistem perbankan boleh menggalakkan disiplin di kalangan institusi-institusi perbankan ke arah mengekalkan sebuah sistem kewangan yang sihat dan stabil.

Di Malaysia, keadaan yang sesuai wujud bagi menjayakan pengenalan sistem insurans deposit. Ini termasuk keadaan ekonomi dalam negeri yang kukuh, dengan prospek pertumbuhan kekal positif dalam suasana yang disokong oleh dasar makroekonomi yang kukuh dan pencapaian sistem perbankan yang menggalakkan yang terus mencatat keuntungan bagi tahun keempat berturut-turut pada tahun 2002. Penggabungan industri perbankan kepada 10 kumpulan perbankan domestik yang besar yang telah selesai dilaksanakan juga telah mengukuhkan sektor perbankan. Bersama dengan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan penyeliaan yang teguh, ini menyediakan asas yang diperlukan dan juga kefleksibelan dasar untuk mengambil kira rangkaian pilihan yang lebih luas bagi membentuk sebuah sistem insurans deposit yang efektif yang akan mencapai matlamat utama dalam menyumbang ke arah kestabilan kewangan.

Reka bentuk sebuah sistem insurans deposit yang bersesuaian bagi Malaysia akan berpandukan kepada beberapa prinsip utama:-

- sistem ini akan mengandungi ciri-ciri yang meneguhkan amalan kewangan dan perniagaan yang sihat dalam sistem perbankan;
- kos menyediakan perlindungan insurans deposit tidak akan memberikan beban kepada pengguna, dan tidak akan dipindahkan kepada pendeposit institusi-institusi perbankan;
- pelaksanaan sistem tidak akan membawa kepada kesan yang tidak stabil ke atas struktur persaingan dalam sistem kewangan atau ke atas kelakuan penjimatan dan pelaburan orang ramai;
- sistem ini akan berlaku adil kepada semua pihak yang berkepentingan, dengan mengambil kira kepentingan pendeposit, Kerajaan dan institusi-institusi perbankan yang merupakan ahli sistem insurans deposit;
- sebarang pertindanan fungsi atau keperluan pengawalseliaan yang berkaitan dengan pengenalan sistem insurans deposit akan diminimakan supaya tidak membawa bebanan tambahan pengawalseliaan ke atas institusi-institusi perbankan; dan
- sistem ini akan membolehkan pentadbiran yang efisien dan komunikasi yang efektif kepada orang ramai.

Mengukuhkan jaringan perlindungan kewangan

Sistem insurans deposit mempunyai peranan yang penting di dalam jaringan perlindungan kewangan. Kuasa-kuasa dan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu yang diberikan kepada penginsurans deposit untuk menjalankan peranannya bergantung kepada mandatnya. Mandat yang akan dicadangkan bagi

sistem insurans deposit di Malaysia adalah bagi mentadbir sebuah sistem insurans deposit dengan cara yang selaras dengan menggalakkan insentif bagi pengurusan risiko yang kukuh, membayar balik pendeposit bagi kehilangan kesemua atau sebahagian daripada jumlah deposit mereka sekiranya institusi perbankan tidak berupaya memenuhi obligasinya kepada pendeposit, walaupun kemungkinan ini berlaku adalah tipis, dan menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Di bawah mandat ini, penginsurans deposit mungkin juga akan melaksanakan resolusi institusi perbankan untuk melindungi hak-hak pendeposit.

Jaringan Perlindungan Kewangan bagi Sistem Kewangan Malaysia



Penyelarasan pelbagai peranan Bank Negara Malaysia dan sistem insurans deposit adalah penting bagi memastikan jaringan perlindungan kewangan berfungsi dengan efektif dan mengelakkan pertindanan fungsi penyeliaan yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia. Ini dicapai dengan mandat yang jelas bagi sistem insurans deposit dan juga penggubalan rangka kerja hubungan antara Bank Negara Malaysia dengan sistem insurans deposit yang akan menjelaskan isu kebertanggungjawaban, pembahagian kuasa dan tanggungjawab serta penyelarasan tindakan.

Memupuk keyakinan dan memastikan daya maju menerusi keahlian wajib

Secara dasar, keahlian sistem insurans deposit boleh merangkumi mana-mana institusi pengambilan deposit. Walau bagaimanapun, sebagai amalan biasa, keahlian sistem insurans deposit dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk:-

(i) sama ada institusi-institusi tertakluk kepada rejim pengawalseliaan dan penyeliaan yang kukuh;
(ii) jenis aktiviti teras dan peranan utama institusi-institusi;
(iii) kewujudan sokongan Kerajaan atau skim perlindungan lain;
(iv) kaitan institusi-institusi dengan kestabilan sistem kewangan; dan
(v) potensi kesan herotan persaingan yang mungkin wujud dengan pengasingan institusi-institusi tertentu daripada keahlian sistem insurans deposit.

Setelah mengambil kira faktor-faktor ini, keahlian akan diwajibkan bagi institusi-institusi tertentu agar dapat mengelakkan pemilihan yang silap *("adverse selection")* yang boleh membawa kepada sistem insurans deposit yang hanya disokong oleh institusi-institusi kecil atau institusi-institusi yang dianggap lemah. Keperluan ini seterusnya akan mengekalkan daya maju jangka panjang sistem insurans deposit.

Menggalakkan disiplin pasaran yang lebih tinggi menerusi perlindungan terhad

Ciri utama sistem insurans deposit yang efektif adalah perlindungan deposit terhad pada tahap sesuai yang menggalakkan kestabilan dengan menyediakan perlindungan pada tahap yang mencukupi kepada sebilangan besar pendeposit, sementara menggalakkan pendeposit besar dan institusi-institusi yang tidak diinsuranskan sepenuhnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam menegaskan disiplin pasaran ke atas institusi-institusi perbankan. Sistem-sistem insurans deposit di dunia pada lazimnya menyediakan lindungan penuh antara 80% hingga 90% daripada pendeposit atau akaun di dalam sistem perbankan. Lindungan penuh bagi sebahagian besar pendeposit runcit adalah penting bagi mengekalkan keyakinan orang ramai. Di rantau Asia, secara amnya, kebanyakan sistem insurans deposit mengamalkan tahap lindungan yang lebih tinggi yang memberi perlindungan penuh kepada lebih 90% daripada pendeposit atau akaun.

Begitu juga, skop dan tahap lindungan bagi sistem insurans deposit yang dicadangkan di Malaysia akan menyediakan perlindungan penuh untuk sekurang-kurangnya 90% daripada pendeposit individu dan perniagaan. Pada masa yang sama, perlindungan deposit sehingga had yang ditentukan ini akan memastikan bahawa insentif-insentif yang secukupnya dikekalkan bagi menggalakkan pendeposit besar dan pendeposit institusi bagi mereka menjalankan disiplin pasaran yang lebih tinggi ke atas institusi-institusi perbankan.

Mengukuhkan insentif bagi amalan kewangan dan perniagaan yang sihat menerusi premium berdasarkan risiko

Struktur pembiayaan yang sihat adalah kritikal bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit dan mengekalkan keyakinan orang ramai. Di bawah sistem insurans deposit yang dibiayai secara swasta, institusi-institusi perbankan yang merupakan ahli sistem insurans deposit menyumbang premium yang digunakan untuk membayar kos pentadbiran, tuntutan pendeposit dan kos resolusi yang dipikul oleh penginsurans deposit. Sumbangan ini mungkin dibuat secara sumbangan berkala *("ex-ante")* atau selepas pembayaran tuntutan deposit atau resolusi sebuah institusi perbankan *("ex-post")*.

Struktur pembiayaan yang menggabungkan pembiayaan secara *"ex-ante"* dan *"ex-post"* sedang dipertimbangkan bagi sistem insurans deposit yang dicadangkan di Malaysia. Pembiayaan sebegini menawarkan beberapa kelebihan. Sumbangan premium berkala membolehkan premium diseratakan dalam suatu jangka masa dan adalah lebih adil kerana institusi perbankan yang menjalani resolusi di bawah sistem insurans deposit juga akan menyumbang terhadap kos resolusinya menerusi premium yang telah disumbangkan sebelum resolusinya. Pada masa yang sama, keupayaan untuk mengenakan caj *"ex-post"* bagi membiayai pembayaran tuntutan deposit atau resolusi institusi perbankan membolehkan pengumpulan dana insurans deposit dibuat dalam suatu jangka masa dan mengelakkan keperluan untuk mengekalkan dana kontingensi yang besar yang mana dana ini boleh dilaburkan secara lebih efisien oleh institusi-institusi perbankan.

Caj premium yang dikenakan ke atas institusi-institusi perbankan yang menjadi ahli sistem insurans deposit boleh ditentukan berdasarkan kadar tetap atau berlainan berdasarkan profil risiko institusi-institusi individu. Sistem kadar tetap adalah lebih senang ditadbir berbanding dengan sistem premium berdasarkan risiko. Walau bagaimanapun, sistem kadar tetap tidak menggambarkan risiko berlainan setiap ahli sistem insurans deposit. Oleh itu, sistem ini tidak dapat menangani bahaya moral dengan efektif kerana institusi-institusi perbankan boleh mengambil risiko yang berlebihan tanpa memikul kos insurans deposit yang lebih tinggi. Ia juga kurang adil kerana ahli sistem insurans deposit yang mempunyai profil risiko yang rendah akan secara efektif memberi subsidi kepada ahli sistem insurans deposit yang mempunyai risiko yang tinggi.

Selaras dengan matlamat mengukuhkan amalan kewangan dan perniagaan yang sihat, sistem insurans deposit yang dicadangkan di Malaysia akan melaksanakan model penentuan kadar premium berlainan yang berdasarkan risiko. Kadar premium yang dikenakan ke atas institusi-institusi perbankan di bawah berbagai kategori risiko akan ditetapkan supaya ia tidak menghasilkan kesan yang ketara ke atas keuntungan institusi-institusi perbankan individu atau kos perkhidmatan kewangan kepada pengguna. Pada masa yang sama, kadar-kadar premium yang dikenakan akan ditetapkan supaya dapat menyediakan insentif yang efektif untuk institusi-institusi perbankan memperbaiki profil risiko mereka bagi mengurangkan sumbangan premium masing-masing.

Melindungi deposit secara Islam yang selaras dengan prinsip Syariah

Sebagai salah satu komponen penting di dalam sistem perbankan utama di Malaysia, sistem insurans deposit yang dicadangkan juga akan memberi perlindungan kepada deposit secara Islam, selaras dengan prinsip Syariah. Ini akan dicapai dengan memasukkan ciri-ciri tertentu di dalam reka bentuk sistem insurans deposit yang menepati elemen perbankan Islam, di samping mengekalkan kesaksamaan antara deposit konvensional dan secara Islam.

Mempertingkatkan keberkesanan menerusi program komunikasi yang komprehensif

Pengenalan sistem insurans deposit yang dicadangkan akan disokong oleh program komunikasi yang komprehensif untuk mendidik orang ramai mengenai kelebihan sistem tersebut. Matlamat utama program ini adalah untuk memupuk pemahaman yang mendalam mengenai sistem insurans deposit di kalangan orang ramai serta ahli-ahli sistem insurans deposit, yang seterusnya akan membina asas untuk sistem insurans deposit yang efektif di Malaysia.

pasaran dijangka selesai dilakukan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2003.

Buat masa ini, institusi perbankan perlu memenuhi keperluan pralulus sebelum memperkenalkan aktiviti ataupun produk baru. Keperluan ini adalah bagi memastikan pembangunan pasaran kewangan berjalan dengan teratur di samping terdapatnya ciri-ciri perlindungan yang mencukupi untuk melindungi hak-hak pengguna, berikutan ketiadaan rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif. Walaupun syarat-syarat ini dirasakan perlu, ia telah menimbulkan ketidakpastian di kalangan institusi perbankan mengenai syarat-syarat pengawalseliaan bagi produk dan pendekatan baru yang diambil. Pada masa hadapan, dalam keadaan persekitaran pengawalseliaan yang semakin berorientasikan pasaran dengan pergantungan yang lebih tinggi kepada disiplin pasaran dan aktivisme pengguna untuk memacu prestasi kewangan, keperluan ini akan dilonggarkan secara beransur-ansur bagi memberi insentif untuk berinovasi dan menggalakkan institusi perbankan untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan bagi membangunkan produk dan perkhidmatan yang memanfaatkan segmen perniagaan mereka yang bersifat "niche". Untuk tujuan ini, "Garis Panduan Keperluan Kelulusan Produk Baru" telah dikeluarkan pada suku pertama tahun 2003, dengan objektif untuk menyediakan satu rangka kerja yang berstruktur dan telus bagi menggantikan keperluan pralulus yang sedia ada untuk produk. Garis Panduan ini menetapkan satu proses pengeluaran notis pemberitahuan dan kelulusan untuk produk baru yang mudah, selaras dengan saranan PISK berdasarkan prinsip "apa yang tidak dilarang dibenarkan". Di bawah rangka kerja baru ini, produk dan/atau ciri-ciri produk yang perlu mendapat kelulusan sebelum ditawarkan telah dikenal pasti termasuk maklumat khusus yang perlu dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia untuk melancarkan proses kelulusan. Bagi melengkapi pendekatan baru ini, tahap pengawasan akan dipertingkatkan untuk memastikan pembangunan produk dan perkhidmatan berjalan dengan teratur. Di samping itu, keperluan untuk meningkatkan ketelusan produk dan bagi pengguna mendapatkan maklumat mengenai produk terkandung dalam Garis Panduan ini.

Garis Panduan untuk Tabung Latihan Kakitangan telah diperkenalkan pada tahun 1985 bagi menggalakkan institusi perbankan melatih kakitangan masing-masing agar tidak lagi menarik masuk kakitangan daripada institusi lain. Di bawah Garis Panduan ini, institusi perbankan yang mengambil kakitangan institusi lain dikehendaki menyumbang kepada Tabung Latihan Kakitangan ini yang diuruskan oleh Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM). Dengan sektor perbankan yang membangun, keupayaan institusi perbankan untuk menarik bakat yang terbaik menjadi semakin kritikal, terutamanya dalam bidang di mana kemahiran masih berkurangan seperti pengurusan risiko, pembangunan sistem dan penjalinan perikatan. Dengan itu, moratorium upah telah ditarik balik pada tahun 2000 supaya institusi perbankan mempunyai lebih kebebasan untuk menentukan amaun saraan kakitangan mereka berdasarkan produktiviti dan prestasi. Selaras dengan langkah liberalisasi ini, penalti untuk pengambilan kakitangan daripada institusi lain akan dimansuhkan secara berperingkat. Dengan ini, Garis Panduan untuk Tabung Latihan Kakitangan telah dikaji semula, di mana skop liputan telah dihadkan kepada kakitangan yang menerima gaji bulanan kasar sebanyak RM4,000 berbanding dengan RM2,000 sebelum ini. Institusi perbankan dikehendaki menyumbang kepada Tabung Latihan Kakitangan satu jumlah yang bersamaan dengan gaji kasar baru selama enam bulan yang diberi kepada kakitangan yang telah diambil, sekiranya majikan kakitangan terdahulu tidak bersetuju untuk melepaskan kakitangan tersebut.

Satu lagi cara penting untuk institusi perbankan mempercepatkan proses peningkatan kapasiti dan keupayaan mereka ialah melalui perikatan strategi. Satu bentuk perikatan strategi yang semakin penting di Malaysia adalah konsep bankassurans, yang melibatkan perikatan di antara syarikat insurans dan institusi perbankan untuk memasarkan produk insurans melalui cawangan institusi perbankan. Perikatan strategi ini melengkapi usaha institusi perbankan untuk menawarkan kepada pelanggan rangkaian produk yang berpelbagai. Pada tahun 2002, satu kaji selidik telah dibuat untuk mengukur tahap penggunaan perikatan strategi dalam sektor perbankan dan mengenal pasti isu-isu yang mungkin membawa kesan kepada daya maju sesebuah perikatan strategi. Kaji selidik ini menunjukkan bahawa walaupun institusi perbankan berusaha untuk memanfaatkan perikatan strategi ini, perikatan yang telah dijalin lazimnya meliputi perbankan runcit dan teknologi maklumat. Penemuan daripada kaji selidik ini juga akan digunakan untuk mengkaji semula rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang sedia ada dan mengenal pasti cara untuk menggalakkan lebih banyak lagi perikatan strategi.

Pada tahun 2000, kelulusan menyeluruh telah diberi kepada institusi perbankan untuk menjalankan aktiviti jualan silang dan bagi merasionalisasikan operasi dalaman mereka bagi memaksimumkan sinergi kumpulan dan ekonomi mengikut bidangan. Pada masa hadapan, kumpulan perbankan akan digalakkan untuk merasionalisasikan lagi operasi dalaman mereka bagi memaksimumkan ekonomi ikut bidangan. Untuk tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah memulakan usaha untuk memudahkan penggabungan operasi bank perdagangan dan syarikat kewangan dalam satu kumpulan perbankan domestik kepada satu entiti yang menyediakan seluruh spektrum produk kewangan yang berkaitan dengan aktiviti bank perdagangan dan syarikat kewangan. Entiti sah ini akan memegang kedua-dua lesen bank perdagangan dan syarikat kewangan dan dengan itu dapat mengurangkan pertindihan sumber dan menghasilkan penjimatan kos.

Memastikan Akses yang Berterusan kepada Pembiayaan

Pertumbuhan ekonomi yang berterusan memerlukan akses kepada pembiayaan untuk menyokong proses pertumbuhan. Memandangkan sistem perbankan merupakan sumber utama pembiayaan dalam ekonomi, tumpuan utama langkah-langkah dasar pada tahun 2002 adalah bagi memastikan aktiviti pemberian pinjaman oleh sistem perbankan dapat menyokong pertumbuhan ekonomi. Perkembangan yang menarik perhatian ialah terdapat trend yang meningkat dalam pembiayaan kepada peminjam-peminjam kecil. Ini sebahagiannya didorong oleh peralihan minat kepada pasaran bon oleh sektor korporat dan peningkatan tumpuan dalam pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah dan PKS oleh institusi perbankan. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pinjaman kepada sektor isi rumah telah mencatat pertumbuhan yang mantap dengan kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 15% sejak tahun 1997, manakala pemberian pinjaman kepada PKS sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman kepada perniagaan telah meningkat daripada 22.2% kepada 30.1%.

.....beberapa langkah telah diperkenalkan pada tahun 2002 bagi memastikan komuniti perniagaan, terutama sekali PKS dan perusahaan Bumiputera terus mendapat akses kepada pembiayaan.

Bagi mencapai objektif ini, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) akan dipinda dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2003.

Penggabungan di antara bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun bagi membentuk bank-bank pelaburan juga akan digalakkan seperti yang disarankan dalam PISK. Bank Negara Malaysia, bersama dengan Suruhanjaya Sekuriti (SS) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sedang menghalusi satu rangka kerja pengawalseliaan tunggal berkaitan dengan modal untuk bank pelaburan agar perbezaan di antara peraturan kecukupan modal bank saudagar dan syarikat broker saham yang sedia ada dapat diseragamkan. Dalam menggubal peraturan mengenai modal ini yang akan mewujudkan satu rangka kerja kecukupan modal tunggal untuk bank pelaburan, agensi-agensi pengawalseliaan terlibat telah mengambil kira keperluan untuk meminimumkan bebanan pengawalseliaan ke atas bank pelaburan, selain daripada memastikan bahawa rangka kerja modal ini dapat mengesan risiko yang berkaitan dengan aktiviti bank pelaburan. Satu kertas konsep mengenai pembentukan bank pelaburan akan diedarkan pada awal tahun 2003. Ini akan disusuli oleh pindaan kepada ABIK yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2003, bagi memudahkan pembentukan bank pelaburan.

Menyedari kepentingan sektor perniagaan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi, beberapa langkah telah diperkenalkan pada tahun 2002 bagi memastikan komuniti perniagaan, terutama sekali PKS dan perusahaan Bumiputera, terus mendapat akses kepada pembiayaan. Dalam merumuskan langkah-langkah ini, adalah disedari bahawa isu-isu yang dihadapi oleh peminjam perniagaan kecil memerlukan kajian yang komprehensif terhadap amalan dan infrastruktur yang sedia ada, memandangkan isu pembiayaan sering berhubung kait dengan masalah lain yang menjejaskan daya maju kumpulan peminjam tersebut. Bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh PKS di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kaji selidik pada tahun 2001 untuk menilai keperluan dan masalah yang dihadapi oleh PKS. Hasil kaji selidik tersebut menunjukkan bahawa akses pembiayaan dan bukannya kos peminjaman, merupakan salah satu isu utama yang dihadapi oleh PKS. Di samping itu, masalah lain seperti kekurangan kemahiran dalam aspek kewangan, pengurusan dan pemasaran,

penggunaan teknologi yang rendah serta kurangnya aktiviti penyelidikan dan pembangunan telah menjejaskan daya maju PKS. Berdasarkan hasil kaji selidik tersebut, Bank Negara Malaysia telah mencadangkan satu "Rangka Kerja Komprehensif untuk Pembangunan PKS" bagi menggalakkan persekitaran yang merangsang pembangunan PKS di Malaysia.

Di antara faktor yang mengekang kemampuan PKS untuk mendapat pembiayaan adalah ketiadaan rekod kewangan yang mencukupi dan teratur. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa PKS memerlukan bantuan khidmat nasihat, termasuk yang berkaitan dengan perakaunan dan kewangan serta pengurusan dan pemasaran. Institusi perbankan dengan ini digalak untuk meningkatkan khidmat nasihat kewangan kepada peminjam PKS. Pada tahun 2002, 18 daripada 25 buah bank perdagangan telah menyediakan khidmat tambahan kepada peminjam-peminjam tersebut. Hampir kesemua bank perdagangan juga telah menubuhkan unit-unit PKS. Di antara khidmat yang disediakan oleh Unit PKS ini termasuklah mengenal pasti dan merangka produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan kewangan PKS, mengadakan sesi latihan, bengkel dan khidmat nasihat lain seperti pengurusan kewangan dan wang tunai serta perundingan insurans.

Di samping itu, pelbagai inisiatif telah diambil bagi meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan. Khususnya, adalah dikenal pasti bahawa kekurangan cagaran merupakan salah satu daripada halangan utama yang dihadapi oleh PKS dalam mendapatkan pembiayaan. Oleh yang demikian, satu mekanisme penyediaan jaminan yang cekap adalah penting untuk mengatasi masalah tersebut. Sehubungan ini, langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan operasi Syarikat Jaminan Kredit (CGC) melalui pelbagai inisiatif. Pada tahun 2000, CGC telah menerima suntikan modal berjumlah RM1 bilion daripada Bank Negara Malaysia. Cawangan-cawangan baru juga telah dibuka dan sistem permohonan melalui internet telah dilancarkan bagi membolehkan PKS mendapat akses kepada CGC dengan lebih mudah. Selaras dengan saranan PISK, Bank Negara Malaysia juga sedang menilai keberkesanan infrastruktur yang sedia ada dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan skop CGC. Sementara itu, ekoran permintaan yang tinggi daripada PKS untuk pinjaman di bawah Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2), Bank Negara Malaysia telah menambah peruntukan di bawah kedua-dua tabung tersebut sebanyak RM250 juta bagi setiap tabung, masing-masing kepada RM650 juta dan RM500 juta pada bulan Oktober 2002.

Pembangunan usahawan Bumiputera terus diberi penekanan oleh Bank Negara Malaysia. Strategi telah dibangunkan dan disemak secara berkala untuk mencari pendekatan yang terbaik bagi menyokong pembangunan usahawan Bumiputera. Untuk tujuan ini, berkuat kuasa 3 Jun 2002, semua fungsi dan peranan Unit Pembangunan Bumiputera di Bank Negara Malaysia telah dipindahkan ke ERF Sdn Bhd (ERF), sebuah syarikat di mana Bank Negara Malaysia adalah merupakan pemegang saham utama. Dengan ini, ERF menjadi satu "badan tujuan khas" untuk bertindak sebagai "pusat sehenti" dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan usahawan Bumiputera, termasuklah menyediakan pembiayaan, latihan dan khidmat nasihat. Selain daripada itu, ERF juga mengendali dan memantau isu-isu yang dibangkitkan oleh usahawan Bumiputera mengenai keberkesanan dan kualiti perkhidmatan institusi perbankan. Langkah ini adalah bertujuan untuk mewujudkan mekanisme yang lebih cekap dan berkesan bagi membantu pembangunan usahawan Bumiputera.

Sementara usaha berterusan dibuat bagi memastikan semua segmen ekonomi mendapat akses yang mencukupi kepada pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, adalah dikenal pasti bahawa salah satu daripada cabaran yang dihadapi oleh perusahaan mikro atau syarikat-syarikat yang amat kecil adalah akses kepada pembiayaan. Berdasarkan ciri-ciri mereka, seperti kekurangan rekod kewangan, latar belakang kredit yang terhad serta cagaran yang tidak mencukupi, perusahaan mikro di seluruh dunia pada umumnya menghadapi kesulitan mendapat akses kredit daripada sistem perbankan yang formal. Pemberian pembiayaan kepada perusahaan mikro, iaitu pembiayaan mikro, selalunya melibatkan jumlah pinjaman yang kecil, pembayaran balik pinjaman yang kerap dan pengawasan rapi oleh institusi-institusi untuk memastikan pembayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual. Sehubungan ini, sementara sistem perbankan adalah merupakan sumber penting pembiayaan kepada PKS, pengalaman antarabangsa menunjukkan bahawa sistem perbankan konvensional bukanlah mekanisme yang sesuai untuk memenuhi keperluan pembiayaan oleh perusahaan mikro berdasarkan ciri-ciri pembiayaan mikro yang unik. Sebaliknya, institusi khusus, iaitu institusi pembiayaan mikro, sering

digunakan sebagai pembiaya utama bagi kumpulan peminjam ini dan selalunya dengan bantuan khas daripada Kerajaan, organisasi bukan kerajaan dan institusi-institusi antarabangsa. Walaupun beberapa institusi telah ditubuhkan di Malaysia khusus untuk memenuhi keperluan pembiayaan kumpulan peminjam tersebut, tetapi ianya tidak mencukupi. Bank Negara Malaysia telah selesai membuat kajian termasuk saranan untuk mengukuhkan lagi infrastruktur sedia ada, meningkatkan keberkesanan, di samping memperluaskan peruntukan khidmat kewangan kepada semua perusahaan mikro dan kumpulan berpendapatan rendah.

Menggalakkan Konsumerisme yang Aktif

Selain daripada langkah-langkah untuk mengukuhkan daya tahan dan kapasiti sektor perbankan, usaha juga diambil bagi menggalakkan konsumerisme yang aktif dan mengukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna secara menyeluruh sejajar dengan saranan dalam PISK. Strategi-strategi bagi mencapai rangka kerja perlindungan pengguna yang berkesan dan memadai, seperti yang digariskan dalam PISK, melibatkan program pendidikan pengguna yang terancang dan komprehensif, meningkatkan ketelusan institusi-institusi kewangan, meluaskan peranan Biro Perantaraan Perbankan dan melaksanakan peraturan antipakat yang merangkumi polisi anti-saing dan amalan tidak adil.

Sebelum ini, pergantungan yang ketara diletakkan ke atas Bank Negara Malaysia untuk memantau amalan-amalan institusi perbankan, yang meliputi antara lainnya, untuk bertindak sebagai pengantara di dalam kes aduan pengguna-pengguna yang berkaitan dengan amalan perbankan, menetapkan peraturan yang terperinci untuk mengawal amalan institusi perbankan di samping memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan dalam sektor perbankan. Dengan pasaran kewangan kini semakin sofistikated, semua pihak yang berkepentingan perlu memainkan peranan untuk meningkatkan kecekapan dan kestabilan dalam sistem kewangan. Sehubungan ini, konsumerisme yang aktif memainkan peranan penting dalam menaikkan tahap kecekapan sektor perbankan. Apabila pengguna mempunyai pemahaman kewangan yang lebih celik, mereka akan menuntut produk dan perkhidmatan yang berpelbagai pada harga yang kompetitif. Dengan ini, institusi perbankan perlu meningkatkan inovasi dan kecekapan untuk bersaing. Oleh itu, konsumerisme yang aktif boleh menyumbang kepada pembentukan sektor perbankan yang lebih kukuh dan kompetitif.

Pembangunan konsumerisme yang aktif bergantung kepada kewujudan pelanggan perbankan berpengetahuan yang mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai produk dan perkhidmatan institusi perbankan, termasuk peranan dan fungsi peserta-peserta kewangan, jenis-jenis produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan, syarat-syarat produk perbankan, hak dan tanggungjawab pengguna dan juga institusi perbankan, di samping risiko dan faedah yang terdapat pada produk perbankan itu. Untuk menerajui program pendidikan pengguna ini, satu program pendidikan pengguna (CEP) jangka panjang terancang yang dikenali sebagai "Info Perbankan" telah dilancarkan pada 30 Januari 2003. Program 10 tahun ini dibahagikan

Strategi-strategi bagi mencapai rangka kerja perlindungan pengguna yang berkesan melibatkan program pendidikan pengguna yang terancang dan komprehensif, meningkatkan ketelusan institusi-institusi kewangan, meluaskan peranan Biro Perantaraan Perbankan dan melaksanakan peraturan antipakat yang merangkumi polisi antisaing dan amalan tidak adil.

Jadual 4.7
Risalah maklumat yang dikeluarkan di bawah Program Pendidikan Pengguna pada tahun 2003

1	Pinjaman Perumahan	7	Transaksi Haram Dalam Mata Wang Asing
2	Sewa Beli	8	Apakah Perbankan Islam?
3	Cek Tak Laku	9	Membuat Aduan Perihal Perbankan
4	Kad Kredit	10	Mata Wang Malaysia
5	Perbankan Internet	11	Biro Kredit
6	Mengurus Wang Anda	12	Bank Negara Malaysia

kepada tiga fasa untuk memastikan penyebaran maklumat yang berkesan kepada pelbagai kumpulan pengguna perbankan, dengan objektif utama untuk meliputi semua segmen dalam populasi perbankan.

Di bawah Fasa 1 program ini, maklumat akan disebarkan kepada pihak awam dalam bentuk buku kecil bermaklumat dan melalui laman web *www.bankinginfo.com.my.* Sehingga kini, sebanyak 12 buah buku kecil telah diterbitkan, meliputi pelbagai tajuk. Buku kecil ini boleh diperoleh daripada cawangan bank perdagangan dan syarikat kewangan.

Buku kecil tersebut memberi maklumat am mengenai isu perbankan asas yang perlu diketahui oleh pengguna. Maklumat yang lebih terperinci mengenai produk kewangan runcit dan isu-isu berkaitan akan disebarkan pada masa akan datang, dengan tujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pengguna perbankan. Program ini akan dimantapkan lagi dari masa ke masa, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pengguna dan institusi perbankan. Untuk menilai keberkesanan program tersebut, kaji selidik berkala akan dijalankan, manakala bilangan pelawat ke laman web akan turut dipantau.

Dengan usaha ke arah kaedah penyeliaan yang berorientasikan pasaran dan pengguna yang lebih prihatin tentang hak-hak mereka apabila berurusan dengan institusi perbankan, satu rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif dan berkesan adalah juga penting untuk menyediakan saluran khidmat pembelaan untuk pengguna, khususnya pengguna runcit. Oleh itu, bagi melengkapi inisiatif CEP, usaha dalam bidang lain untuk memperkukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna secara menyeluruh sedang dibangunkan. Satu rangka kerja sedang dibangunkan untuk meningkatkan tahap ketelusan semua produk runcit yang diperkenalkan oleh institusi perbankan. Piawaian pendedahan minimum dijangka membantu pengguna perbankan runcit untuk memilih produk perbankan yang sesuai dengan keperluan mereka, memandangkan syarat-syarat asas perjanjian seperti yuran dan caj, kadar faedah dan kadar hasil perlu dimaklumkan kepada pengguna terlebih dahulu. Piawaian tersebut menghendaki institusi perbankan memaklumkan segala maklumat yang penting agar pengguna berpeluang membuat keputusan bermaklumat di peringkat awal, sekaligus mengurangkan ketidakpastian dan pertikaian di peringkat seterusnya. Ini juga memudahkan pengguna untuk memilih produk selepas membuat perbandingan. Penekanan diberi kepada pengguna runcit memandangkan peminjam korporat dianggap mempunyai kepakaran atau akses kepada kepakaran untuk membuat keputusan bermaklumat mengenai produk perbankan. Selain itu, satu kamus yang merangkumi istilah-istilah lazim bagi menghurai dan membandingkan produk akan diedarkan bagi meningkatkan pemahaman pengguna terhadap produk perbankan dan syarat-syarat kewangan.

Pada tahun 2001, institusi perbankan dikehendaki mewujudkan Unit Aduan yang khusus untuk menyediakan pembelaan awal kepada pengguna. Pada masa hadapan, Unit Aduan dijangka memainkan peranan yang lebih besar memandangkan pengguna memerlukan lebih banyak maklumat dan penerangan mengenai transaksi perbankan mereka. Selain daripada itu, peranan Biro Perantaraan Perbankan (BMB) kini sedang disemak semula dengan tujuan untuk meluaskan skop pertikaian yang dikendalikan oleh BMB. Kini BMB hanya menjadi pengantara bagi pertikaian mengenai faedah dan caj denda berlebihan, iklan yang mengelirukan, pengeluaran ATM dan transaksi kad kredit yang menyalahi undang-undang dan tindakan diskriminasi terhadap penjamin, dengan pemberian terhadap tuntutan dihadkan sebanyak RM25,000. Oleh itu, pengembangan peranan BMB memberi saluran alternatif yang cepat untuk menyelesaikan pertikaian perbankan dan mengurangkan keperluan pengguna mengambil tindakan undang-undang. Dengan kemunculan bankassurans, usaha juga sedang dilaksanakan untuk menggabungkan BMB dengan Biro Pengantaraan Insurans bagi memantap dan meningkatkan mekanisme penyelesaian pertikaian.

Mengekalkan Kestabilan Kewangan

Seiring dengan usaha untuk menggalakkan kecekapan dan persaingan yang lebih tinggi, tumpuan terus diberi untuk memperkukuhkan daya tahan institusi perbankan dan mengekalkan kestabilan kewangan. Ini adalah penting bagi membolehkan institusi perbankan menyokong proses pertumbuhan ekonomi secara berkesan. Dengan skop aktiviti institusi perbankan yang semakin rumit akibat peningkatan inovasi dan pembaharuan dalam teknologi, peraturan berhemat sentiasa perlu dikemas kini bagi mengambil kira perubahan dalam profil risiko institusi perbankan dan memastikan piawaian pengurusan risiko mampu mengukur dan menguruskan risiko ini. Oleh itu, tumpuan yang lebih diberi ke arah memupuk amalan pengurusan

risiko yang baik oleh institusi perbankan selaras dengan perkembangan dalam pasaran kewangan domestik dan global.

Dengan persaingan yang lebih hebat akibat penyahantaraan dan kemasukan peserta bukan tradisional dalam pasaran kewangan, institusi kewangan serata dunia kini menjalin perikatan dengan institusi perbankan dan institusi bukan perbankan yang lain untuk menembusi pasaran baru dan bukan tradisional bagi memenuhi kehendak pelanggan yang semakin meningkat. Selaras dengan perkembangan ini, institusi perbankan domestik sedang menyusun semula organisasi kumpulan mereka dan menjalin perikatan baru untuk terlibat dalam rangkaian produk yang lebih meluas di bawah satu jenama yang sama. Struktur konglomerat kewangan dan saling berhubungan di antara syarikat yang berlainan di dalam kumpulan yang sama kini semakin kompleks, justeru memerlukan rangka kerja penyeliaan bersepadu konglomerat kewangan yang lebih mantap. Sebelum ini, pengawalseliaan konglomerat kewangan dikenakan secara pentadbiran sahaja, dengan menghalakan tumpuan kepada aspek operasi dan pelaburan tertentu sahaja yang dilakukan oleh konglomerat kewangan ini. Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia kini sedang menggubal satu rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan konglomerat kewangan yang formal bagi membolehkan satu penilaian dibuat terhadap keadaan kewangan konglomerat ini secara menyeluruh dan menerima pakai keperluan berhemat bagi mengekalkan kekukuhan kewangannya. Satu kertas konsep akan diedarkan pada tahun 2003, yang memberi tumpuan kepada empat aspek utama, iaitu struktur kumpulan, keperluan modal, urus tadbir korporat dan pendedahan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama. Rangka kerja ini akan diperluaskan kemudian untuk mengambil kira aspek-aspek lain seperti keperluan pelaporan dan pendedahan kepada satu entiti. Bagi menyokong rangka kerja pengawalseliaan baru ini, infrastruktur perundangan yang perlu akan dibangunkan bagi menjamin penguatkuasaan yang berkesan.

Dengan liberalisasi pasaran kewangan, inovasi produk kewangan dan kemajuan teknologi, adalah semakin perlu untuk institusi perbankan diuruskan oleh pengurusan yang cekap dan berkebolehan untuk menentukan hala tuju strategik institusi mereka di samping menguruskan operasi institusi perbankan masing-masing secara berkesan dan berhemat. Persekitaran yang semakin mencabar dalam operasi ini memerlukan penglibatan yang aktif oleh lembaga pengarah. Urus tadbir korporat yang mantap akan menyumbang kepada meningkatnya kebertanggungjawaban, seterusnya akan menyumbang kepada pengurusan risiko yang lebih baik oleh institusi. Bank Negara Malaysia sedang mengkaji semula rangka kerja urus tadbir korporat institusi perbankan yang sedia ada agar selaras dengan perkembangan dalam pasaran kewangan. Rangka kerja ini akan ditunjangi oleh empat prinsip asas berkaitan dengan urus tadbir korporat, iaitu tanggungjawab, kebertanggungjawaban, keadilan dan ketelusan. Penekanan akan diberi kepada peranan dan kebertanggungjawaban ahli lembaga dan pengurusan kanan institusi perbankan dalam menguruskan perniagaan dan hal ehwal institusi mereka. Bidang khusus yang ditangani dalam rangka kerja ini, diantaranya, adalah tanggungjawab dan pengawasan oleh ahli lembaga pengarah dan fungsi-fungsi audit. Pemegang saham institusi perbankan juga dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengawasi keberkesanan ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan dalam sesebuah institusi. Rangka kerja ini juga akan memastikan ahli lembaga dan pengurusan kanan institusi perbankan adalah layak dan sesuai, melalui proses pemeriksaan berkala yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Kertas konsep mengenai perkara ini akan diedarkan pada tahun 2003.

Usaha untuk menghalang sistem perbankan domestik daripada digunakan untuk aktiviti pengubahan wang haram telah dipertingkatkan pada tahun 2002. Rangka kerja yang berkaitan telah diperkukuhkan dengan enakmen Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) dan penubuhan Unit Perisikan Kewangan di Bank Negara Malaysia. Penekanan turut diberi terhadap usaha memperkukuhkan prosedur mengenal pasti dan menentusahkan pelanggan di institusi perbankan selaras dengan dasar "Ketahui Pelanggan Anda". Institusi dikehendaki melaporkan urus niaga yang mencurigakan kepada Unit ini. Selain daripada itu, peruntukan yang berkaitan dengan kewajipan pelaporan di bawah Akta ini yang pada mulanya dikuatkuasakan ke atas bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar, kemudiannya telah dikuatkuasakan ke atas institusi kewangan yang lain pada tahun 2002. Pada bulan Januari 2003, beberapa institusi kewangan lain seperti Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad dan Bank Simpanan Nasional telah diserap di bawah bidang kuasa AMLA sebagai institusi pelapor. Selanjutnya, beberapa seksyen AMLA termasuk yang berkaitan

dengan penyimpanan rekod, pemusatan maklumat, pihak berkuasa penyelia, kuasa untuk menguatkuasakan pematuhan dan pemeriksaan institusi pelapor juga dikuatkuasakan pada bulan Januari 2003.

Bagi memastikan piawaian perakaunan yang digunakan oleh sektor perbankan adalah selaras dengan piawaian antarabangsa, Bank Negara Malaysia menyertai secara aktif beberapa kumpulan kerja yang ditubuhkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Salah satu perkembangan utama pada tahun 2002 ialah langkah memperkenalkan "*International Accounting Standard* (IAS) 39", yang menetapkan piawaian bagi pengiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan. Walaupun MASB masih belum menerima pakai piawaian ini, Bank Negara Malaysia telah membuat satu tinjauan bagi menentukan tahap kesedaran institusi kewangan tentang perkara ini. Yang menariknya, tinjauan ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi di kalangan institusi perbankan mengenai implikasi IAS 39.

Dari pandangan pengawal selia, penggunaan IAS 39 memerlukan peningkatan yang ketara terhadap tahap kawalan dalaman dan sistem IT sesebuah institusi perbankan supaya mereka mampu merekod dan mengukur nilai saksama dengan sewajarnya. Penggunaan piawaian ini juga berpotensi menyebabkan kemudahubahan yang tinggi dalam pendapatan institusi kewangan. Kemudahubahan yang tinggi ini mungkin menyebabkan kekeliruan dalam penafsiran profil risiko sebenar institusi perbankan. Kebimbangan utama institusi perbankan ialah berkaitan dengan penentuan nilai saksama yang disebabkan oleh kurangnya aktiviti jual beli instrumen kewangan. Bagi mempertingkatkan ketelusan institusi, kertas konsep kedua mengenai "Garis Panduan Penyata Kewangan Contoh untuk Institusi Kewangan Berlesen" (BNM/GP8) yang telah dipinda telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengukur dan menggambarkan maksud butiran-butiran dalam penyata kewangan dengan lebih baik lagi.

Satu daripada tumpuan utama dalam merumuskan dasar berhemat pada tahun 2002 adalah berkaitan dengan "*New Basel Capital Accord*" ataupun Basel II. Kertas perbincangan kedua mengenai Basel II, yang dikeluarkan oleh *Bank for International Settlements* (BIS) pada bulan Januari 2001, telah menetapkan tanda aras global yang baru untuk menilai kecukupan modal institusi kewangan. Menyedari implikasi ketara Basel II terhadap institusi perbankan, usaha telah dibuat untuk meningkatkan tahap pemahaman yang lebih mendalam di kalangan pengurusan kanan institusi perbankan agar mereka mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mematuhi rangka kerja kecukupan modal yang baru ini. Pada tahun ini, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kaji selidik awalan bagi menentukan kesan Basel II terhadap industri domestik dengan menggunakan pendekatan "*Standardised*", salah satu daripada dua kaedah pengiktirafan modal yang dibenarkan di bawah Basel II. Seiring dengan kaji selidik ini, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan satu soal selidik untuk menentukan tahap kesediaan institusi perbankan untuk menggunakan pendekatan "*Internal Ratings Based*" (IRB), yang menghendaki bank menggunakan penarafan dalaman untuk menentukan keperluan kecukupan modal mereka.

Memandangkan pendekatan IRB begitu kompleks, institusi perbankan domestik dijangka dapat mematuhi pendekatan "*Standardised*" pada peringkat awal. Namun demikian, menjelang penggunaan Basel II oleh institusi perbankan, banyak cabaran perlu dihadapi oleh pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat di dalam proses ini. Satu daripada pihak berkepentingan ini ialah agensi-agensi penarafan. Memandangkan pergantungan yang tinggi kepada penarafan luaran di bawah pendekatan "*Standardised*", BIS telah menetapkan kriteria tertentu yang perlu dipatuhi agensi-agensi penarafan sebelum penarafan mereka boleh digunakan untuk tujuan pengiraan keperluan modal. Oleh yang demikian, agensi penarafan domestik perlu mempertingkatkan keupayaan mereka bagi mematuhi syarat-syarat ini. Syarat-syarat ketat yang ditetapkan, khususnya yang berkaitan dengan pendekatan IRB, akan memberikan cabaran yang besar kepada peserta industri di samping pengawal selia dalam menilai kecukupan modal institusi perbankan. Sumber dan masa yang begitu banyak diperlukan untuk mempertingkatkan operasi, pengumpulan data dan budaya niaga bagi membolehkan institusi perbankan memenuhi keperluan yang ditentukan di bawah Basel II. Kemahiran sedang dibangunkan di Bank Negara Malaysia untuk membolehkan penilaian terhadap kecukupan model-model di bawah Tunjang 2 (*Pillar 2*) di samping mengukuhkan rangka kerja pendedahan agar selaras dengan keperluan Tunjang 3 (*Pillar 3*).

Di peringkat serantau, Bank Negara Malaysia telah dilantik sebagai pengerusi Kumpulan Kerja Penyeliaan Perbankan EMEAP pada bulan Mei 2002

untuk tempoh dua tahun. Selaku pengerusi, Bank Negara Malaysia telah menganjur dan mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Kerja EMEAP yang ke-13 di Kuala Lumpur yang menumpukan perhatian kepada isu-isu yang berkaitan dengan Basel II. Anggota Kumpulan Kerja ini juga berpeluang untuk berjumpa dengan *Basel Committee on Banking Supervision* (BCBS) dalam mesyuarat tersebut untuk membangkit dan membincangkan isu-isu serantau yang berkaitan pelaksanaan Basel II. Perbincangan di antara BCBS dan wakil-wakil sektor perbankan dari kawasan Asia Pasifik juga telah diadakan. Di antara kebimbangan utama yang telah diketengahkan oleh beberapa pengawal selia dan wakil-wakil industri dalam perbincangan ini adalah pelucutan kelayakan cagaran fizikal sebagai pengurang risiko kredit di bawah pendekatan "*Standardised*" untuk tujuan kecukupan modal. Memandangkan persekitaran rantau ini, di mana cagaran fizikal, terutamanya hartanah, merupakan sumber utama untuk melindungi kredit bagi institusi perbankan, syarat-syarat yang ketat ini tidak akan memberi manfaat dari segi penjimatan modal untuk institusi perbankan di rantau ini.

Pada tahun ini, selaras dengan pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk memperkukuhkan keupayaan peserta industri agar dapat mematuhi keperluan Basel II, BIS telah menjalankan kaji selidik kuantitatif yang ketiga (QIS 3) bagi menilai kesan cadangan terbarunya sebelum pengeluaran kertas perbincangan ketiga dan yang terakhir pada pertengahan tahun 2003. Dua institusi perbankan domestik telah mengambil bahagian dalam kajian ini sebagai penunjuk kesan yang mungkin dihadapi akibat cadangan baru ini ke atas industri perbankan domestik. Hasil kajian ini akan dikeluarkan pada awal tahun 2003 diikuti cadangan terakhir persetujuan modal baru (*New Capital Accord*) pada akhir tahun 2003 setelah tamat tempoh perbincangan dengan industri kewangan di peringkat global. Dengan mengambil kira bahawa negara-negara membangun seperti Malaysia yang memerlukan masa yang lebih untuk membangunkan keupayaan sektor perbankan mereka bagi memenuhi keperluan Basel II, BIS telahpun menyatakan sekali lagi bahawa pelaksanaan Basel II yang dijangka pada tahun 2006, hanya diwajibkan ke atas negara-negara G-10. Namun demikian, usaha akan diteruskan oleh Bank Negara Malaysia untuk mempertingkatkan keupayaan peserta industri agar mereka berjaya memenuhi keperluan baru ini dalam jangka yang berpatutan.

Walaupun Basel II tertumpu kepada risiko kredit dan risiko operasi, elemen risiko pasaran juga merupakan komponen risiko penting yang juga memerlukan penilaian dan pemantauan yang mencukupi. Di bawah Basel II, pengiraan modal untuk risiko pasaran kekal sama dengan kaedah pengiraan yang ditetapkan di dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh BIS pada tahun 1996. Bank Negara Malaysia berhasrat untuk memperkenalkan rangka kerja ini pada tahun 1998, tetapi penyerapan risiko pasaran ke dalam rangka kerja modal telah ditunda disebabkan oleh kesan minimal yang ditunjukkan oleh risiko pasaran dan krisis kewangan Asia. Dengan meningkatnya penggunaan instrumen kewangan yang mendedahkan institusi perbankan kepada risiko pasaran yang lebih tinggi, kesan risiko pasaran terhadap kecukupan modal institusi perbankan telah dinilai semula. Walaupun kajian ini menunjukkan bahawa kesan risiko pasaran masih kecil dan terurus, tahap risiko pasaran telahpun meningkat dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan kertas konsep yang pertama pada akhir suku pertama tahun 2003 untuk merangkumi risiko pasaran agar dapat memaparkan keadaan semasa dengan lebih baik dalam rangka kerja kecukupan modal.

Seiring dengan objektif Basel II untuk mencapai tahap kesensitifan yang lebih tinggi kepada risiko dalam pengiraan keperluan modal untuk institusi perbankan, Bank Negara Malaysia juga telah menyemak Garis Panduan Pinjaman kepada Sektor Hartanah dan Pinjaman untuk Pembelian Saham. Pada bulan Mac 1997, sebelum bermulanya krisis kewangan, Bank Negara Malaysia telah mengenakan had maksimum ke atas pemberian pinjaman kepada sektor hartanah dan untuk pembelian saham. Had-had ini adalah bagi memastikan pendedahan institusi perbankan kepada dua sektor ini berada pada tahap yang terkawal dan tidak mendedahkan sistem perbankan kepada risiko yang berlebihan. Namun demikian, dengan amalan pengurusan risiko institusi perbankan yang semakin sofistikated selaras dengan kemajuan dalam teknologi dan sistem pengurusan risiko, had-had ini akan dimansuhkan bagi memberikan lebih kefleksibelan kepada institusi perbankan yang mempunyai kekuatan modal yang jitu dan keupayaan pengurusan risiko yang berhemat untuk menguruskan pendedahan mereka kepada sektor-sektor ini. Dengan keupayaan pengurusan risiko yang baik dan modal yang mencukupi sebagai penimbal bagi menyokong

selera risiko mereka, institusi perbankan berkedudukan selesa untuk mengurus sendiri pendedahan mereka kepada risiko masing-masing. Kebertanggungjawaban untuk memastikan sistem dan prosedur yang mencukupi telah dibangunkan untuk menguruskan risiko masih terletak di bahu lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan kertas konsep pada bulan November 2002 yang menggariskan penggunaan rangka kerja pemarkahan yang mengira keperluan modal untuk menyokong aktiviti pinjaman institusi perbankan kepada kedua-dua sektor ini. Pemberian pinjaman yang melebihi tahap ambang tertentu akan dikenakan keperluan modal tambahan berdasarkan mekanisme pemarkahan ini.

Pengukuhan jaringan keselamatan kewangan adalah juga faktor utama untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Pada masa hadapan, satu jaringan keselamatan kewangan yang komprehensif untuk menyumbang kepada pengukuhan kestabilan kewangan perlu dibangunkan. Untuk tujuan ini, usaha telah dibuat untuk membangunkan satu sistem insurans deposit bagi melengkapi lain-lain bentuk jaringan keselamatan kewangan di samping meningkatkan infrastruktur perlindungan pengguna di Malaysia. Objektif utama sistem insurans deposit ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pendeposit mengikut had yang tertentu dan bagi meningkatkan insentif untuk pengurusan risiko yang berhemat.

Kestabilan kewangan tidak mungkin tercapai dengan hanya memastikan kestabilan di sektor perbankan sahaja. Dengan pasaran modal kini menjadi semakin penting untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi, maka adalah perlu untuk memantau perkembangan dalam kedua-dua pasaran modal dan sektor perbankan bagi memastikan kestabilan kewangan yang menyeluruh dapat dikekalkan. Memandangkan kedua-dua pasaran ini terletak di bawah pengawasan pengawal selia yang berlainan, tahap kerjasama dan saling bantu-membantu perlu dipertingkatkan di antara kedua-dua pengawal selia ini. Bagi menjalin kerjasama yang lebih baik dan memudahkan pertukaran maklumat di antara pengawal selia, satu memorandum persefahaman (MOU) di antara Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah ditandatangani pada tahun 2002 bagi memperkukuhkan bidang pemberian bantuan dan kerjasama sesama pengawal selia bagi memastikan pembangunan yang teratur bagi pasaran modal dan sektor perbankan. MOU ini juga bertujuan untuk merapatkan jurang ataupun pertindihan pengawalan dan penyeliaan industri perbankan dan pasaran modal. Selaras dengan objektif MOU ini, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah bekerjasama dalam penggubalan beberapa dasar pada tahun ini, seperti pembangunan rangka kerja kecukupan modal untuk bank pelaburan dan penglibatan broker universal dalam pasaran hutang tak tersenarai. Bagi meningkatkan tahap perlindungan untuk pelabur yang terlibat dalam aktiviti pasaran modal, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan satu kertas konsep yang bertajuk "Garis Panduan Aktiviti Serah Semua yang Dijalankan oleh Peniaga Terkecuali" kepada industri perbankan. Garis Panduan ini membentangkan keperluan penyimpanan rekod, amalan jualan terbaik di samping keperluan perlesenan untuk kakitangan institusi perbankan yang terlibat dalam aktiviti serah semua (pass-through activities). Garis Panduan ini bertujuan untuk memastikan hak-hak pelabur dan ketulusan pasaran dikekalkan. Pada tahun ini, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan Garis Panduan untuk Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID) dan Garis Panduan Penerimaan Jurubank (BA) yang dipinda dalam usaha menyeragamkan garis panduan ini dengan amalan pasaran masa kini. Garis Panduan NID ini juga telah disemak untuk menyelaraskan piawaian di antara NID konvensional dan NID berunsurkan Islam.

Dengan pengeluaran Garis Panduan Sekuriti Bersandarkan Aset (ABS) oleh Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2001, kesedaran dan minat di kalangan institusi kewangan untuk terlibat dalam urus niaga ABS juga telah meningkat. Walaupun pembangunan ABS masih di peringkat awal, pasaran ABS yang berkembang membuka saluran baru kepada institusi perbankan untuk bukan sahaja meningkatkan pulangan ke atas aset mereka, yang lebih penting lagi ialah peluang untuk mengurangkan risiko kredit dan memperbaiki gabungan portfolio mereka. Sehubungan ini, Bank Negara Malaysia telahpun mengeluarkan kertas konsep mengenai "Piawaian Berhemat untuk Urus Niaga Pensekuritian Bersandarkan Aset" bagi merangkumi pengurusan risiko am dan keperluan berhemat di samping peraturan kawal selia terhadap urus niaga ini. Garis Panduan ini juga bertujuan untuk memastikan institusi berlesen yang terlibat dalam urus niaga ini mempunyai pemahaman yang menyeluruh dan pengetahuan yang mencukupi untuk menguruskan risiko yang timbul daripada urus niaga ini.

Melangkah Ke Hadapan

Perkembangan dalam beberapa tahun yang akan datang adalah amat penting dalam usaha mencapai matlamat terakhir yang dibayangkan di bawah PISK. Dengan pengukuhan struktur yang diusahakan bagi mempertingkatkan daya tahan dan daya saing sektor perbankan, sektor perbankan kini berada dalam kedudukan yang baik untuk menyokong proses transformasi ekonomi di samping memenuhi keperluan persekitaran ekonomi yang semakin mencabar. Oleh yang demikian, strategi untuk melangkah ke hadapan akan terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan prestasi institusi perbankan agar mereka berdaya tahan, cekap dan berupaya memenuhi keperluan ekonomi yang sedang berkembang. Usaha untuk menggalakkan kestabilan kewangan juga akan dipergiatkan melalui pembangunan infrastruktur yang cekap untuk memacu inovasi dan dinamisme dalam sektor perbankan. Secara bersama, usaha ini akan meyumbang kepada peningkatan dalam prospek pertumbuhan dan pembangunan sektor perbankan dan ekonomi.

AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIAAN

Pada tahun 2002, tumpuan utama fungsi penyeliaan adalah untuk mempromosikan institusi perbankan yang kukuh dan stabil serta membina keupayaan sistem kewangan yang efektif bagi memenuhi keperluan ekonomi. Berdasarkan objektif-objektif tersebut, aktiviti-aktiviti penyeliaan telah mengutamakan pemantauan rapi terhadap kedudukan kewangan dan kekukuhan institusi perbankan, pelaksanaan strategi-strategi awal dalam menangani sebarang kemerosoton atau kelemahan, menggalakkan amalan terbaik dalam mempertingkatkan struktur urus tadbir korporat serta memperkukuhkan sistem pengurusan risiko yang merupakan asas prestasi perniagaan.

Oleh itu, pendekatan penyeliaan yang diamalkan adalah berlandaskan rangka kerja bagi penyeliaan terlaras risiko yang proaktif dan berhemat. Pendekatan ini merupakan pendekatan serampang dua mata, iaitu pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis yang dinamik. Kaedah penyeliaan terlaras risiko ini membolehkan Pihak Bank mengenal pasti masalah serta menyalurkan sumber tenaganya pada bidang yang berisiko tinggi. Di samping itu, kaedah ini dapat memberi tumpuan kepada penilaian terhadap kecukupan sistem pengurusan risiko dalam mengendalikan risiko yang diambil oleh institusi perbankan. Dari sudut penyeliaan, Pihak Bank mampu secara bebas memeriksa situasi atau aktiviti yang berkemungkinan boleh menggugat institusi perbankan atau sistem perbankan secara keseluruhannya. Metodologi ini membolehkan tindakan awal dirangka bagi memastikan institusi perbankan mengambil langkah yang sewajarnya dalam mengurangkan risiko yang sedia ada. Proses penguatkuasaan telah diperkukuhkan dengan pelaksanaan Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tidak Rasmi *(Informal Enforcement Action Framework)*. Rangka kerja ini membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil lebih awal bagi memastikan institusi perbankan atau syarikat induk mengambil langkah-langkah pembetulan yang segera sebelum keadaan menjadi lebih buruk, yang akan melibatkan kos yang besar atau memerlukan masa yang lama untuk tujuan pemulihan.

Pada tahun 2002, sebanyak 91 pemeriksaan telah dijalankan ke atas institusi perbankan, merangkumi ibu pejabat, cawangan di dalam dan luar negara, syarikat induk bank dan syarikat yang berkaitan dengan institusi perbankan. Di samping itu, skop penyeliaan perbankan telah diperluaskan lagi bagi merangkumi penyeliaan terhadap enam institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi-Institusi Kewangan Pembangunan 2002 serta menjalankan pemeriksaan ke atas langkah-langkah anti-pengubahan wang yang diambil oleh institusi perbankan bagi mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001.

Fungsi penyeliaan luar premis saling melengkapi pemeriksaan di premis melalui pengawasan berterusan terhadap kedudukan kewangan institusi perbankan. Ini meliputi penilaian dan kelulusan penyata kewangan institusi perbankan, yang mana ianya akan disemak bagi memastikan bahawa penyata-penyata kewangan tersebut telah disediakan mengikut piawaian perakaunan dan garis panduan Bank Pusat, terutamanya dari segi kecukupan peruntukan hutang lapuk dan ragu serta peruntukan ke atas kemerosotan nilai pelaburan. Di samping penilaian terhadap penyata kewangan, institusi perbankan juga dikawal selia secara rapi melalui penghantaran laporan statistik berkala serta analisa kewangan dan bukan kewangan yang terperinci bagi mengesan di peringkat awal, sebarang kelemahan yang mungkin timbul.

Sektor perbankan telah menyaksikan kewujudan satu lanskap kewangan yang baru, di mana jumlah institusi perbankan domestik telah berkurangan tetapi

saiz sesebuah institusi perbankan telah menjadi besar, hasil daripada program penggabungan yang dimulakan pada tahun 1999. Penggabungan tersebut telah menyebabkan institusi perbankan menyusun serta menyemak semula fokus strategi dan struktur model perniagaan mereka. Walaupun perkembangan ini dilaksanakan demi mempertingkatkan kecekapan dan daya saingan sektor perbankan, keupayaan sistem pengurusan risiko institusi perbankan dalam mengenal pasti risiko yang mungkin timbul berpunca daripada kecanggihan produk dan perkhidmatan baru, sistem integrasi dan budaya kerja serta risiko daripada lain-lain operasi perbankan adalah sentiasa dinilai dan diselia.

Salah satu aspek dalam aktiviti penyeliaan melibatkan sesi perbincangan mengenai isu-isu penyeliaan yang sering diadakan bersama dengan institusi-institusi perbankan. Sesi ini bertujuan membantu institusi perbankan dalam membuat penilaian diri terhadap profil risiko mereka serta merangka pilihan alternatif dan merumus pelan bagi mentadbir dan mengurangkan risiko yang sedia ada. Perbincangan ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengetahui maklumat dalaman bagi memahami hala tuju dan fokus strategik institusi perbankan serta dapat menilai sejauh mana keupayaan dan kesediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan.

Penerapan urus tadbir korporat yang kukuh merupakan satu komponen yang penting dalam infrastruktur pengurusan risiko institusi perbankan. Menyedari kepentingan tersebut, satu rangka kerja yang lebih tersusun dan menyeluruh telah dirangka untuk menilai prestasi pengarah-pengarah, sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan. Rangka kerja tersebut membolehkan Bank Negara Malaysia membuat penilaian terhadap lembaga pengarah dan pengurusan kanan secara lebih objektif, bagi memastikan ahli lembaga pengarah melaksanakan tanggungjawab fidusiari yang diamanahkan dengan lebih efektif. Penilaian tersebut memberi maklum balas yang berguna bagi tujuan meluluskan perlantikan dan perlantikan semula pengarah-pengarah serta menilai prestasi pihak pengurusan kanan institusi perbankan.

Keutuhan institusi perbankan turut dinilai dengan menggunakan ukuran rangka kerja 'CAMEL', yang berasaskan kepada penilaian terhadap kecukupan modal, kualiti aset, keupayaan pengurusan, prestasi perolehan dan kecairan. Di samping risiko kredit, kecairan dan operasi, risiko pasaran dan kecukupan proses pengurusan risiko pasaran juga turut dinilai bagi memastikan yang ianya adalah selaras dengan jumlah risiko pasaran serta kesannya terhadap perolehan dan modal institusi perbankan. Sebelum ini, penilaian terhadap risiko pasaran diambil kira dalam penilaian komponen modal dan perolehan. Menyedari kepentingan risiko pasaran dan kesannya ke atas keutuhan institusi perbankan, rangka kerja 'CAMEL' telah diperluaskan lagi dengan memasukkan komponen "sensitiviti terhadap risiko pasaran" sebagai satu komponen yang baru, dan kini rangka kerja tersebut dikenali sebagai 'CAMELS'. Dalam mempertingkatkan penilaian kesan risiko pasaran ke atas sesebuah institusi perbankan dan sistem perbankan, Pihak Bank telah membina satu model pengukuran risiko pasaran. Model tersebut melengkapi dan mengukuhkan model yang sedia ada bagi menjalankan ujian tekanan serta analisa senario untuk membantu penyediaan analisa penyeliaan luar premis yang berpandangan jauh untuk mengenal pasti skop penilaian risiko pasaran bagi pemeriksaan di premis.

Walaupun perhatian penyeliaan adalah ditumpukan kepada penilaian risiko kredit dan pasaran, di mana ketidakcukupan pengurusan risiko tersebut boleh mengakibatkan kerugian besar kepada institusi perbankan, fokus penyeliaan juga ditumpukan kepada risiko operasi, di mana kerugian juga boleh berpunca daripada pelbagai kegagalan dalam proses dalaman sesebuah institusi perbankan. Pada masa ini, penyelia-penyelia Bank telah memberi penekanan yang lebih terhadap penilaian keupayaan institusi perbankan dalam mengenal pasti, mengukur dan memantau risiko operasi. Ini akan memudahkan persiapan bagi memperkenalkan keperluan modal untuk risiko operasi seperti dalam cadangan Persetujuan Modal Baru *(New Capital Accord)*. Ujian tekanan terus dilakukan di mana kedudukan kewangan semasa institusi perbankan adalah tertakluk kepada ujian simulasi pelbagai keadaan bertujuan mengesan bidang yang berkemungkinan terjejas. Keputusan dari ujian tekanan ini menjadi asas kepada pelaksanaan tindakan awal.

Usaha-usaha proaktif ini telah mendorong institusi perbankan untuk mengambil langkah-langkah yang efektif bagi mengukuhkan lagi urus tadbir korporat dan proses pengurusan risiko. Usaha ini dapat dilihat daripada peningkatan peranan Ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya, termasuk Jawatankuasa Audit, dalam memastikan objektif perniagaan dapat dicapai tanpa mengabaikan prinsip berhemat di samping menentukan proses imbang

Pelan Induk Sektor Kewangan

Sepuluh saranan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) telah selesai dilaksanakan pada tahun 2002 dan menjadikan jumlah keseluruhan saranan yang berjaya dilaksanakan kepada 19 setakat akhir bulan Februari 2003. Tidak termasuk saranan-saranan yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang tempoh 10 tahun PISK, baki sebanyak 77 saranan lagi masih belum selesai dilaksanakan. Tumpuan Fasa I PISK adalah untuk meningkatkan kapasiti domestik. Satu strategi serampang empat mata telah diterima pakai.



Untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik bagi menambah tahap keberkesanan dan persaingan mereka, strategi-strategi berikut telah dilaksanakan pada tahun 2002:

- Membangunkan program tanda aras dalam institusi perbankan termasuk menilai amalan dan tahap institusi perbankan menanda aras segmen perniagaan, jaluran produk, saluran hantaran dan tahap perkhidmatan yang berbeza. Ini dilengkapi dengan perbincangan bersama Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan bagi menilai prestasi mereka berbanding industri dan kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki.

- Memulakan program tanda aras bagi industri insurans merangkumi penilaian berkala ke atas prestasi berbanding penunjuk utama. Mesyuarat diadakan dengan industri insurans untuk menilai keberkesanan program tanda aras, mengukur prestasi dan mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diperbaiki. Sama seperti sektor perbankan, kedua-dua penunjuk prestasi kualitatif dan kuantitatif telah dibentuk untuk memacu dan memantau peningkatan prestasi dalam industri insurans.

- Satu program empat tahun yang melibatkan tinjauan dan analisa pasaran meliputi seluruh negara untuk mengukur tahap mutu perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan membangunkan indeks kualiti perkhidmatan bagi menilai kualiti perkhidmatan dalam industri serta secara perbandingan dengan negara-negara lain. Ini adalah untuk membolehkan pemantauan terhadap kemajuan yang dicapai dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan dan syarikat insurans.

Graf 1
Kemajuan Pelaksanaan Saranan Pelan Induk Sektor Kewangan



- Mewujudkan persekitaran untuk perasionalan seterusnya dalam sektor perbankan domestik melalui penubuhan bank pelaburan lengkap yang melibatkan penggabungan bank saudagar, syarikat broker saham dan rumah diskaun serta penggabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan.
- Memberi kefleksibelan yang lebih kepada syarikat insurans untuk mengamalkan strategi penggunaan khidmat pihak ketiga yang berkesan, melalui penghapusan sekatan yang masih wujud dalam penggunaan khidmat ketiga tersebut yang melibatkan aktiviti bukan teras oleh penanggung insurans kepada pemberi khidmat pemastautin atau sumber syarikat-syarikat sekumpulan yang bertapak di Malaysia.
- Menyokong pembangunan kemahiran dan kepakaran domestik melalui langkah-langkah untuk menggalakkan pemindahan kepakaran secara lebih berkesan daripada ekspatriat yang digaji oleh industri insurans, terutamanya bagi bidang taja jamin khusus, penyelidikan dan pembangunan produk, pengurusan risiko dan pelaburan.
- Membenarkan pemerolehan saham dalam penanggung insurans langsung oleh institusi kewangan domestik dan institusi bukan kewangan domestik untuk menambah peluang yang ada bagi penanggung insurans untuk meraih sinergi perniagaan dan mendapatkan sumber baru untuk menyokong pembangunan masa hadapan.
- Penubuhan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) yang mula beroperasi pada bulan September 2002, untuk bertindak sebagai pemangkin ke arah mewujud dan membangunkan sekumpulan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri kewangan Islam.

Mengekalkan kestabilan dalam sektor kewangan ialah salah satu daripada matlamat utama PISK. Pada tahun 2002, usaha terus tertumpu ke arah meningkatkan rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan bagi memastikan institusi kewangan berupaya menyerap kejutan sistemik dan luaran.

Satu komponen utama untuk mengekal dan menggalakkan kestabilan kewangan adalah ketersediaan sistem pembayaran yang selamat dan cekap. Sistem pembayaran yang selamat dan meyakinkan akan memudahkan fungsi pasaran kewangan dan aktiviti ekonomi berjalan lancar dan merupakan faktor utama untuk mengekalkan keyakinan pengguna dan memberi keselesaan dalam sistem kewangan. Dalam hal ini, untuk meningkatkan kecekapan di dalam sistem pembayaran seterusnya dan menggalakkan penyediaan khidmat pembayaran yang memenuhi kehendak pengguna, beberapa dasar melibatkan sistem pembayaran telah dilonggarkan pada tahun 2002. Institusi perbankan berlesen telah diberikan kefleksibelan untuk menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran. Institusi perbankan asing yang telah diperbadankan dibenarkan untuk mengambil bahagian di dalam sistem Antara Bank GIRO yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd.

Jadual 1
Saranan yang Telah Selesai

	Sektor Perbankan
S3.4	Melonggarkan sekatan gaji dan mobiliti pekerja di dalam industri perbankan untuk membolehkan industri menarik bakat terbaik dan memberi mereka ganjaran yang setimpal
S3.5	Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang perbankan yang spesifik
S3.12	Menggalakkan penggunaan khidmat pihak ketiga bagi fungsi bukan teras untuk meningkatkan tumpuan strategik dan kecekapan
S3.14	Menggalakkan penawaran saluran hantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan untuk meningkatkan daya saing
S3.28	Membiarkan kuasa pasaran untuk membentuk pembangunan sistem pembayaran bagi meningkatkan persaingan dan inovasi sistem pembayaran
	Sektor Insurans
S4.1	Menghapuskan sekatan ke atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi membolehkan penanggung insurans meningkatkan lagi kompetensi teras mereka dan mengatur strategi perniagaan yang berkesan
S4.2	Membenarkan semua syarikat di pasaran beroperasi melalui internet untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan industri insurans
S4.6	Melonggarkan sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk mempercepatkan pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam industri
S4.16	Menaikkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk meningkatkan daya tahan kedudukan kewangan mereka dan mempercepatkan proses penggabungan agar penanggung insurans domestik mencapai saiz dan skala yang dikehendaki untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran yang lebih liberal dan dinyahkawal selia
S4.29	Membenarkan institusi kewangan dan bukan kewangan untuk memperolehi kepentingan ke atas penanggung insurans langsung untuk mewujudkan sinergi perniagaan
	Perbankan Islam dan Takaful
S5.6	Menambah bilangan pengendali takaful untuk mempercepatkan pengembangan industri takaful
	Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
S6.4	Memperkenalkan satu rangka kerja sistematik untuk perolehan sumber dana bagi memastikan pembiayaan yang sesuai dan mencukupi untuk operasi IKP
S6.7	Mewujudkan satu rangka kerja perundangan untuk mengawal selia IKP dan memastikan bahawa dasar dan objektif IKP adalah konsisten dengan dasar objektif nasional
	Kaedah Pembiayaan Alternatif
S7.2	Menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta untuk menambahkan ketersediaan pembiayaan modal usaha niaga dan merangsang usaha niaga baru
S7.3	Memperkenalkan insentif cukai selanjutnya bagi industri modal usaha niaga untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat modal usaha niaga
S7.4	Melonggarkan syarat penyenaraian MESDAQ untuk memberi kemudahan laluan keluar kepada syarikat modal usaha niaga daripada pelaburan mereka
	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan
S8.3	Menerima pakai pendekatan yang berasaskan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dan percukaian yang menarik untuk meningkatkan daya saing dan daya tarikan Labuan
S8.6	Memperkukuhkan perniagaan perbankan dan kewangan Islam serta takaful untuk membolehkan Labuan dibangunkan dengan fokus strategik yang menjurus kepada produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Shariah
S8.7	Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) sebagai bursa kewangan sehenti untuk pemastautin dan syarikat antarabangsa

Pelbagai langkah telah diperkenalkan untuk membangunkan infrastruktur perlindungan pengguna yang mencukupi dan berkesan untuk memperbaiki tahap celik kewangan di kalangan pelanggan perbankan. Langkah-langkah tersebut termasuk:

- Pelancaran Program Pendidikan Pengguna, bagi menyediakan satu sumber rujukan tentang produk dan perkhidmatan perbankan runcit, yang dapat menyediakan satu kaedah yang cepat dan mudah untuk pengguna memperoleh maklumat sekaligus mempercepatkan keluk pembelajaran mereka. Program yang dikenali sebagai "Info Perbankan" ini merupakan program sepuluh tahun yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pengguna perbankan yang akan mampu membuat keputusan kewangan bermaklumat dan yakin dalam melaksanakan hak-hak mereka. Program ini akan dilaksanakan dalam beberapa fasa, secara teratur dan dalam skala yang beransur meningkat. Pada fasa pertama, 12 risalah maklumat mengenai pelbagai tajuk perbankan telah diterbitkan meliputi bidang-bidang seperti maklumat mengenai produk perbankan pengguna, maklumat tentang saluran hantaran yang baru dan inovatif di samping maklumat berunsur pendidikan tentang aspek-aspek perbankan dan mata wang. Ia juga termasuk maklumat tentang perbankan Islam, Biro Kredit Pusat, mata wang Malaysia dan mengenai Bank Negara Malaysia. Risalah-risalah tersebut boleh didapati di bank perdagangan dan syarikat kewangan dan boleh juga didapati di laman web Info Perbankan, *www.bankinginfo.com.my.*

- Pembangunan satu rangka kerja bagi meningkatkan ketelusan produk khusus, yang memerlukan syarat-syarat penting tentang produk kewangan didedahkan bagi memastikan maklumat yang mencukupi dan relevan diterima oleh pengguna untuk membuat keputusan bermaklumat.

- Satu Program Pendidikan Pengguna bagi industri insurans dan takaful akan dilancarkan pada suku ketiga tahun 2003. Program ini serta inisiatif susulannya bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pengguna tentang terma-terma utama dan syarat-syarat penting yang dikenakan ke atas pelbagai jenis polisi, hak-hak dan tanggungjawab mereka di bawah satu kontrak polisi, saluran yang betul untuk mengemukakan aduan dan amalan pasaran yang seragam.

Sebagaimana yang digambarkan di dalam PISK, landskap kewangan pada masa hadapan akan bercirikan sektor kewangan yang semakin berpelbagai untuk memenuhi keperluan struktur ekonomi yang berubah-ubah. Sehubungan dengan ini, beberapa saranan di dalam PISK yang berkaitan dengan institusi kewangan pembangunan (IKP) telah ditumpu kepada memperkukuhkan tumpuan perniagaan strategik dan amalan pengurusan risiko yang betul di samping menggubal syarat-syarat dan peraturan yang relevan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun 2002 termasuklah:

- Enakmen Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP), yang menyediakan rangka kerja perundangan yang komprehensif bagi pengawalseliaan IKP. Sebanyak enam IKP telah diletakkan di bawah bidang kuasa AIKP pada masa ini. Dua garis panduan telah dikeluarkan, iaitu Garis Panduan Mengenai Penyata Hasrat Korporat dan Garis Panduan Mengenai Keperluan Pendanaan Tahunan, yang bertujuan untuk membina kapasiti dan meningkatkan keberkesanan IKP di dalam memanfaatkan sumber kewangan mereka untuk memberikan khidmat kewangan yang khusus. Satu surat pekeliling mengenai dasar dan prosedur pengesahan bagi perlantikan pengarah dan ketua pegawai eksekutif telah juga dikeluarkan pada tahun 2002.

- Satu kajian tentang peranan dan aktiviti yang dimandatkan kepada IKP telah dimulakan. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti jurang dan pertindihan fungsi yang dimandatkan dengan tujuan untuk menyelaras dan merasionalisasikan fungsi-fungsi tersebut serta untuk menentukan sinergi di kalangan IKP dalam menjalankan aktiviti mereka. Kajian ini akan membentuk asas untuk menghasilkan tumpuan yang lebih jelas tentang mandat dan tumpuan strategik sesebuah IKP.

Usaha juga tertumpu ke arah meningkatkan keupayaan inovatif, kecekapan dan orientasi pasaran Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (Labuan IOFC). Dengan usaha berterusan untuk menarik peserta-peserta baru ke Labuan IOFC, lapan bank baru telah diberi kelulusan untuk beroperasi di Labuan pada tahun 2002. Ini termasuk dua bank pelaburan Islam dari Arab Saudi. Sejumlah 486 syarikat luar pesisir baru telah diperbadankan pada tahun 2002, berbanding 364 pada tahun 2001, iaitu kenaikan sebanyak 33.5%. Labuan IOFC, pada tahun-tahun awal penubuhannya telah berjaya menarik banyak peserta bagi mencapai saiz kritikal. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) kini sedang memberi tumpuan untuk membina kekuatan dan kepakaran para peserta yang sedia ada dan menggalakkan peluasan skop dan kepelbagaian produk dan perkhidmatan secara proaktif di Labuan IOFC di samping menggalakkan pembangunan perbankan Islam dan perniagaan takaful semula. Dalam hal ini, inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2002 adalah termasuk:

- Pindaan terhadap beberapa peruntukan perundangan untuk memudahkan peluasan skop aktiviti dan perniagaan luar pesisir, misalnya membenarkan pelabur untuk menubuhkan sebuah syarikat, bertaraf berhad sama ada dari segi saham atau jaminan. Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 juga telah dipinda untuk menggalakkan aktiviti syarikat amanah dengan menukar status mereka kepada syarikat luar pesisir.

- Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Cukai Labuan yang diwakili oleh pakar-pakar percukaian dan wakil-wakil daripada peserta luar pesisir Labuan. Beberapa insentif cukai juga telah dilaksanakan.

- Pemansuhan fi lesen tahunan bagi syarikat yang menjalankan transaksi pajakan "luaran-luaran" dan keperluan modal bagi syarikat pajakan luar pesisir untuk mengekalkan persekitaran kos operasi yang rendah di Labuan IOFC.

Satu daripada tumpuan strategik Labuan IOFC adalah untuk menggalakkan produk dan perkhidmatan Islam selaras dengan peningkatan minat terhadap produk dan perkhidmatan yang berlandaskan Syariah di pasaran kewangan global. Pelbagai usaha dihalakan ke arah membangunkan Labuan sebagai pasaran "niche" dalam perbankan, kewangan dan takaful semula yang mana ketiga-tiganya adalah berlandaskan Islam. Inisiatif-inisiatif yang diambil termasuklah penubuhan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) untuk meningkatkan kerjasama di kalangan institusi-institusi kewangan dan negara-negara Islam, khususnya dalam menggalakkan dagangan yang aktif di pasaran kedua bagi instrumen kewangan yang berlandaskan Syariah. Satu lagi fungsi utama IIFM adalah untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan produk-produk baru yang bersesuaian dengan kebanyakan tafsiran Syariah, dan boleh diterima oleh semua pasaran utama. Peserta-peserta IIFM terdiri daripada bank-bank pusat, pihak-pihak berkuasa kewangan dan institusi-institusi kewangan Islam dari beberapa buah negara Islam. Instrumen kewangan Islam yang pertama yang telah disahkan boleh terima oleh Majlis Pengawasan Syariah IIFM adalah bon berdaulat secara Islam bernilai AS$600 juta yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia pada bulan Jun 2002. Terbitan tersebut telah memenangi beberapa anugerah termasuk Transaksi Pasaran Kewangan Inovatif dan Peniaga Bon 2002 serta Bon Berdaulat Terbaik Asia bagi tahun 2002.

Di samping itu, Majlis Penasihat Syariah (SAC) bagi Labuan IOFC juga telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memberi input dan nasihat bagi menggalakkan pembangunan pasaran kewangan Islam. SAC terdiri daripada lima ulama tempatan dan dua ulama antarabangsa yang bertauliah dan berpengalaman luas. Tambahan lagi, pada tahun 2002, kelulusan telah diberikan kepada dua bank pelaburan dan satu syarikat amanah dari Arab Saudi untuk menjalankan perniagaan di Labuan IOFC.

Dalam bidang insurans Islam pula, Labuan mempunyai satu pengusaha takaful yang menyediakan perkhidmatan penuh dan takaful semula serta beberapa penanggung insurans konvensional yang menawarkan perkhidmatan takaful. Pengusaha takaful semula tersebut telah dilantik sebagai sekretariat bagi Kumpulan Takaful ASEAN (ATG) yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha takaful dari Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura. Baru-baru ini, keahlian ATG telah diperluaskan kepada Sri

Lanka dan Arab Saudi. Pada tahun 2002, pengusaha takaful Labuan telah memperkenalkan produk pertama berkaitan pelaburan "investment-linked" yang berlandaskan Syariah.

Usaha untuk meningkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) telah juga diperhebatkan. Daripada penyenaraian tunggal setakat bulan Disember 2001, kini terdapat 10 penyenaraian di LFX, merangkumi rangkaian instrumen yang luas termasuk sekuriti hutang dan dana bersama. Tiga daripada instrumen ini adalah merupakan instrumen berlandaskan Syariah yang memaparkan keupayaan luas LFX dalam memenuhi keperluan pelabur-pelabur antarabangsa. Sebagai sebuah bursa antarabangsa, LFX berkedudukan baik untuk bertindak sebagai bursa tumpangan bagi negara-negara yang masih di peringkat awal pembangunan pasaran modal dan memerlukan akses pasaran modal antarabangsa. Bagi mencapai matlamat mengekalkan stabiliti dan integriti kewangan, LOFSA, dengan bantuan Bank Negara Malaysia, telah menjalankan pemeriksaan di premis 14 bank luar pesisir dan semua broker insurans pada tahun 2002. Bagi melindungi Labuan daripada digunakan untuk aktiviti pengubahan wang haram, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 turut meliputi aktiviti-aktiviti luar pesisir di Labuan. Labuan juga telah menerima penilaian positif daripada Kumpulan Asia Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Kumpulan Penyelia Perbankan Luar Pesisir.

Tumpuan dasar kewangan pada tahun 2003 adalah untuk mempertingkatkan kedudukan institusi kewangan domestik seterusnya bagi menyahut cabaran persekitaran yang lebih berdaya saing hasil daripada liberalisasi dan penyahkawalseliaan secara berperingkat yang akan berlaku pada fasa kedua PISK. Adalah dijangkakan pada akhir Fasa I PISK, sekumpulan peserta domestik yang kukuh akan muncul dan jurang di antara institusi perbankan asing dengan kumpulan institusi perbankan ini akan dapat dirapatkan.

balas yang cukup. Kualiti sistem pengurusan risiko juga sentiasa dipertingkatkan, terutamanya dalam mengenal pasti dan mengurus risiko kredit dan pasaran serta integrasi keseluruhan pelbagai risiko yang dihadapi oleh institusi perbankan. Peningkatan dalam proses pengurusan risiko ini membolehkan institusi perbankan menilai dengan lebih berkesan pendedahan mereka kepada risiko yang ada sejajar dengan cita rasa risiko masing-masing.

Pihak Bank turut menilai prestasi keseluruhan konglomerat perbankan. Dalam memenuhi objektif ini, pemeriksaan di premis ke atas syarikat induk bank serta institusi perbankan luar pesisir dan syarikat berkaitan dengan kumpulan perbankan berkenaan telah dijalankan. Sehubungan dengan ini, Pihak Bank telah merumus rangka kerja penarafan piawai untuk syarikat induk bank. Rangka kerja ini bertujuan untuk menentukan tahap ketahanan dan kemampuan syarikat induk bank bagi menyokong institusi perbankan kumpulan masing-masing. Rangka kerja ini juga berperanan dalam menilai kesan yang mungkin timbul ke atas institusi perbankan akibat daripada aktiviti entiti-entiti lain dalam kumpulan tersebut. Fokus pengawalseliaan adalah melalui penganalisaan kedudukan kewangan syarikat induk bank, anak-anak syarikat bukan bank, penilaian kualiti pengurusan kumpulan, perolehan kumpulan serta kekukuhan modal kumpulan. Pelaksanaan rangka kerja ini telah meningkatkan keupayaan untuk mengenal pasti bidang yang berisiko tinggi di dalam kumpulan perbankan yang boleh menggugat keselamatan institusi perbankan berkenaan, di samping melaksanakan dengan segera langkah-langkah pembetulan di mana perlu. Pada tahun 2002, Bank Negara Malaysia dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) telah menjalankan beberapa pemeriksaan ke atas anak syarikat luar pesisir bank domestik.

Dalam mengawasi kes-kes penipuan dan mengenal pasti sebarang modus operandi penipuan yang baru, Sistem Pengkalan Data Maklumat Penipuan (FIDS) telah ditubuhkan bagi membolehkan institusi perbankan melaporkan secara elektronik maklumat berkaitan penipuan. Kes-kes penipuan yang dilaporkan secara terus oleh institusi perbankan ini akan membolehkan amaran awal diberi secepat mungkin kepada institusi perbankan tentang kemungkinan ancaman penipuan dan modus operandi terutamanya yang boleh mengakibatkan kesan sistemik kepada industri perbankan dan

membolehkan institusi perbankan mengambil langkah-langkah pencegahan awal bagi membendung gejala ini.

Fungsi penyeliaan sistem maklumat institusi perbankan juga turut diberi tumpuan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan amalan sihat operasi teknologi maklumat dan seterusnya mengurangkan risiko yang berkaitan dengan sistem maklumat. Bagi mencapai objektif ini, pemeriksaan di premis serta pemantauan luar premis terhadap operasi teknologi maklumat institusi perbankan telah dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan penggunaan amalan teknologi maklumat yang terbaik dan pematuhan terhadap peraturan yang telah ditetapkan. Penyeliaan terhadap fungsi sistem maklumat juga akan memastikan bahawa infrastruktur teknologi maklumat di institusi perbankan yang merupakan tulang belakang kepada semua operasi perbankan, adalah sejajar dengan objektif dan perancangan perniagaan institusi berkenaan. Pada tahun 2002, sebanyak 37 pemeriksaan sistem maklumat institusi perbankan telah dijalankan. Usaha-usaha penyeliaan akan terus diberi tumpuan ke atas institusi perbankan yang kini semakin banyak menyerahkan sebahagian daripada fungsi IT mereka untuk dikendalikan oleh pihak ketiga atau entiti lain di dalam kumpulan perbankan itu sendiri. Pemeriksaan yang rapi juga dilakukan ke atas kepelbagaian sistem yang diguna pakai oleh institusi perbankan bagi memastikan kepatuhan terhadap Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

Usaha-usaha yang diambil bagi mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan penyelia-penyelia Bank adalah bertujuan untuk memperlengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sejajar dengan tuntutan serta cabaran dan keperluan pendekatan penyeliaan terlaras risiko yang dilaksanakan. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran ini adalah kritikal selaras dengan cabaran yang sentiasa meningkat terhadap fungsi penyeliaan bank, di antaranya lanskap kewangan yang bertambah dinamik serta rumit di samping kecanggihan produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Oleh itu, penyelia-penyelia Bank perlu memahirkan diri dalam bidang-bidang tertentu yang berkaitan dengan penyeliaan bank. Beberapa kumpulan pengkhususan terdiri daripada pegawai-pegawai penyelia Bank telah diwujudkan untuk tujuan memperlengkapkan diri mereka dengan pengetahuan di samping mengikuti perkembangan semasa dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti. Setiap kumpulan pengkhususan ini berfungsi sebagai sumber rujukan untuk bidang-bidang tertentu dalam penyeliaan bank.

Pada bulan Mac 2002, Bank Negara Malaysia telah dianugerahkan sijil Sistem Kualiti MS ISO 9002 berkaitan dengan perancangan dan pengawasan prestasi tugas-tugas pemeriksaan rutin di premis ke atas institusi perbankan yang beroperasi di Malaysia. Pencapaian pensijilan ini adalah hasil daripada usaha berterusan bagi mengekalkan tahap profesionalisma yang tinggi dalam memikul tugas-tugas penyeliaan.

Pada tahun 2002, kerjasama terus dipertingkatkan di antara Pihak Bank dan agensi-agensi kawal selia di dalam dan luar negara. Kerjasama sedemikian telah memberi manfaat bersama dan ianya berpandangan jauh kerana dapat mengukuhkan kerjasama di antara agensi di samping memudahkan pertukaran maklumat. Ianya juga menyediakan forum untuk membincangkan isu-isu penyeliaan dalaman atau yang melewati batas sempadan termasuk amalan antarabangsa yang terbaik. Sesi perbincangan dua hala turut diadakan dengan agensi-agensi kawal selia luar negara, khususnya untuk membincangkan isu-isu penyeliaan berkenaan dengan institusi perbankan domestik yang beroperasi di luar negara atau institusi perbankan asing yang beroperasi di Malaysia. Pada tahun 2002, Pihak Bank telah menjalankan lapan pemeriksaan ke atas cawangan atau anak syarikat bank domestik yang beroperasi di luar negara. Hasil daripada pemeriksaan-pemeriksaan ini, perbincangan mengenai kedudukan dan prestasi kewangan cawangan dan anak syarikat turut diadakan dengan hos agensi-agensi kawal selia.

Evolusi persekitaran kewangan akan terus memberi cabaran hebat kepada penyelia-penyelia, termasuklah pelaksanaan perjanjian modal yang baru bagi institusi perbankan. Memandangkan perjanjian modal baru ini adalah berdasarkan pendekatan evolusi dengan penggunaan kaedah-kaedah yang bertambah canggih, penyelia-penyelia hendaklah sentiasa mengikut perkembangan semasa setanding dengan institusi perbankan. Penyelia-penyelia juga perlu memainkan dwi peranan, iaitu menentukan proses yang diguna pakai oleh institusi perbankan hendaklah bersesuaian dan juga bertindak sebagai perunding kepada institusi perbankan dalam melaksanakan kaedah yang lebih canggih. Ini adalah merupakan usaha-usaha yang dianggap penting bagi memastikan kestabilan kewangan negara.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN

Tinjauan Keseluruhan

Sistem perbankan telah mempamerkan daya ketahanan, kekukuhan dan kestabilan yang lebih tinggi pada tahun 2002. Peningkatan tersebut dicapai dengan berlatarbelakangkan prestasi yang lebih baik seperti yang ditunjukkan melalui:

- Pengukuhan keuntungan berikutan kadar pemulihan yang tinggi, keperluan peruntukan yang rendah dan pendapatan daripada aktiviti berasaskan fi yang semakin meningkat;
- Pengurangan margin kadar faedah ke atas aktiviti pemberian pinjaman disebabkan oleh persaingan yang meningkat terutamanya di sektor isi rumah;
- Peningkatan aktiviti pemberian pinjaman dengan pertumbuhan yang kukuh dicatatkan dalam pemberian pinjaman kepada isi rumah dan perniagaan kecil;
- Peningkatan kualiti aset, terutamanya pada separuh tahun kedua 2002, dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) mula menunjukkan trend yang menurun berdasarkan pengkelasan NPL baru yang berkurangan dan peningkatan dalam pengkelasan semula NPL sebagai pinjaman berbayar;
- Tahap mudah tunai yang tinggi berikutan lebihan dagangan yang besar dan kemasukan pelaburan langsung asing;
- Tahap pendedahan kepada risiko pasaran yang terkawal; dan
- Kedudukan modal yang kukuh berikutan peningkatan keuntungan dan suntikan modal.

Keuntungan

Dengan persaingan yang semakin hebat di pasaran pinjaman, keuntungan operasi kasar sistem perbankan meningkat 2.2% kepada RM11.1 bilion pada tahun 2002. Peningkatan dalam keuntungan operasi kasar yang kecil ini mencerminkan pertumbuhan yang mendatar bagi pendapatan faedah bersih dan kos overhed yang tinggi, sekaligus mengimbangi peningkatan yang tinggi dalam pendapatan berasaskan fi. Kedua-dua kumpulan bank perdagangan dan syarikat kewangan mencatatkan pertumbuhan dalam keuntungan operasi kasar yang positif masing-masing sebanyak 3.5% dan 0.2%, yang telah mengimbangi penurunan sebanyak 3% yang dialami oleh kumpulan bank saudagar.

Peruntukan hutang lapuk dan ragu bagi tahun 2002 adalah jauh lebih rendah berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh kesan keseluruhan daripada peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu yang berkurangan sebanyak RM2.2 bilion (–19.2%) dan peningkatan dalam jumlah pemulihan sebanyak RM3.4 bilion (+69.9%). Ini telah dicapai berikutan persekitaran ekonomi yang baik dan penyusunan semula pinjaman yang telah meningkatkan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman. Dengan itu, sistem perbankan telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang belum diaudit sebanyak RM9.3 bilion pada tahun 2002. Hasilnya, pulangan ke atas aset dan ekuiti sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 1.3% dan 16.8%.

Kesan penurunan dalam pendapatan faedah telah dikurangkan oleh penurunan yang lebih besar dalam perbelanjaan faedah. Ini telah menghasilkan

Jadual 4.8
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar			
	2001	2002*a*	Perubahan tahunan	
	RM juta			%
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	36,066	35,454	-613	-1.7
(Faedah tergantung)	*5,730*	*5,570*	*-159*	*-2.8*
Tolak: Perbelanjaan faedah	18,436	17,723	-713	-3.9
Pendapatan faedah bersih	17,631	17,731	100	0.6
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,964	3,325	361	12.2
Tolak: Kos kakitangan	4,746	4,696	-50	-1.1
Kos overhed	5,018	5,288	269	5.4
Keuntungan operasi kasar	10,830	11,072	242	2.2
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu	8,797	5,459	-3,338	-37.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	2,033	5,613	3,580	176.1
Campur: Pendapatan lain	4,890	3,698	-1,191	-24.4
Untung sebelum cukai	6,923	9,311	2,389	34.5
Di mana:				
Bank perdagangan	4,507	6,307	1,800	39.9
Syarikat kewangan	2,121	2,413	292	13.8
Bank saudagar	295	591	297	100.6
Pulangan ke atas aset (%)	1.0	1.3		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	13.4	16.8		
Kos ke atas pendapatan[2] (%)	47.4	47.4		

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam
[2] Hanya mengambil kira kos kakitangan, kos overhed, pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan

peningkatan dalam pendapatan faedah bersih sistem perbankan. Dari segi institusi, bank perdagangan dan syarikat kewangan telah mencatatkan pertumbuhan dalam pendapatan faedah bersih masing-masing sebanyak 1% dan 0.5%. Walau bagaimanapun, pendapatan faedah bersih bank saudagar berkurangan sebanyak 8.8% berikutan strategi perniagaan yang lebih tertumpu kepada aktiviti berasaskan fi. Dengan perubahan struktur ekonomi, peningkatan permintaan pelanggan dan penyahantaraan yang lebih besar melalui pasaran modal, institusi perbankan perlu menyusun semula strategi operasi perniagaan mereka di samping memperluaskan sumber pendapatan bagi mengekalkan keuntungan di masa hadapan. Mencerminkan perkembangan ini, pendapatan berasaskan fi yang dijana oleh sistem perbankan telah mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 12.2%, menyebabkan bahagian pendapatan berasaskan fi meningkat kepada 15.8% daripada jumlah pendapatan operasi (2001: 14.4%).

Sebagai mencerminkan ciri perniagaan mereka, sebahagian besar daripada jumlah pendapatan bank saudagar adalah berpunca daripada aktiviti berasaskan fi. Pada tahun 2002, pendapatan berasaskan fi bagi bank saudagar meningkat 21.7% kepada RM338 juta, mencakupi 38.9% daripada jumlah pendapatan operasi mereka. Pertumbuhan kukuh ini telah dijana daripada aktiviti-aktiviti khidmat nasihat korporat, penaja jaminan dan pengurusan portfolio. Pendapatan daripada aktiviti khidmat nasihat korporat, yang merupakan 43.6% daripada jumlah pendapatan berasaskan fi bagi bank saudagar meningkat dengan ketara sebanyak 28.3% berikutan banyak kegiatan penstrukturan semula korporat yang dijalankan pada tahun 2002. Bank saudagar juga mendapat faedah daripada peningkatan aktiviti di dalam pasaran ekuiti dan bon. Fi yang dijana daripada aktiviti penaja jaminan meningkat RM25 juta, yang merupakan 12.1% daripada jumlah pendapatan berasaskan fi, berbanding 5.8% yang dicatatkan pada tahun 2001. Satu lagi perkembangan yang ketara adalah peningkatan yang tinggi dalam fi yang diperolehi daripada perkhidmatan pengurusan portfolio (+244.7%). Ini mencerminkan fokus yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan pengurusan kekayaan bagi pelanggan yang berpendapatan tinggi. Memandangkan perkhidmatan pengurusan portfolio masih baru, fi yang dijana daripada perkhidmatan tersebut hanya mencakupi 5.9% daripada jumlah pendapatan berasaskan fi bagi bank saudagar.

Graf 4.6
Sistem Perbankan[1]: Keuntungan



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam
a Awalan

Nisbah kos operasi kepada pendapatan bagi sistem perbankan kekal tidak berubah pada tahap 47.4% pada tahun 2002. Walaupun bilangan kakitangan telah berkurangan, kos kakitangan yang dibelanjakan bagi setiap pekerja meningkat sedikit daripada RM51,700 pada tahun 2001 kepada RM52,800 pada tahun 2002 ekoran pakej imbuhan yang lebih baik yang ditawarkan oleh institusi perbankan untuk memperoleh, mengekal dan memberi ganjaran kepada mereka yang berkebolehan. Walau bagaimanapun, keuntungan operasi kasar bagi setiap pekerja telah meningkat daripada RM118,000 pada tahun 2001 kepada RM124,400 pada tahun 2002.

Margin Kadar Faedah

Walaupun kadar faedah merupakan sumber pendapatan terbesar bagi sektor perbankan, dengan persaingan yang semakin hebat dan institusi perbankan meluaskan skop aktiviti untuk memenuhi permintaan pelanggan yang berubah-ubah, sumber pendapatan dijangka menjadi lebih berpelbagai. Bahagian pendapatan faedah kepada jumlah pendapatan juga dijangka akan menurun dalam jangka panjang. Pada tahun 2002, bahagian pendapatan faedah masih lagi tinggi, iaitu pada tahap 70% daripada jumlah pendapatan sistem perbankan. Pendapatan faedah dijangka akan kekal sebagai sumber utama yang menyumbang kepada pendapatan institusi perbankan kecuali bagi bank saudagar yang bertumpu kepada aktiviti berasaskan fi. Ini mencerminkan peranan sistem perbankan sebagai pembekal utama dana kepada ekonomi.

Margin kadar faedah, yang merujuk kepada perbezaan di antara kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman dan pendahuluan (purata kadar berian pinjaman atau ALR) dan kadar faedah yang dibayar oleh institusi perbankan ke atas deposit dan dana yang dipinjam (purata kadar kos dana atau ACF), merupakan pulangan kasar kepada institusi perbankan daripada aktiviti pemberian pinjaman sebelum mengambil kira kos operasi dan kos pengawalan seperti pematuhan kepada keperluan rizab berkanun. Memandangkan tahap mudah tunai yang tinggi dan persaingan hebat dalam pasaran pinjaman, purata margin kadar faedah bagi bank perdagangan menguncup pada tahun 2002 kepada 3.87 mata peratusan daripada 4.14 mata peratusan pada tahun 2001. Begitu juga bagi syarikat kewangan di mana purata margin kadar faedahnya menguncup kepada 6.23 mata peratusan pada tahun 2002 daripada 6.56 mata peratusan pada tahun sebelumnya. Penguncupan purata margin kadar faedah telah didorong oleh penurunan yang lebih besar dalam ALR berbanding dengan ACF.

ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan telah menurun secara progresif pada beberapa tahun kebelakangan ini. Pada akhir bulan Disember 2002, ALR bank perdagangan berada pada paras 6.50% setahun, manakala ALR syarikat kewangan berada pada paras 9.75% setahun (2001: 6.67% setahun untuk bank perdagangan dan 10.24% setahun untuk syarikat kewangan). Persaingan yang hebat telah menyumbang kepada penurunan kadar faedah ke atas pinjaman baru yang diluluskan. Purata kadar faedah ke atas pinjaman baru (tidak termasuk pinjaman kad kredit) pada bulan Disember 2002 adalah sebanyak 5.86% setahun bagi bank perdagangan dan 6.44% setahun bagi syarikat kewangan. Penurunan ALR ke atas pinjaman baru telah dialami oleh semua pihak, di mana golongan perniagaan dan isi rumah mendapat faedah daripada penurunan tersebut.

Jadual 4.9
Purata Berwajaran Kadar Faedah Untuk Pinjaman Baru Yang Diluluskan Sepanjang Bulan

	Bank perdagangan		Syarikat kewangan	
	Bagi bulan (% setahun)			
	Jan. 2002	Dis. 2002	Jan. 2002	Dis. 2002
Pinjaman perniagaan	6.45	6.25	7.95	7.02
Pembelian hartanah kediaman	4.77	4.38	5.11	4.03
Pembelian kereta penumpang	t.b.	t.b.	7.70	6.52

t.b. Tidak berkenaan.

Walau bagaimanapun, margin kadar faedah yang diperoleh berdasarkan tebaran antara ALR dan ACF tidak memberi gambaran yang tepat tentang jumlah sebenar pulangan yang diterima oleh institusi perbankan daripada aktiviti pemberian pinjaman. Memandangkan ALR mengambil kira faedah terakru sedangkan faedah ini tidak diperoleh daripada NPL (faedah tergantung), maka ALR menunjukkan pendapatan faedah yang lebih tinggi daripada yang sebenarnya diterima oleh institusi perbankan. Walaupun institusi perbankan tidak menerima sebarang pendapatan daripada NPL, mereka masih perlu membayar kos ke atas dana yang dipinjam, terutamanya deposit, untuk membiayai pinjaman tersebut. Pada tahun 2002, faedah tergantung merangkumi 13% daripada pendapatan faedah kasar bank perdagangan dan 14.7% daripada pendapatan faedah kasar syarikat kewangan. Margin kadar faedah setelah penyelarasan faedah tergantung adalah sebanyak 2.58 mata peratusan bagi bank perdagangan dan 4.20 mata peratusan bagi syarikat kewangan. Institusi perbankan juga perlu menanggung kos pentadbiran bagi mengurus dan memantau pinjaman yang diberi. Kos kakitangan dan overhed pada tahun 2002 untuk aktiviti pemberian pinjaman mencakupi 24.6% daripada jumlah pendapatan faedah kasar bank perdagangan dan 16% untuk syarikat kewangan.

Setelah mengambil kira faedah tergantung dan kos pentadbiran, margin kadar faedah bersih bagi tahun 2002 adalah sebanyak 1.09 mata peratusan untuk bank perdagangan dan 2.79 mata peratusan untuk syarikat kewangan. Dengan pasaran pinjaman yang semakin kompetitif, margin kadar faedah ke atas aktiviti pemberian pinjaman dijangka akan terus menguncup. Dalam suasana sedemikian, cabaran terhadap institusi perbankan adalah untuk mengekalkan tahap keuntungan mereka menerusi peningkatan kecekapan operasi dan kos serta kualiti aset.

Aktiviti Pembiayaan

Sistem perbankan terus memainkan peranan yang aktif dalam menyalurkan pembiayaan kepada kedua-dua sektor isi rumah dan korporat pada tahun 2002. Usaha yang berterusan untuk mengukuhkan daya ketahanan sistem perbankan, khususnya dengan selesainya penyusunan semula struktur kewangan dan program penggabungan institusi perbankan, telah meletakkan sistem perbankan pada kedudukan yang kukuh untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi. Sehubungan itu, aktiviti pemberian pinjaman sektor perbankan telah meningkat secara progresif pada tahun 2002 dalam suasana

permintaan yang tinggi terhadap perbelanjaan isi rumah untuk barangan pengguna dan pelaburan dalam perumahan dan kenderaan, serta permintaan yang mapan terhadap pembiayaan oleh sektor korporat. Malahan, aktiviti pemberian pinjaman pada tahun 2002 telah mencatatkan paras tertinggi semenjak krisis kewangan Asia.

Berlatarbelakangkan perkembangan yang menggalakkan ini, jumlah permohonan pinjaman yang diterima oleh institusi perbankan pada tahun 2002 meningkat 10.5%. Bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk pembiayaan baru, sebanyak RM136.4 bilion pinjaman baru telah diluluskan pada tahun 2002, manakala pengeluaran pinjaman pula mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.2%. Secara purata, sebanyak RM33.7 bilion pinjaman telah dikeluarkan setiap bulan pada tahun 2002, berbanding RM30.6 bilion pada tahun 2001. Sementara itu, permohonan pinjaman yang tidak diluluskan pula menurun sebanyak 4.9% pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, pembayaran balik pinjaman mencatatkan peningkatan yang tinggi sebanyak 10.1% yang sebahagiannya disebabkan pembiayaan semula pinjaman oleh syarikat korporat menerusi pasaran bon. Ini, ditambah pula dengan pinjaman yang ditukar kepada ekuiti dan pinjaman yang dihapus kira berjumlah RM12.4 bilion, telah menyebabkan jumlah pinjaman berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 4.2% kepada RM442.6 bilion pada akhir tahun 2002. Termasuk pinjaman yang dikeluarkan oleh kedua-dua buah institusi perbankan Islam, jumlah pinjaman telah meningkat 4.5% kepada RM451.7 bilion. Selepas mengambil kira pelarasan bagi pinjaman yang ditukar kepada ekuiti dan pinjaman yang dihapus kira, jumlah pinjaman sistem perbankan (termasuk kedua-dua buah institusi perbankan Islam) berkembang sebanyak 5.4% pada tahun 2002. Jumlah pinjaman yang belum dikeluarkan meningkat hanya sedikit, iaitu sebanyak 1.7% kepada RM128 bilion, berbanding 8.8% pada tahun 2001.

Satu perkembangan yang penting ialah peralihan di dalam komposisi pinjaman sistem perbankan kepada pinjaman bersaiz kecil, yang didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang memberangsangkan di dalam pinjaman kepada sektor isi rumah dan perniagaan kecil. Jumlah pinjaman bersaiz RM100,000 ke bawah dan pinjaman bersaiz di antara RM100,000 dan RM500,000 masing-masing berkembang sebanyak 15% dan 12% pada tahun 2002 (11% untuk kedua-duanya pada tahun 2001). Hasil daripada perkembangan ini, pinjaman bersaiz RM100,000 ke bawah mencakupi 30% daripada jumlah pinjaman (2001: 27%) dan pinjaman bersaiz di antara RM100,000 dan RM500,000 mencakupi 23% daripada jumlah pinjaman (2001: 21%). Perniagaan kecil terus mendapat akses kepada pembiayaan. Dalam tahun 2002, jumlah pinjaman bersaiz RM100,000 ke bawah untuk tujuan perniagaan telah berkembang sebanyak 17.1%.

Aktiviti pemberian pinjaman yang menggalakkan adalah didorong oleh prestasi yang kukuh dalam pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah, terutamanya pinjaman untuk pembelian harta kediaman dan pembiayaan sewa beli. Ini telah menghasilkan pertumbuhan yang kukuh dalam jumlah pinjaman kepada sektor isi rumah sebanyak 15.6% pada tahun 2002. Permintaan yang tinggi terhadap pinjaman perumahan juga disebabkan oleh lanjutan tempoh pengecualian duti setem ke atas semua dokumentasi yang berkaitan dengan pembelian harta kediaman sehingga bulan Jun 2002 dan pakej pembiayaan yang kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Sistem perbankan menerima permohonan pinjaman

Pengukuhan daya ketahanan telah membolehkan sistem perbankan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Jadual 4.10
Sistem Perbankan[1]: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2001	2002	
	RM bilion		
Kelulusan pinjaman	124.7	136.4	9.4
Pengeluaran pinjaman	367.1	404.6	10.2
Pembayaran balik pinjaman	359.7	396.9	10.1
	Pada akhir tahun		
	2001	2002	Pertumbuhan tahunan (%)
	RM bilion		
Jumlah pinjaman[2]	424.5	442.6	4.2
Jumlah pinjaman terlaras[3]	432.9	455.0	5.1

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Jumlah pinjaman kasar, dilaraskan untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti.

berjumlah RM81.2 bilion daripada sektor isi rumah, atau 38.4% daripada jumlah keseluruhan permohonan pinjaman yang diterima pada tahun tersebut. Pinjaman yang diluluskan berjumlah RM66.8 bilion atau 13.1% lebih tinggi daripada jumlah yang diluluskan pada tahun 2001. Daripada jumlah yang diluluskan, 43% merupakan pembiayaan bagi membeli harta kediaman, manakala 34% untuk pembiayaan kereta. Ini menyebabkan jumlah pinjaman bagi pembelian harta kediaman dan pembelian kenderaan penumpang masing-masing meningkat sebanyak 16.3% dan 20.2%. Hasil daripada pertumbuhan yang kukuh pada beberapa tahun sebelumnya, pinjaman isi rumah kini mencakupi 42% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Walaupun pinjaman kad kredit meningkat dengan ketara sebanyak 19.9%, ia hanya merupakan 2.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Aktiviti pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan mencatatkan prestasi positif pada tahun 2002, khususnya yang berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana. Dengan sokongan perbelanjaan fiskal yang lebih tinggi terutamanya bagi tujuan perumahan dan kemudahan awam, disertai dengan pemulihan dalam pelaburan sektor swasta, pinjaman baru yang diluluskan kepada perniagaan telah meningkat 7.4% kepada RM67.4 bilion, setelah mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 19.5% pada tahun 2001. Jumlah pinjaman yang diluluskan tersebut merupakan 49.4% daripada jumlah pinjaman baru yang diluluskan oleh institusi perbankan pada tahun 2002. Sementara itu, pengeluaran pinjaman kepada perniagaan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 4.1% kepada RM275.8 bilion. Namun demikian, dengan jumlah pembayaran balik pinjaman daripada sektor perniagaan yang besar sebanyak RM269.8 bilion disertai dengan pinjaman yang dihapus kira serta pinjaman yang ditukar kepada sekuriti yang sebahagiannya merupakan kes-kes penyusunan semula pinjaman yang diterajui oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC), telah menyebabkan jumlah pinjaman kepada perniagaan berkurangan sedikit, sebanyak 2.7% kepada RM245 bilion pada akhir tahun 2002.

Sektor perniagaan kekal sebagai penerima utama pinjaman. Pada tahun 2002, sebanyak 68.2% daripada jumlah pengeluaran pinjaman disalurkan kepada sektor perniagaan. Secara khususnya, pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan terus mencakupi bahagian yang besar iaitu sebanyak 25.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman atau sebanyak RM102.7 bilion. Pada tahun 2002, sebanyak RM28.9 bilion atau 7.1% pinjaman telah dikeluarkan kepada sektor pembinaan, RM64 bilion atau 15.8% kepada sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel dan RM23.6 bilion atau 5.8% kepada sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan.

Kadar faedah yang rendah berserta langkah untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan ekonomi menerusi pasaran bon telah menghasilkan pertumbuhan yang besar di dalam terbitan sekuriti hutang swasta. Pendorong utama kepada pertumbuhan pinjaman sistem perbankan yang kukuh sebelum krisis kewangan Asia adalah pinjaman besar daripada syarikat-syarikat korporat untuk membiaya projek berjangka panjang. Namun demikian, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, lebih banyak syarikat korporat telah beralih ke pasaran bon untuk memperoleh dana bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Dengan persekitaran kadar faedah yang rendah, sebanyak RM26.7 bilion telah diperoleh daripada pasaran bon pada tahun 2002 (2001: RM31.5 bilion), yang sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan. Daripada jumlah dana yang diterbitkan, sebanyak RM5.9 bilion digunakan untuk membiaya aktiviti baru, RM14.5 bilion untuk pembiayaan semula dan RM6.3 bilion untuk penyusunan semula pinjaman. Pada tahun 2002 terdapat juga penebusan awal bon sebanyak RM7.9 bilion.

Institusi perbankan juga terus memberi tumpuan untuk menyalurkan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pada tahun 2002, permohonan pinjaman daripada PKS berjumlah RM47.2 bilion, iaitu mencakupi 36.9% daripada jumlah permohonan yang diterima daripada sektor perniagaan. Permintaan untuk pembiayaan daripada PKS sebahagian besarnya adalah untuk keperluan modal kerja, iaitu sebanyak 72.5%, manakala pembiayaan untuk pembelian aset hanya mencakupi 18.2% daripada jumlah permohonan yang diterima. Lebih daripada 71,000 PKS telah menerima pembiayaan daripada institusi perbankan berjumlah RM29.8 bilion pada 2002. Walau bagaimanapun, memandangkan jumlah pembayaran balik pinjaman yang hampir menyamai jumlah pinjaman yang dikeluarkan, jumlah pinjaman kepada PKS telah mencatatkan penurunan yang sedikit sebanyak 0.3% kepada RM73.7 bilion pada akhir 2002.

Hampir semua bank perdagangan telah menubuhkan unit khas PKS di institusi masing-masing untuk menyokong strategi perniagaan mereka yang tertumpu kepada pembiayaan PKS. Skop aktiviti yang ditawarkan oleh unit-unit ini adalah lebih daripada aktiviti pembiayaan biasa untuk meliputi aspek pembangunan perniagaan PKS. Usaha yang dilaksanakan termasuklah menganjurkan bengkel, seminar dan program latihan dalam bidang seperti pengurusan kewangan dan aliran tunai dan aktiviti berkaitan pembiayaan perdagangan dan juga lain-lain khidmat tambahan seperti padanan perniagaan.

Untuk memastikan PKS terus mendapat akses kepada pembiayaan pada kadar yang munasabah, Bank Negara Malaysia telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM250 juta untuk setiap Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) pada bulan Oktober 2002. Peruntukan tambahan ini telah meningkatkan jumlah keseluruhan peruntukan bagi TIKS2 dan TUB2 masing-masing kepada RM650 juta dan RM500 juta.

Prospek ekonomi yang menggalakkan, tahap mudah tunai yang tinggi dalam sistem perbankan dan kedudukan institusi perbankan yang kukuh akan dapat mengekalkan momentum pertumbuhan dalam aktiviti pemberian pinjaman pada tahun 2003. Sektor isi rumah dijangka terus mendorong pertumbuhan di dalam aktiviti pembiayaan secara keseluruhannya. Sementara itu, pelaksanaan pelbagai langkah untuk merangsang permintaan dalam negeri dan kedudukan asas ekonomi yang menggalakkan akan mendorong tahap pembiayaan institusi perbankan kepada sektor perniagaan ke paras yang lebih tinggi, terutamanya kepada PKS. Di samping itu, dasar monetari yang kekal akomodatif bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri akan dapat mempertahankan permintaan untuk pembiayaan dan seterusnya menyokong pertumbuhan pinjaman.

Kualiti Aset

Kualiti aset sistem perbankan bertambah baik pada tahun 2002 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang bertambah kukuh serta kemajuan yang menggalakkan dalam penstrukturan semula hutang sektor korporat. Jumlah NPL bersih sistem perbankan berdasarkan klasifikasi 6 bulan berkurangan sebanyak RM1.2 bilion atau 3.7% kepada RM30.8 bilion pada penghujung tahun 2002. Perkembangan yang positif juga dicatat dalam NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan yang mencatat penurunan yang lebih besar sebanyak RM3.4 bilion atau 7.5% kepada RM41.8 bilion. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal stabil pada separuh pertama tahun 2002 dan berkurangan lagi pada separuh tahun yang kedua kepada 7.4%. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga turut menurun kepada 10.1% daripada 11.4% pada penghujung tahun 2001.

Peningkatan kualiti aset pada tahun 2002 adalah didorong oleh persekitaran ekonomi yang lebih baik serta langkah-langkah pemulihan oleh institusi-institusi perbankan. Persekitaran ekonomi yang memberangsangkan ini telah meningkatkan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka. Hasilnya, jumlah NPL yang telah diklasifikasikan semula kepada status bukan NPL meningkat 43% kepada RM13.2 bilion, manakala NPL baru berkurangan sebanyak RM5.8 bilion. Pada tahun 2002, kutipan balik hutang yang telah diklasifikasikan sebagai NPL meningkat kepada RM10.4 bilion berbanding RM8.3 bilion pada tahun 2001. Sejumlah RM9.5 bilion daripada NPL telah dihapus kira oleh institusi-institusi perbankan. Tahap perlindungan kerugian pinjaman sektor perbankan kekal tinggi dengan nisbahnya berada pada 59.6%

Kualiti aset menjadi bertambah baik pada tahun 2002 dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, pengurusan risiko yang lebih baik dan kemajuan dalam penstrukturan semula hutang-hutang korporat.

Graf 4.7
Sistem Perbankan[1]: Nisbah Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

pada akhir tahun 2002. Sekiranya nilai cagaran diambil kira, tahap perlindungan ini akan bertambah kukuh kepada 162.1% daripada jumlah NPL pada akhir tahun 2002 berbanding 147.8% pada akhir tahun 2001.

Kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan tahap NPL yang lebih baik. NPL sektor perkilangan meningkat sedikit sahaja sebanyak 0.7% berbanding 40.1% pada tahun 2001, mencerminkan peningkatan prestasi sektor ini yang sebahagiannya didorong oleh peningkatan permintaan luaran. Walau bagaimanapun, NPL sektor perkilangan masih mencakupi jumlah terbesar daripada jumlah NPL sistem perbankan. Sebaliknya, NPL sektor pembinaan berkurangan sebanyak RM1.1 bilion atau 10.4% memandangkan sektor ini merupakan salah satu daripada benefisiari utama program rangsangan fiskal Kerajaan. Jumlah NPL sektor ini mewakili 15.1% daripada jumlah NPL sistem perbankan pada akhir tahun 2002.

Graf 4.8
Sistem Perbankan[1]: Profil Pinjaman Tertunggak



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan pula adalah di antara yang mencatat penurunan yang paling tinggi dalam jumlah NPL sebanyak 33.7%, disebabkan terutamanya oleh kejayaan penyusunan semula hutang beberapa

Jadual 4.11
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun					
	2001			2002		
	Sebenar[2]	Klasifikasi		Sebenar[2]	Klasifikasi	
		3-bulan	6-bulan		3-bulan	6-bulan
	RM juta					
Bank perdagangan						
Peruntukan am	5,988.9	5,990.7	5,273.3	6,420.6	6,423.7	5,503.0
Faedah tergantung	6,633.8	6,665.6	6,439.5	6,625.9	6,686.2	6,483.0
Peruntukan khas	14,274.5	14,111.2	13,326.1	12,939.0	12,970.8	12,392.2
Pinjaman tidak berbayar	46,912.0	51,556.1	41,659.9	43,932.6	47,957.3	40,012.4
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	8.8	10.4	7.4	7.9	9.1	6.8
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	57.3	51.9	60.1	59.1	54.4	60.9
Syarikat kewangan						
Peruntukan am	1,815.7	1,795.9	1,795.7	1,820.4	1,819.8	1,820.4
Faedah tergantung	2,625.1	2,833.8	2,564.3	2,534.1	2,621.8	2,485.7
Peruntukan khas	4,900.8	5,024.8	4,769.8	4,080.6	4,209.6	3,804.2
Pinjaman tidak berbayar	15,294.0	18,809.9	14,631.0	14,394.2	17,345.3	13,487.0
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	9.1	12.9	8.5	8.3	11.2	7.6
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	61.1	51.3	62.4	58.6	49.9	60.1
Bank saudagar						
Peruntukan am	371.2	340.5	374.6	276.1	276.6	276.5
Faedah tergantung	517.0	540.0	522.8	534.1	547.4	534.1
Peruntukan khas	1,036.8	1,073.9	1,017.0	954.1	968.7	954.4
Pinjaman tidak berbayar	4,384.4	5,029.3	4,373.9	3,989.0	4,457.8	3,989.0
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	21.7	26.3	21.7	20.9	24.6	20.9
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	43.9	38.9	43.8	44.2	40.2	44.2
Sistem perbankan						
Peruntukan am	8,175.9	8,127.1	7,443.6	8,517.1	8,520.1	7,599.8
Faedah tergantung	9,775.9	10,039.4	9,526.7	9,694.1	9,855.4	9,502.9
Peruntukan khas	20,212.0	20,209.9	19,112.9	17,973.6	18,149.0	17,150.7
Pinjaman tidak berbayar	66,590.4	75,395.3	60,664.8	62,315.8	69,760.4	57,488.3
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	9.3	11.4	8.1	8.3	10.1	7.4
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	57.3	50.9	59.5	58.1	52.4	59.6

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

[2] Pinjaman yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar mengikut dasar pengkelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3-bulan atau 6-bulan.

[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pinjaman selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

syarikat pelaburan pada tahun 2002. Hasilnya, NPL sektor ini hanya mencakupi 5% daripada jumlah NPL sistem perbankan, berbanding dengan 7% pada akhir tahun 2001. Satu lagi sektor yang mengalami penurunan NPL yang ketara ialah sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran di mana NPL berkurangan sebanyak 13.4%, mencerminkan peningkatan tahap perbelanjaan oleh pengguna. Walaupun prestasi pasaran saham agak lembap pada tahun 2002, NPL daripada pinjaman bagi pembelian sekuriti berkurangan sebanyak RM0.8 bilion atau 15.6%. Nisbah NPL untuk sektor ini juga berkurangan daripada 24.5% pada akhir tahun 2001 kepada 20.4% pada akhir tahun 2002.

Satu perkembangan yang penting pada tahun 2002 ialah pertumbuhan pinjaman yang kukuh kepada sektor-sektor yang berkaitan dengan pengguna, terutamanya untuk membeli harta kediaman dan pembiayaan sewa beli, mencerminkan pertumbuhan pesat penggunaan persendirian. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidaklah mendedahkan sistem perbankan kepada risiko yang tinggi memandangkan NPL sektor-sektor tersebut masih di tahap yang rendah. Malah, NPL daripada pinjaman bagi pembelian kenderaan pengangkutan berkurangan sebanyak 10.8% kepada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2002, mencakupi hanya 5.3% daripada jumlah pinjaman bagi sektor ini. Pada masa yang sama, NPL daripada pinjaman untuk pembelian harta kediaman juga tetap terkawal pada tahap 8.7% daripada jumlah pinjaman bagi tujuan tersebut. Amalan pengurusan risiko yang lebih baik serta kewujudan sumber maklumat mengenai profil kredit peminjam dalam sistem perbankan melalui "*Central Credit Reference Information System*" telah meningkatkan keupayaan institusi perbankan untuk mengawal secara berkesan pengembangan kredit dalam sektor-sektor ini.

Pinjaman tertunggak dalam sistem perbankan menyederhana serta terkawal di sepanjang tahun 2002, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Pinjaman belum jelas yang tertunggak di antara 2 dan 6 bulan berkurangan sebanyak 8.2% atau RM2.2 bilion pada tahun 2002. Secara agregat, pinjaman yang tertunggak di antara 2 dan 6 bulan hanya mencakupi 5.5% daripada pinjaman kasar belum jelas pada akhir tahun 2002.

Jadual 4.12
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor

	Pada akhir tahun				
	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor		Perubahan	Sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman kepada sektor ini	
	2001	2002	2001/2002	2001	2002
	RM juta		%		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	924.0	932.9	1.0	8.1	8.2
Perlombongan dan kuari	244.6	158.9	-35.0	19.4	16.1
Perkilangan	12,425.2	12,509.1	0.7	20.3	21.0
Elektrik, gas dan air	358.8	422.5	17.8	7.3	6.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,984.5	4,316.7	-13.4	14.0	11.8
Perdagangan borong	*2,127.6*	*1,851.8*	*-13.0*	*10.8*	*9.0*
Perdagangan runcit	*1,364.5*	*1,202.5*	*-11.9*	*12.3*	*10.4*
Restoran dan hotel	*1,492.4*	*1,262.4*	*-15.4*	*30.4*	*27.5*
Sektor harta benda yang luas	27,347.5	26,816.3	-1.9	17.1	15.8
Pembinaan	*10,503.2*	*9,408.4*	*-10.4*	*31.7*	*30.3*
Pembelian harta kediaman	*6,741.9*	*8,491.2*	*25.9*	*8.0*	*8.7*
Pembelian harta bukan kediaman	*4,928.8*	*4,813.3*	*-2.3*	*18.3*	*18.0*
Harta tanah	*5,173.7*	*4,103.4*	*-20.7*	*33.5*	*29.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,595.0	1,406.5	-11.8	15.9	14.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	4,680.7	3,105.3	-33.7	14.6	10.5
Kredit penggunaan	5,784.1	5,419.6	-6.3	10.5	9.5
Kegunaan persendirian	*1,873.8*	*1,867.6*	*-0.3*	*14.2*	*13.4*
Kad kredit	*409.4*	*434.2*	*6.1*	*4.6*	*4.1*
Pembelian barangan pengguna	*71.0*	*57.6*	*-18.8*	*15.0*	*15.9*
Pembelian kenderaan pengangkutan [2]	*3,429.9*	*3,060.2*	*-10.8*	*7.0*	*5.3*
Pembelian sekuriti	5,180.8	4,372.8	-15.6	24.5	20.4
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	1,238.1	1,225.7	-1.0	21.0	21.7
Lain-lain	1,827.1	1,629.3	-10.8	18.0	16.8
Jumlah	**66,590.4**	**62,315.8**	**-6.4**		

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

[2] Termasuk kenderaan perdagangan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Kemajuan penstrukturan semula hutang korporat yang dicapai pada tahun 2002 telah meningkatkan kualiti aset sistem perbankan. Setelah mencapai objektifnya, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah dibubarkan pada 15 Ogos 2002. Sehingga akhir Disember 2002, CDRC telah menyelesaikan 48 kes yang dirujuk kepadanya dengan hutang berjumlah RM52.6 bilion. Daripada jumlah ini, 32 kes telah dilaksanakan sepenuhnya manakala baki 16 kes lagi dengan hutang sebanyak RM16.6 bilion masih di peringkat pelaksanaan. Penstrukturan semula hutang beberapa syarikat yang berjaya disempurnakan telah menyebabkan banyak NPL yang diklasifikasikan semula ke status bukan NPL di samping menghasilkan kutipan balik hutang dengan jumlah yang besar. Pelaksanaan sepenuhnya baki kes yang ada akan mengurangkan lagi nisbah kasar NPL sistem perbankan sebanyak lebih kurang dua mata peratusan.

Dengan momentum pertumbuhan ekonomi yang mapan serta amalan pengurusan risiko yang lebih baik, kualiti aset sistem perbankan dijangka akan terus dipertingkatkan. Malah, dengan tahap permodalan yang tinggi, sistem perbankan domestik berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk terus menyokong aktiviti ekonomi pada tahun 2003.

Pengurusan Mudah Tunai

Sistem perbankan mempunyai mudah tunai yang mencukupi sepanjang tahun 2002. Aliran masuk mudah tunai daripada sektor luaran, terutamanya dalam bentuk lebihan perdagangan dan pelaburan langsung asing, telah menyumbang kepada tahap mudah tunai yang tinggi di pasaran antara bank. Bagi mengekalkan kadar faedah pada tahap yang berpatutan, Bank Negara Malaysia telah menjalankan operasi mempengaruhi kecairan dengan menyerap lebihan mudah tunai. Amaun baki mudah tunai belum jelas yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia dalam bentuk pinjaman antara bank dan penerbitan Bil Bank Negara dan Nota Boleh Niaga telah meningkat daripada RM46.2 bilion pada akhir tahun 2001 kepada RM64.6 bilion pada akhir tahun 2002. Hasil daripada pengurusan mudah tunai Bank Negara Malaysia, kadar faedah secara relatifnya kekal stabil sepanjang tahun dengan purata berwajaran kadar faedah wang semalaman dan satu minggu berubah dalam lingkungan julat yang kecil, iaitu sebanyak 16 mata asas sepanjang tahun 2002.

Dari segi pengurusan mudah tunai, sistem perbankan secara keseluruhannya mengunjurkan tahap mudah tunai yang mencukupi untuk menyerap sebarang kesan pengeluaran tunai luar jangka bagi tempoh sehingga satu bulan. Pada 31 Disember 2002, sistem perbankan (tidak termasuk dua institusi perbankan

Jadual 4.13
Sistem Perbankan[1]: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2002

	Ketidakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	1 minggu	1 bulan	1 minggu	1 bulan
Bank perdagangan[1]	39.0	56.1	11.7	16.8
Syarikat kewangan	9.1	12.9	10.9	15.6
Bank saudagar	5.7	3.9	39.0	26.5
Sistem perbankan[1]	**53.8**	**72.9**	**11.0**	**14.9**

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

Graf 4.9
Mudah Tunai Sistem Perbankan pada tahun 2002



Graf 4.10
Sistem Perbankan[1]: Profil Unjuran Lebihan/ Kurangan Mudah Tunai Bagi Tempoh Satu Bulan Kehadapan pada 31 Disember 2002



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Islam) masing-masing mengunjurkan lebihan mudah tunai kumulatif sebanyak RM53.8 bilion untuk memenuhi permintaan bagi tempoh sehingga satu minggu dan RM72.9 bilion untuk memenuhi permintaan bagi tempoh sehingga satu bulan. Secara agregat, bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar telah mengunjurkan lebihan mudah tunai untuk tempoh sebulan masing-masing sebanyak 16.8%, 15.6% dan 26.5% daripada jumlah deposit. Secara individu, semua institusi perbankan mengunjurkan lebihan mudah tunai jauh melebihi keperluan yang ditetapkan oleh peraturan pengawalseliaan, iaitu 3% untuk bank perdagangan dan bank saudagar dan 5% untuk syarikat kewangan bagi tempoh satu minggu dan, 5% untuk bank perdagangan dan bank saudagar dan 7% untuk syarikat kewangan bagi tempoh satu bulan.

Risiko Kadar Faedah

Aset dan liabiliti sistem perbankan sebahagian besarnya sensitif terhadap kadar faedah. Walaupun risiko kadar faedah sistem perbankan meningkat sebanyak 10.5% kepada RM4.2 bilion dari segi kedudukan bersih berwajaran durasi, tahap risiko kadar faedah sistem perbankan berada pada paras yang terkawal. Ia memberi impak yang minimal kepada nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan pada akhir tahun 2002.

Dalam memberi nilai kepada potensi kerugian akibat pergerakan kadar faedah merentasi pelbagai tarikh matang, Bank Negara Malaysia menerima pakai konsep kedudukan bersih berwajaran durasi yang mengukur anggaran potensi kerugian dalam nilai ekonomi kedudukan kadar faedah sensitif di dalam dan di luar kunci kira-kira sesebuah institusi perbankan akibat pergerakan satu mata peratusan dalam kadar faedah. Analisis risiko kadar faedah sistem perbankan pada tahun 2002 menggunakan konsep tersebut adalah seperti di jadual.

Jadual 4.14
Sistem Perbankan[1] : Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Kekukuhan Modal

	Kedudukan bersih berwajaran durasi					
	RM juta		Sebagai peratusan daripada Modal asas (%)		Impak terhadap Nisbah Modal Berwajaran Risiko (mata peratusan)	
	2001	2002	2001	2002	2001	2002
Bank perdagangan	-1,881	-2,085	-4.3	-4.5	-0.8	-0.9
Syarikat kewangan	-1,686	-1,710	-17.6	-16.1	-2.5	-2.1
Bank saudagar	-224	-392	-4.9	-8.9	-2.0	-3.8
Sistem perbankan[1]	-3,791	-4,187	-6.5	-6.8	-1.3	-1.3

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber utama pendedahan risiko kadar faedah adalah bertumpu kepada tempoh matang melebihi 5 tahun dengan kedudukan bersih berwajaran durasi berjumlah RM3 bilion. Ini merupakan 73.3% daripada anggaran jumlah kedudukan bersih berwajaran durasi sistem perbankan. Pendedahan besar oleh syarikat kewangan berpunca terutamanya daripada pembiayaan sewa beli berjumlah RM39.7 bilion atau 39.9% daripada jumlah portfolio pinjaman pada akhir tahun 2002. Pendedahan bank perdagangan kebanyakannya berpunca daripada pinjaman jangka panjang berkadar tetap terutamanya dalam bentuk pinjaman perumahan yang berlandaskan prinsip Syariah dan pegangan sekuriti hutang berkadar tetap. Pendedahan bank saudagar kepada risiko kadar faedah bagi tempoh matang melebihi 5 tahun adalah disebabkan terutamanya oleh pegangan sekuriti hutang berkadar tetap apabila bank saudagar secara umumnya berusaha mengurangkan jumlah pinjaman dan meningkatkan pegangan instrumen pasaran modal.

Kesan risiko kadar faedah terhadap sistem perbankan adalah lebih tinggi pada tahun 2002 disebabkan oleh peningkatan pinjaman berkadar tetap dan pegangan sekuriti hutang berkadar tetap bagi tempoh matang melebihi 5 tahun. Kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan mencatatkan peningkatan di dalam pinjaman berkadar tetap masing-masing sebanyak RM3.9 bilion dan RM2.7 bilion bagi tempoh matang melebihi 5 tahun. Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan di dalam pembiayaan jangka lebih panjang berkadar tetap terutamanya melalui pensekuritian aset pinjaman dengan Cagamas masing-masing sebanyak RM3.2 bilion dan RM1.2 bilion. Kesan risiko kadar faedah terhadap bank saudagar mencatatkan pertumbuhan sebanyak

Graf 4.11
Sistem Perbankan[1]: Taburan Mengikut Kedudukan Bersih Berwajaran Durasi sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2002



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

RM168 juta. Lebih 80% daripada risiko kadar faedah adalah disebabkan oleh peningkatan sebanyak RM2.2 bilion di dalam pegangan sekuriti hutang berkadar tetap bagi tempoh matang melebihi 3 tahun.

Pada akhir tahun 2002, kesan kepada potensi kerugian akibat kenaikan satu mata peratusan dalam kadar faedah ialah penurunan marginal sebanyak 6.8% dalam modal asas sistem perbankan manakala nisbah modal berwajaran risiko akan menurun sebanyak 1.3 mata peratusan kepada 11.6% pada 31 Disember 2002.

Risiko kadar faedah memberi impak yang terbesar ke atas modal syarikat kewangan. Kenaikan satu mata peratusan dalam kadar faedah berpotensi untuk menghakiskan nilai modal asas syarikat kewangan sebanyak 16.1% dan menurunkan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 2.1 mata peratusan kepada 9.3% pada 31 Disember 2002. Kedudukan jumlah yang tidak dilindung nilai yang secara relatifnya tinggi direkodkan oleh syarikat kewangan, mungkin disebabkan oleh mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dan jangkaan bahawa kadar faedah akan kekal stabil. Pendedahan yang tinggi yang dialami oleh syarikat kewangan kepada risiko kadar faedah akan dapat dikurangkan berikutan penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan hasil daripada sinergi yang dicapai daripada portfolio yang pelbagai dan pengurusan risiko.

Merujuk kepada struktur, sistem perbankan terus mencatatkan kedudukan jurang bersih negatif untuk tempoh matang pendek tidak melebihi satu tahun memandangkan sumber utama pembiayaan adalah daripada deposit yang sebahagian besarnya mempunyai tempoh matang tidak melebihi satu tahun. Sebaliknya, bagi tempoh matang jangka sederhana dan panjang satu tahun dan lebih, terdapat jurang bersih positif akibat pembiayaan sewa beli, pinjaman perumahan berkadar tetap berlandaskan prinsip Syariah dan pegangan sekuriti hutang berkadar tetap terutamanya kertas kerajaan jangka panjang untuk tujuan mudah tunai, dagangan dan pelaburan.

Graf 4.12
Sistem Perbankan[1]: Ketakpadanan Kedudukan Kadar Faedah Bersih pada 31 Disember 2002



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Risiko Ekuiti

Pegangan instrumen ekuiti oleh sistem perbankan meningkat 22.8% atau RM492.1 juta kepada RM2.6 bilion pada akhir tahun 2002, didorong oleh peningkatan dalam penukaran pinjaman kepada ekuiti. Memandangkan sebahagian besar peningkatan ini adalah berikutan penukaran pinjaman kepada ekuiti yang cuma merupakan perubahan daripada risiko kredit kepada risiko ekuiti, sistem perbankan secara keseluruhannya tidak terdedah kepada sebarang penambahan dalam risikonya. Pegangan ekuiti hanya mencakupi 0.4% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2002.

Daripada jumlah ekuiti yang dipegang, 64% adalah merupakan saham tersenarai, berikutan peningkatan sebanyak RM176.4 juta kepada RM1.7 bilion pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penukaran pinjaman kepada ekuiti, yang mencakupi RM146.9 juta daripada jumlah peningkatan. Pegangan saham tersenarai yang

Graf 4.13
Sistem Perbankan[1]: Komposisi Pelaburan Ekuiti



[1]Tidak termasuk institusi perbankan Islam

dibeli terus daripada pasaran meningkat RM84.4 juta. Walau bagaimanapun, kenaikan ini sebahagiannya telah diimbangi oleh pengurangan pegangan saham tersenarai yang berpunca daripada kemerosotan aktiviti taja jamin dan penjelasan hutang, masing-masing sebanyak RM52.9 juta dan RM2 juta.

Syarikat kewangan mencatatkan kenaikan yang tertinggi sebanyak 20% dalam pegangan saham tersenarai, manakala pelaburan yang sama yang dilakukan oleh bank perdagangan serta bank saudagar masing-masing meningkat sebanyak 12% dan 3.2%. Walau bagaimanapun, mengikut tahap pendedahan, bank saudagar adalah yang paling terdedah kepada ekuiti dengan pegangan saham tersenarai mereka melebihi 9% daripada modal asas, selaras dengan bidang perniagaan mereka sebagai pengantara dalam pasaran modal. Sebahagian besar daripada pendedahan bank saudagar ini adalah berpunca daripada penglibatan mereka dalam aktiviti penaja jaminan ekuiti dan penukaran hutang kepada ekuiti.

Bagi sistem perbankan secara keseluruhannya, potensi kerugian maksimum dalam nilai ekuiti berdasarkan kadar kemudahubahan 10 hari KLCI pada tahun 2002 adalah lebih rendah pada tahap 8.2% berbanding 19% pada tahun 2001. Dengan itu, potensi kerugian bagi sistem perbankan berdasarkan anggaran potensi kerugian ekuiti maksimum adalah hanya 0.2% daripada modal asas pada tahun 2002 berbanding 0.5% pada tahun 2001. Bagi bank saudagar, potensi kerugian dianggarkan 0.8% daripada modal asas pada tahun 2002 berbanding 1.6% pada tahun 2001 manakala potensi kerugian bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan terus kekal pada tahap yang rendah.

Pegangan saham tidak tersenarai telah mencatat kenaikan yang ketara sebanyak 49.9% kepada RM948.3 juta pada tahun 2002. Sebahagian besar

Graf 4.14
Sistem Perbankan[1]: Taburan mengikut Ekuiti sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2002



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

kenaikan ini adalah berpunca daripada penukaran pinjaman kepada saham melalui skim-skim penyusunan semula, termasuklah penyusunan semula yang diterajui oleh CDRC. Meskipun dengan kenaikan yang nyata, pegangan saham tidak tersenarai adalah hanya 0.1% daripada jumlah aset sistem perbankan.

Memandangkan bahawa institusi perbankan tidak dibenarkan memasuk kira semula peruntukan khas dan faedah tergantung bagi pinjaman yang telah ditukar kepada saham sehingga saham-saham tersebut berjaya dijual, penukaran pinjaman kepada saham tidak akan memberi sebarang kesan terhadap keuntungan dan kedudukan modal sistem perbankan. Ini adalah memandangkan bahawa peruntukan khas dan faedah tergantung telahpun diambil kira pada tahun-tahun sebelumnya.

Risiko Mata Wang Asing

Pendedahan sistem perbankan kepada mata wang asing kekal pada tahap berhemat pada tahun 2002. Kedudukan mata wang asing terbuka bersih sistem

Jadual 4.15
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Ekuiti

	Pegangan ekuiti[2] (RM juta)		Ekuiti[2] / Modal asas (%)		Potensi kerugian ekuiti[2] / Modal asas (%)	
	2001	2002	2001	2002	2001	2002
Bank perdagangan	768.5	860.9	1.7	1.9	0.3	0.2
Syarikat kewangan	357.6	429.0	3.5	4.0	0.7	0.3
Bank saudagar	398.1	410.7	8.4	9.3	1.6	0.8
Sistem perbankan[1]	1,524.3	1,700.7	2.6	2.8	0.5	0.2

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

perbankan sepanjang tahun 2002 berkisar dalam lingkungan RM2.4 bilion ke RM2.7 bilion. Kedudukan mata wang asing terbuka bersih sebagai peratus modal asas sistem perbankan mencatat peningkatan yang sedikit daripada 4.7% pada akhir tahun 2001 kepada 5.3% pada akhir tahun 2002.

Jumlah pegangan aset mata wang asing oleh institusi perbankan kekal stabil dengan mencatatkan peningkatan yang sedikit sebanyak RM2.8 bilion pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, liabiliti mata wang asing meningkat dengan ketaranya apabila institusi perbankan mengambil kesempatan ke atas kadar faedah dolar Amerika Syarikat yang lebih rendah untuk memperoleh dana dolar Amerika Syarikat, yang mana sebahagian besarnya telah digunakan untuk melindungi nilai belian hadapan mata wang asing mereka. Peminjaman mata wang asing antara bank oleh institusi perbankan meningkat RM10.1 bilion kepada RM27.6 bilion pada akhir tahun 2002. Peningkatan liabiliti mata wang asing daripada RM30 bilion pada akhir tahun 2001 kepada RM40 bilion pada akhir tahun 2002 telah menyebabkan penguncupan aset mata wang asing bersih sebanyak RM7.2 bilion kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2002.

Meskipun institusi perbankan secara bersihnya adalah penjual belian hadapan mata wang asing pada tahun 2001, mereka adalah pembeli bersih belian hadapan mata wang asing pada tahun 2002 setelah para pengeksport mengambil kesempatan ke atas premium yang wujud di pasaran hadapan dengan menjual kontrak-kontrak hadapan untuk perolehan mata wang asing mereka. Belian hadapan mata wang asing institusi perbankan meningkat sebanyak 97% kepada RM13.6 bilion pada akhir tahun 2002 apabila premium pasaran hadapan melebar daripada 26 mata pada akhir tahun 2001 kepada 50 mata pada akhir tahun 2002 untuk kadar hadapan satu bulan. Memandangkan premium pasaran hadapan semakin melebar, kos melindung nilai bayaran import hadapan oleh pengimport adalah tinggi, sekaligus menyebabkan mata wang asing hadapan yang terjual menyusut sebanyak 27%. Penyusutan jualan hadapan mata wang asing juga telah membawa kepada penurunan sebanyak 20% dalam penerimaan mata wang asing daripada urus niaga swap pada separuh kedua tahun 2002.

Jadual 4.16
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Mata Wang Asing

	Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih (RM juta)		Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih/ Modal Asas (%)	
	akhir 2001	akhir 2002	akhir 2001	akhir 2002
Bank perdagangan	2,221	2,631	5.1	5.7
Bank saudagar	47	70	1.0	1.6
Sistem perbankan[1]	2,268	2,701	4.7	5.3

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

Graf 4.15
Sistem Perbankan[1]: Komponen Pendedahan kepada Mata Wang Asing



[1]Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.16
Sistem Perbankan[1]: Taburan Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih pada 31 Disember 2002



[1]Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Sistem perbankan dijangka kekal sebagai pembeli bersih mata wang asing dengan wujudnya premium di pasaran hadapan memandangkan perbezaan kadar faedah dolar Amerika Syarikat dan ringgit kekal positif.

Kekukuhan Modal

Sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko berada di paras 12.8% pada akhir tahun 2002. Keuntungan yang telah diaudit menyumbang sebanyak RM3.4 bilion kepada peningkatan modal asas pada tahun 2002 manakala suntikan modal baru pula menyumbang sebanyak RM1.3 bilion. Penggabungan dua buah syarikat kewangan pada separuh tahun pertama 2002 serta peningkatan pelaburan dalam anak syarikat oleh dua buah institusi perbankan pada hujung tahun 2002 telah menyebabkan modal asas sistem perbankan, secara bersih, meningkat hanya sebanyak 3.8% atau RM2.3 bilion pada tahun 2002. Aset berwajaran risiko pula meningkat sebanyak 5.2%.

Sejajar dengan keuntungan yang lebih tinggi, jumlah modal kumpulan-1 meningkat sebanyak RM2.5 bilion atau 4.6% kepada RM55.9 bilion, manakala jumlah modal kumpulan-2 mencatat kenaikan sebanyak RM1.9 bilion hasil daripada penerbitan hutang subordinat yang bertujuan untuk membiayai sebahagian daripada kos pemerolehan sebuah institusi perbankan di bawah program penggabungan bagi institusi perbankan domestik. Mencerminkan kedudukan modal sistem perbankan yang kukuh pada tahun 2002, nisbah modal berwajaran risiko dan nisbah modal utama sistem perbankan masing-masing sentiasa berada pada paras melebihi 12% dan 10% di sepanjang tahun.

Nisbah modal berwajaran risiko bank perdagangan berada pada paras 12.8% manakala nisbah modal berwajaran risiko bank saudagar secara kumpulan menurun daripada 19.6% kepada 18.4% disebabkan oleh peningkatan pelaburan dalam anak-anak syarikat oleh sebuah bank saudagar. Bagi syarikat kewangan pula, kenaikan modal asas sebanyak 4.6% pada tahun 2002 telah diimbangi oleh pengembangan aset yang lebih besar terutamanya daripada pembiayaan sewa beli yang menyebabkan nisbah modal berwajaran risiko menurun secara marginal sebanyak 0.7 mata peratusan kepada 11.4%.

Bank Negara Malaysia juga telah menjalankan kaji selidik seluruh industri untuk menilai kesan yang mungkin dihadapi akibat daripada pengenalan keperluan modal bagi risiko pasaran ke dalam rangka kerja kecukupan modal. Anggaran awal menunjukkan bahawa tambahan modal yang diperlukan oleh sistem perbankan adalah kecil dan berbeza di antara industri-industri. Anggaran modal tambahan yang diperlukan oleh bank saudagar sebanyak 3% bagi risiko pasaran, yang lebih besar daripada keperluan institusi-institusi perbankan lain, adalah disebabkan oleh bentuk pelaburan dan urus niaga mereka yang melibatkan pelaburan kewangan, terutamanya hutang sekuriti swasta. Sebarang keperluan modal tambahan akan dapat diserap dengan mudah oleh modal asas yang besar dengan nisbah modal berwajaran risiko mereka akan terus kekal pada paras yang jauh melebihi keperluan minimum. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan ke atas impak yang mungkin bagi rangka kerja cadangan Basel II, anggaran awal keperluan modal bagi risiko pengendalian juga menunjukkan bahawa modal tambahan yang diperlukan sebanyak 1% akan dapat diserap dengan mudah oleh sistem perbankan.

Tahap aktiviti ekonomi dan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi di sepanjang tahun 2002 telah

Jadual 4.17
Sistem Perbankan[1]: Komponen Modal

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan	
	2001	2002		
	RM juta		RM juta	(%)
Modal kumpulan-1	53,393.4	55,864.6	2,471.2	4.6
Modal kumpulan-2	14,786.3	16,718.9	1,932.6	13.1
Jumlah modal	68,179.7	72,583.4	4,403.7	6.5
Tolak:				
Pelaburan di dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain	8,885.6	11,018.0	2,132.4	24.0
Modal asas	59,294.1	61,565.4	2,271.3	3.8
Aset berisiko:				
0%	121,603.7	139,193.8	17,590.1	14.5
10%	15,846.2	15,546.7	-299.5	-1.9
20%	93,172.4	98,050.8	4,878.4	5.2
50%	90,533.6	102,611.9	12,078.3	13.3
100%	390,024.2	406,896.1	16,871.9	4.3
Jumlah aset berwajaran risiko	455,510.1	479,366.8	23,856.7	5.2
Nisbah modal berwajaran risiko (%)				
Sistem perbankan[1]	**13.0**	**12.8**	**-0.2**	
Bank perdagangan	12.8	12.8	0.0	
Syarikat kewangan	12.1	11.4	-0.6	
Bank saudagar	19.6	18.4	-1.2	

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

menyumbang kepada peningkatan dalam jumlah aset berwajaran risiko sistem perbankan yang bertambah sebanyak 5.2% atau RM23.8 bilion kepada RM479.3 bilion pada akhir tahun 2002. Kenaikan tersebut melibatkan hampir semua kategori risiko kecuali bagi kategori risiko 10% di mana terdapat pengurangan dalam penempatan antara bank dengan syarikat diskaun. Yang jelas, terdapat peningkatan dalam kategori 0% sebanyak RM18 bilion kepada RM139.1 bilion, terutamanya disebabkan oleh penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bil Bank Negara serta Nota Boleh Niaga yang merupakan sebahagian daripada aktiviti campur tangan pasaran wang Bank Negara Malaysia. Begitu juga, pembiayaan akhir bagi harta tanah untuk tujuan kediaman pada tahun 2002 telah mendorong kepada pertambahan sebanyak RM12.1 bilion dalam kategori risiko 50% manakala peningkatan sebanyak RM16.8 bilion dalam kategori risiko 100% adalah berpunca daripada pembiayaan pinjaman lain.

Sistem perbankan terus kukuh dengan selesainya proses penggabungan institusi-institusi perbankan. Dengan tercatatnya keuntungan yang memberangsangkan pada tahun 2002, sistem perbankan berada pada kedudukan yang teguh bagi memenuhi permintaan pinjaman bagi menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2003.

PERBANKAN ISLAM

Industri perbankan Islam terus berkembang sepanjang tahun 2002 dengan mencatatkan peningkatan syer pasaran dari segi aset dan pembiayaan masing-masing kepada 8.9% (8.2% pada tahun 2001) dan 8.1% (6.5% pada tahun 2001) berbanding keseluruhan sistem perbankan. Syer pasaran deposit meningkat kepada 10.2% berbanding 9.5% dalam tahun 2001. Perkembangan ini adalah hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang mapan serta komitmen berterusan untuk membangunkan sektor perbankan Islam sebagaimana yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK).

Pada bulan September 2002, transformasi Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IPKIM) daripada sebuah entiti milik bank kepada sebuah institut milik industri telah berjaya disempurnakan. Struktur pegangan saham IPKIM kini terdiri daripada bank-bank Islam, bank konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (SPI) dan pengendali takaful. Penubuhan IPKIM merupakan lanjutan kepada inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perbankan Islam dan fokus seterusnya adalah untuk memperkukuhkan kapasiti keinstitusian IPKIM bagi menempatkannya sebagai pusat latihan serantau yang ulung bagi perbankan dan kewangan Islam.

Dalam bidang pembangunan produk, pendekatan secara bersepadu telah dilaksanakan secara bersama dengan peserta industri di bawah Jawatankuasa Perunding Pembangunan Produk dan Pasaran. Antara inisiatif yang dijalankan adalah untuk memajukan kaedah perkongsian risiko pembiayaan menerusi konsep Mudharabah (perkongsian untung) dan Musyarakah

Jadual 4.18
Sistem Perbankan Islam: Data Utama

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan (%)
	2001	2002	2002
Bilangan institusi	**38**	**35**	**-7.9**
Bank perdagangan	14	14	0.0
Syarikat kewangan	10	9	-10.0
Bank saudagar	5	3	-40.0
Bank-bank Islam	2	2	0.0
Syarikat diskaun	7	7	0.0
Jumlah aset (RM juta)	**58,929**	**68,070**	**15.5**
Bank perdagangan	26,750	29,109	8.8
Syarikat kewangan	9,749	12,623	29.5
Bank saudagar	1,353	1,430	5.7
Bank-bank Islam	17,328	20,160	16.3
Syarikat diskaun	3,749	4,748	26.6
Jumlah deposit (RM juta)	**47,106**	**53,306**	**13.2**
Bank perdagangan	22,031	23,476	6.6
Syarikat kewangan	7,664	9,094	18.7
Bank saudagar	673	684	1.6
Bank-bank Islam	14,375	16,421	14.2
Syarikat diskaun	2,363	3,631	53.7
Jumlah pembiayaan (RM juta)	**28,201**	**36,718**	**30.2**
Bank perdagangan	12,256	16,706	36.3
Syarikat kewangan	7,613	10,050	32.0
Bank saudagar	771	804	4.3
Bank-bank Islam	7,561	9,158	21.1
Syarikat diskaun	–	–	–
Nisbah pembiayaan-deposit (%)	**59.9**	**68.9**	**9.0**
Bank perdagangan	55.6	71.2	15.6
Syarikat kewangan	99.3	110.5	11.2
Bank saudagar	114.6	117.5	2.9
Bank-bank Islam	52.6	55.8	3.2
Syarikat diskaun	–	–	–
Bilangan cawangan	**132**	**138**	**4.5**
Bank perdagangan	8	8	0.0
Syarikat kewangan	2	2	0.0
Bank-bank Islam	122	128	4.9
Bilangan kaunter	**2,065**	**2,065**	**0.0**
Bank perdagangan	1,335	1,335	0.0
Syarikat kewangan	730	730	0.0
Bank saudagar	–	–	–

(perkongsian untung rugi), serta mekanisme kadar terapung secara Islam bagi menangani risiko pasaran yang tidak menentu. Pada bulan Januari 2003, Bank Negara Malaysia memperkenalkan senarai nama generik yang seragam bagi produk dan perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam. Dalam hubungan ini, abjad "i" dikehendaki diletakkan di hujung nama generik tersebut. Langkah ini bertujuan untuk menyeragamkan nama produk perbankan Islam bagi memudahkan ia dikenali dalam suasana dwi-perbankan. Di samping itu, ia juga diharapkan akan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Meskipun penggunaan nama generik dan penanda "i" diwajibkan, penggunaan nama-nama lain yang berhubung pelabelan, konsep perbankan Islam dan terminologi Bahasa Arab masih boleh digunakan oleh institusi perbankan.

Pada bulan Ogos 2002, Bank Negara Malaysia telah menerbitkan Nota Panduan untuk Perjanjian Jual dan Beli Balik (PJBB) bagi memastikan urus niaga perjanjian jual dan beli balik dilaksanakan berdasarkan amalan terbaik. PJBB diperkenalkan untuk meningkatkan mudah tunai dalam urus niaga pasaran wang secara Islam dan untuk memberi ruang kepada peserta pasaran wang secara Islam memenuhi keperluan dana mereka. Garis Panduan Bil Penerimaan-i telah dikaji semula bagi mengambil kira arah aliran dan perkembangan sektor pembiayaan dagangan. Usaha ini merupakan sebahagian daripada langkah berterusan ke arah mengukuhkan daya saing produk perbankan Islam.

Sumber dan Kegunaan Dana

Aset sektor perbankan Islam mencatatkan peningkatan 15.5% (RM9.1 bilion) pada akhir tahun 2002. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar daripada pertumbuhan aset disumbangkan oleh peningkatan dalam jumlah pembiayaan oleh bank perdagangan SPI (36.3%) dan syarikat kewangan SPI (32.0%), yang merangkumi 72.9% daripada keseluruhan jumlah pembiayaan. Dari segi penguasaan syer pasaran, syer terbesar aset perbankan Islam masih dikuasai oleh bank perdagangan SPI dengan syer pasaran sebanyak 42.8%, diikuti bank-bank Islam (29.6%) dan syarikat kewangan SPI (18.5%). Dari segi pertumbuhan aset, syarikat kewangan SPI mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 29.5%, diikuti syarikat diskaun SPI (26.6%) dan bank-bank Islam (16.3%). Arah aliran yang ketara sepanjang tahun 2002 adalah peralihan dana daripada deposit antara bank kepada pelaburan dalam sekuriti bagi mendapatkan kadar pulangan yang lebih tinggi.

Jadual 4.19
Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002*a*
	2001	2002	
	RM juta		
Sumber			
Modal dan rizab	908	1,269	4,703
Deposit	11,183	6,200	53,306
Dana daripada institusi kewangan lain	-623	271	4,444
Liabiliti lain	392	1,401	5,617
Jumlah	**11,860**	**9,141**	**68,070**
Kegunaan			
Wang tunai	-147	39	240
Rizab dengan Bank Negara Malaysia	154	318	1,196
Deposit dengan institusi kewangan lain	2,759	-3,767	7,735
Pembiayaan	7,310	8,517	36,718
Sekuriti	-504	4,014	19,277
Aset lain	2,288	20	2,904

a Awalan

Deposit kekal sebagai penyumbang utama kepada sebahagian besar sumber dana sektor perbankan Islam dengan mencakupi 78.3% daripada keseluruhan sumber dana. Jumlah deposit yang dimobilisasikan oleh

Jadual 4.20
Sistem Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi

	Perubahan tahunan				Pada akhir tahun 2002*a*
	2001		2002*a*		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit permintaan	**-107**	**-1.6**	**2,727**	**42.2**	**9,184**
Bank-bank Islam	-162	-5.8	834	31.9	3,450
Bank perdagangan	55	1.5	1,893	49.3	5,734
Deposit tabungan	**822**	**24.7**	**1,275**	**30.7**	**5,424**
Bank-bank Islam	138	10.5	308	21.2	1,762
Bank perdagangan	553	35.0	897	42.1	3,030
Syarikat kewangan	131	30.4	70	12.5	632
Deposit pelaburan	**9,041**	**37.0**	**2,463**	**7.4**	**35,968**
Bank-bank Islam	3,066	43.1	909	8.9	11,090
Bank perdagangan	3,808	38.8	-1,032	-7.6	12,578
Syarikat kewangan	2,237	47.1	1,419	20.3	8,405
Bank saudagar	-160	-30.2	7	1.9	377
Syarikat diskaun	90	4.0	1,160	49.2	3,518
Lain-lain deposit	**1,428**	**91.1**	**-266**	**-8.9**	**2,729**
Bank-bank Islam	29	30.5	-5	-4.0	119
Bank perdagangan	1,524	165.1	-314	-12.8	2,133
Syarikat kewangan	-96	-45.3	-59	-50.9	57
Bank saudagar	-34	-10.1	4	1.3	307
Syarikat diskaun	5	–	108	2,160.0	113

a Awalan

sektor perbankan Islam meningkat secara sederhana sebanyak RM6.2 bilion atau 13.2% kepada RM53.3 bilion. Deposit pelaburan menguasai 67.5% daripada jumlah deposit perbankan Islam dengan pertumbuhan sebanyak 7.4% pada tahun 2002. Sebaliknya, deposit permintaan dan deposit tabungan menunjukkan pertumbuhan yang ketara dengan masing-masing meningkat sebanyak 42.2% dan 30.7% hasil daripada kadar pulangan yang kompetitif dan meningkatnya asas pelanggan runcit dalam perbankan Islam. Dari segi profil kematangan deposit pelaburan, 56.5% daripada jumlah deposit tertumpu kepada tempoh matang jangka pendek, terutamanya di antara tempoh matang satu hingga tiga bulan, ekoran peningkatan kecil dalam kadar pulangan pelaburan jangka panjang berbanding kadar pelaburan jangka pendek. Kadar pulangan purata bagi tempoh matang satu hingga tiga bulan adalah di antara 2.8% hingga 5.0%, manakala kadar pulangan purata bagi tempoh matang satu tahun ke atas berkisar di antara 3.5% hingga 5.3%.

Jumlah pembiayaan sektor perbankan Islam berkembang sebanyak 30.2% atau RM8.5 bilion (35.0% atau RM7.3 bilion pada tahun 2001) hasil daripada peningkatan pembiayaan dalam sektor harta benda yang luas serta perbelanjaan pengguna yang kukuh. Sebahagian besar daripada pertumbuhan pembiayaan disumbangkan oleh peningkatan ketara dalam pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan kenderaan pengangkutan, masing-masing sebanyak 57.2% dan 33.5%. Permintaan pengguna yang tinggi turut didorong oleh pakej pembiayaan yang menarik dan kompetitif daripada institusi perbankan Islam. Selaras dengan penguasaan pembiayaan dalam sektor harta benda yang luas

Jadual 4.21
Sistem Perbankan Islam: Arah Aliran Pembiayaan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002*a*
	2001	2002*a*	
	RM juta		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	61.9	-45.6	1,594.0
Perlombongan dan kuari	-14.5	10.5	74.5
Perkilangan	1,029.1	807.8	3,881.2
Elektrik, gas dan air	-312.0	-9.9	533.7
Masyarakat, perkhidmatan sosial dan persendirian	60.4	-139.2	213.9
Sektor harta benda yang luas	3,276.2	4,953.2	15,735.7
Harta tanah	*202.7*	*103.5*	*669.3*
Pembinaan	*126.3*	*579.9*	*2,278.2*
Pembelian harta kediaman	*2,871.5*	*3,916.9*	*10,762.8*
Pembelian harta bukan kediaman	*75.6*	*353.0*	*2,025.4*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	280.5	251.2	1,386.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	-24.9	61.8	824.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	633.8	42.2	1,271.7
Pembelian sekuriti	167.6	62.4	935.0
Kredit penggunaan	2,769.6	2,474.5	9,287.2
Kad kredit	*1.6*	*57.5*	*60.5*
Kegunaan persendirian	*346.7*	*374.7*	*1,061.6*
Pembelian barangan pengguna	*12.1*	*8.1*	*63.3*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*2,409.3*	*2,034.1*	*8,101.8*
Lain-lain	-617.6	47.5	979.6
Jumlah	**7,310.1**	**8,516.4**	**36,717.7**

a Awalan

Graf 4.17
Sistem Perbankan Islam: Konsep Pembiayaan pada 31 Disember 2002



Graf 4.18
Sistem Perbankan Islam: Kecukupan Modal pada tahun 2002



dan kenderaan pengangkutan, pembiayaan berdasarkan konsep Bai' Bithaman Ajil kekal dominan, mencakupi 49.1% daripada jumlah pembiayaan manakala Ijarah Thumma Al-Bai' merangkumi 23.3%.

Pada tahun 2002, kedudukan modal sektor perbankan Islam meningkat dengan ketara sebanyak RM1.3 bilion kepada RM4.7 bilion. Sebahagian besar peningkatan dalam kedudukan modal sebanyak RM994.8 juta berpunca daripada peningkatan dalam peruntukan modal oleh institusi perbankan SPI berikutan pematuhan kepada rangka kerja nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) bagi portfolio perbankan Islam. Peningkatan selebihnya sebanyak RM299.1 juta adalah daripada perolehan tertahan. Pada akhir tahun 2002, sektor perbankan Islam mencatatkan kadar nisbah modal asas dan nisbah modal berwajaran risiko yang kukuh, masing-masing pada tahap 10.9% dan 12.6%.

Keuntungan

Sektor perbankan Islam mencatatkan peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak 12.3% kepada RM948 juta pada tahun 2002. Pulangan atas aset kekal tidak berubah pada 1.4% kerana kenaikan dalam keuntungan sebelum cukai diimbangi oleh kenaikan dalam aset. Walau bagaimanapun, pulangan atas ekuiti susut kepada 20.2% ekoran pengukuhan modal sektor perbankan Islam. Meskipun terdapat peningkatan dalam peruntukan kerugian pembiayaan dan peruntukan-peruntukan lain kepada RM706 juta, keuntungan sebelum cukai yang tinggi masih dapat dicatatkan kerana peningkatan dalam pendapatan pembiayaan sebanyak 16.1% kepada RM3.2 bilion dan pendapatan bukan pembiayaan sebanyak 14.6% kepada RM495 juta adalah melebihi peningkatan dalam peruntukan. Peningkatan dalam peruntukan kerugian pembiayaan dan peruntukan-peruntukan lain, antara lain, disebabkan oleh kenaikan dalam aktiviti pembiayaan dan pengenalan rizab persamaan keuntungan berikutan pelaksanaan rangka kerja kadar pulangan pada tahun 2002.

Kualiti Aset

Kualiti aset industri perbankan Islam bertambah baik sepanjang tahun 2002 dengan nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) bersih berdasarkan pengelasan 6 bulan susut kepada 5.7% (7.0% pada tahun 2001). Walaupun jumlah NPF kasar meningkat 13.8% kepada RM3.3 bilion, nisbah NPF bersih mencatat penurunan berikutan peningkatan ketara dalam pendapatan tergantung serta peningkatan dalam peruntukan khas dan jumlah pembiayaan. Berdasarkan pengelasan 3-bulan, nisbah NPF bersih susut kepada 7.9% (9.4% pada tahun 2001) dengan NPF kasar berjumlah RM4.6 bilion. Tahap perlindungan kerugian pembiayaan (peruntukan am, pendapatan tergantung dan peruntukan khas) industri perbankan Islam meningkat dengan ketara kepada 59.4% (48.5% pada tahun 2001) ekoran peningkatan pendapatan tergantung sebanyak 128.1% dan peruntukan am sebanyak 55.0%.

Jadual 4.22
Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		Perubahan tahunan	
	2001	2002*a*		
	RM juta		RM juta	%
Pendapatan pembiayaan selepas ditolak pendapatan tergantung	2,752	3,196	444	16.1
(Pendapatan tergantung)	121	373	252	208.3
Tolak: Perbelanjaan pembiayaan	1,387	1,569	182	13.1
Pendapatan pembiayaan bersih	1,365	1,627	262	19.2
Campur: Pendapatan bukan pembiayaan	432	495	63	14.6
Tolak: Kos kakitangan	180	199	19	10.6
Kos overhed	227	269	42	18.5
Keuntungan sebelum peruntukan	1,390	1,654	264	19.0
Tolak: Peruntukan pembiayaan dan peruntukan lain	546	706	160	29.3
Keuntungan sebelum cukai	844	948	104	12.3
Pulangan ke atas aset (%)	1.4	1.4		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	24.6	20.2		

a Awalan

Graf 4.19
Sistem Perbankan Islam: Nisbah Pembiayaan Tidak Berbayar Bersih[1]



[1] Berdasarkan klasifikasi sebenar

Peningkatan dalam peruntukan am mencerminkan langkah kehematan yang diamalkan oleh sebilangan institusi perbankan Islam dalam menyediakan peruntukan yang lebih tinggi bagi pembiayaan baru. Peningkatan dalam peruntukan am turut berpunca daripada peruntukan berasingan bagi portfolio perbankan Islam berikutan pematuhan kepada rangka kerja kadar pulangan.

Sebahagian besar daripada peningkatan NPF sepanjang tahun 2002 berjumlah RM519.4 juta berpunca daripada sektor harta benda yang luas, yang merangkumi RM366.5 juta atau 70.6%, dan daripada jumlah ini, pembelian harta kediaman mencakupi RM341.4 juta atau 93.2%. Selain daripada sektor harta benda yang luas, sektor kredit pengguna turut mencatatkan peningkatan NPF sebanyak RM190.1 juta, dan daripada jumlah ini, pembelian kenderaan pengangkutan merangkumi RM134.5 juta atau 70.8%. Walau bagaimanapun, tahap NPF bagi kedua-dua sektor harta kediaman dan pembelian kenderaan pengangkutan adalah terkawal dengan masing-masing merangkumi 9.2% dan 3.2% daripada pembiayaan yang disalurkan kepada sektor-sektor tersebut.

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI)

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI)

Jadual 4.23
Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Tidak Berbayar dan Peruntukan Pembiayaan

	Pada akhir tahun					
	2001			2002*a*		
	Sebenar[1]	Klasifikasi		Sebenar[1]	Klasifikasi	
		3-bulan	6-bulan		3-bulan	6-bulan
	RM juta					
Bank-bank Islam						
Peruntukan am	134.8	134.8	134.8	209.1	209.1	209.1
Pendapatan tergantung	–	–	–	133.2	142.2	133.2
Peruntukan khas	430.2	472.2	430.2	395.4	436.4	395.4
Pembiayaan tidak berbayar	1,237.8	1,580.2	1,237.8	1,396.4	1,933.0	1,396.4
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	11.2	15.4	11.2	10.1	15.8	10.1
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	45.6	38.4	45.6	52.8	40.8	52.8
Bank perdagangan[2]						
Peruntukan am	155.7	154.9	150.5	250.0	226.5	247.9
Pendapatan tergantung	71.9	73.2	69.3	113.0	78.1	111.4
Peruntukan khas	143.8	147.5	143.3	222.4	222.4	222.3
Pembiayaan tidak berbayar	991.7	1,110.2	879.7	1,300.0	1,604.2	1,085.0
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	6.4	7.4	5.5	5.9	7.9	4.6
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	37.5	33.8	41.3	45.0	32.9	53.6
Syarikat kewangan[2]						
Peruntukan am	132.4	132.3	132.4	202.2	202.2	202.2
Pendapatan tergantung	93.6	95.5	82.9	129.8	158.7	126.3
Peruntukan khas	226.3	232.9	193.4	279.4	748.9	238.3
Pembiayaan tidak berbayar	667.6	773.3	605.4	751.5	919.0	671.1
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	4.8	6.1	4.5	3.6	0.1	3.2
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	67.8	59.6	67.5	81.4	120.8	84.5
Bank saudagar[2]						
Peruntukan am	15.3	2.5	15.3	12.2	12.2	12.2
Pendapatan tergantung	17.3	17.3	17.3	15.6	15.6	15.6
Peruntukan khas	28.1	28.1	28.1	33.6	33.6	33.6
Pembiayaan tidak berbayar	159.0	159.0	159.0	127.7	127.7	127.7
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	15.6	15.6	15.6	10.4	10.4	10.4
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	38.2	30.1	38.2	48.1	48.1	48.1
Sistem perbankan Islam						
Peruntukan am	438.2	424.5	433.0	673.5	649.9	671.3
Pendapatan tergantung	182.8	186.1	169.5	391.7	394.6	386.6
Peruntukan khas	828.6	880.8	795.3	930.7	1,441.3	889.6
Pembiayaan tidak berbayar	3,056.1	3,622.7	2,881.9	3,575.5	4,583.9	3,280.2
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	7.5	9.4	7.0	6.4	7.9	5.7
Jumlah peruntukan/ Pembiayaan tidak berbayar (%)	47.4	41.2	48.5	55.8	54.2	59.4

[1] Pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar mengikut dasar pengkelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3-bulan atau 6-bulan.

[2] Merujuk kepada portfolio perbankan Islam bagi institusi-institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam dan merupakan subset kepada jumlah yang dilaporkan untuk keseluruhan sistem perbankan bagi bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan.

[3] Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih = (Pembiayaan tidak berbayar selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pembiayaan selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.

a Awalan

terus mencatatkan kedudukan lebihan mudah tunai sepanjang tahun 2002. Bagi mengimbangi kedudukan mudah tunai dalam PWABI, Bank Negara Malaysia turut menyerap mudah tunai yang berlebihan. Purata harian bagi jumlah mudah tunai yang belum dilunaskan yang diserap daripada PWABI menerusi operasi pengurusan mudah tunai merekodkan peningkatan sebanyak 82.4% kepada RM6.2 bilion (RM3.4 bilion pada tahun 2001). Operasi tender pasaran wang yang dikendalikan oleh Bank Pusat tertumpu kepada urus niaga pelaburan bagi tempoh matang 1 minggu hingga 1 bulan. Ini mengakibatkan kenaikan dalam jumlah urus niaga bagi tempoh matang 1 minggu dan 1 bulan, masing-masing sebanyak 68.0% dan 174.4%. Di bawah pengurusan operasi mudah tunai, satu mekanisme baru telah diperkenalkan bagi penerimaan deposit secara Islam yang berasaskan konsep Wadiah Yad Dhamanah (Simpanan dengan jaminan keselamatan). Di bawah konsep ini, institusi perbankan Islam dibenarkan untuk mendepositkan dana lebihan mereka dengan Bank Pusat bagi satu tempoh yang dipersetujui oleh kedua belah pihak. Sebagai pemegang amanah, Bank Pusat tidak terikat untuk menjanjikan pulangan kepada pendeposit. Walau bagaimanapun, atas budi bicara Bank Pusat, pulangan dalam bentuk *hibah* (hadiah) boleh diberikan kepada pendeposit pada tarikh matang.

Jumlah urus niaga instrumen pasaran wang secara Islam (bagi tempoh matang jangka pendek dan jangka panjang) dalam PWABI meningkat sebanyak 37.4% kepada RM32.7 bilion pada tahun 2002 (RM23.8 bilion pada tahun 2001). Urus niaga instrumen jangka pendek seperti Bil Penerimaan-i (AB-i) dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia-i (BNNN-i) mencatatkan pertumbuhan dagangan yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak 94.9% dan 83.3%. Peningkatan tersebut adalah hasil daripada peningkatan dalam penerbitan instrumen secara

Jadual 4.24
Pasaran Wang Antara Bank secara Islam (PWABI)

	2001	2002	Perubahan tahunan	
	RM bilion		RM bilion	%
Pelaburan Mudharabah Antara Bank	241.2	247.0	5.8	2.4
Penerimaan Jurubank Hijau *	19.5	17.2	-2.3	-11.8
Bil Penerimaan-i *	3.9	7.6	3.7	94.9
Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia-i	1.2	2.2	1.0	83.3
Terbitan Pelaburan Kerajaan-i	2.5	5.9	3.4	136.0

* Jumlah urus niaga melalui broker pasaran wang.

Jadual 4.25
Pasaran Wang Antara Bank secara Islam (PWABI) - Profil Kematangan *

	2001	2002	Perubahan tahunan	
	RM bilion		RM bilion	%
Semalaman dan hujung minggu	184.0	207.0	23.0	12.5
1 minggu	48.8	82.0	33.2	68.0
1 bulan	19.6	53.8	34.2	174.4

* Jumlah urus niaga melalui broker dan tender pasaran wang.

Islam dari segi saiz dan kekerapan. Peningkatan dalam urus niaga BNNN-i kepada RM2.2 bilion berpunca daripada peningkatan dalam penerbitan BNNN-i kepada RM2 bilion (RM1 bilion pada tahun 2001). Bagi instrumen jangka panjang, penerbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan-i (TPK-i) meningkat kepada RM5 bilion pada tahun 2002 (RM4 bilion pada tahun 2001) dan seterusnya mencatatkan peningkatan dalam jumlah urus niaga TPK-i kepada RM5.9 bilion (RM2.5 bilion pada tahun 2001). Urus niaga bagi sekuriti hutang swasta secara Islam juga mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 96.3% kepada RM3.9 bilion. Aktiviti urus niaga yang lebih tinggi ini boleh dikaitkan dengan kedudukan mudah tunai yang selesa dalam PWABI serta peningkatan ketara dalam penerbitan sekuriti hutang swasta di pasaran modal secara Islam. Pada akhir tahun 2002, baki belum jelas bagi sekuriti hutang swasta secara Islam berjumlah RM46.6 bilion dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM12.7 bilion berbanding RM33.9 bilion pada tahun 2001.

Graf 4.20
Purata Kadar Mudharabah Antara Bank pada tahun 2002



Kadar pulangan tahunan kasar institusi perbankan Islam adalah dalam julat di antara 4.0% hingga 7.3% dengan purata sebanyak 5.5% bagi tahun 2002. Sementara itu, kadar pulangan purata bagi pelaburan Mudharabah antara bank adalah di antara 2.7% hingga 2.9% bagi tempoh pelaburan semalaman hingga 6 bulan. Bagi tempoh 6 bulan ke atas, pelaburan antara bank secara Islam lebih cenderung kepada instrumen Sijil Hutang Boleh Niaga-i (NDC-i) yang menawarkan kadar pulangan di antara 2.9% bagi tempoh 6 bulan dan 3.0% bagi tempoh 1 tahun. Peralihan dalam tumpuan pelaburan daripada pelaburan Mudharabah antara bank kepada pelaburan dalam instrumen jangka panjang mencerminkan perubahan cita rasa peserta pasaran yang lebih gemar kepada aset kewangan yang menawarkan pulangan tetap berbanding pulangan pelaburan Mudharabah antara bank. Di samping itu, keputusan pelaburan juga dipengaruhi oleh kadar pulangan pelaburan yang lebih tinggi bagi instrumen jangka panjang. Sepanjang tahun 2002, jumlah dagangan bagi NDC-i berjumlah RM765 juta.

Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (Majlis)

Sepanjang tahun 2002, Majlis telah membincangkan pelbagai isu Syariah yang penting dalam pembangunan sistem kewangan Islam. Antara isu-isu utama yang telah dibincangkan oleh Majlis adalah seperti berikut:-

(i) Dagangan Hadapan (WI)

Peserta pasaran wang secara Islam adalah dibenarkan untuk menjalankan urus niaga WI sebelum tarikh penerbitan sesuatu sekuriti secara Islam. WI merupakan urus niaga prapenerbitan bagi sekuriti hutang yang akan diterbitkan dalam pasaran hutang secara Islam bagi memudahkan peserta pasaran membuat anggaran harga yang sesuai untuk dibida pada tarikh penerbitan nanti. Majlis berpendapat bahawa urus niaga WI boleh dibenarkan berdasarkan keharusan berjanji untuk menjual dan berjanji untuk membeli.

(ii) Perjanjian Jual dan Beli Balik (PJBB)

Urus niaga PJBB adalah dibenarkan sekiranya ia merupakan satu penjualan dan pembelian secara mutlak dan dilaksanakan menerusi dua kontrak yang berasingan bagi setiap urus niaga. Ganti rugi, sekiranya berlaku, hanya boleh dikenakan ke atas pihak yang gagal menunaikan janjinya.

(iii) Pinjaman Bercagar

Majlis juga telah meluluskan cadangan untuk memperkenalkan urus niaga pinjaman dengan cagaran dalam pasaran wang secara Islam berdasarkan prinsip Rahnu. Urus niaga ini adalah sebagai alternatif kepada PJBB dan pinjaman yang diberikan adalah berdasarkan konsep Qardh (pinjaman). Walaupun urus niaga ini tidak melibatkan elemen keuntungan, ia dijangka akan menarik minat institusi perbankan Islam memandangkan kaedahnya yang ringkas serta prinsipnya untuk saling membantu; dan

(iv) Klausa Yang Seragam

Majlis bersetuju dengan cadangan untuk menyeragamkan klausa-klausa utama yang akan dimasukkan ke dalam perjanjian pembiayaan rumah berdasarkan konsep Bai' Bithaman Ajil. Klausa-klausa yang dicadangkan seperti klausa ketaksahan, klausa akaun tergantung dan klausa ganti rugi adalah dianggap selaras dengan prinsip Syariah sekiranya ia tidak mengandungi sebarang unsur yang dilarang seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidaktentuan) dan *maisir* (perjudian); serta tidak bercanggah dengan rangka kerja perundangan semasa.

Selain daripada isu-isu di atas, Majlis turut membincangkan isu berkaitan dengan skim insurans deposit; polisi perakaunan bagi pengendali Takaful; instrumen lindung nilai bagi institusi kewangan Islam dan piawaian perakaunan bagi Ijarah. Memandangkan isu-isu ini adalah lebih rumit, kajian yang lebih mendalam sedang dijalankan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh Majlis.

Perkembangan Antarabangsa

Tahun 2002 menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan di arena kewangan Islam antarabangsa. Pada 25 Jun 2002, Malaysia telah berjaya melancarkan **bon berdaulat secara Islam yang pertama** bernilai AS$600 juta. Bon berdaulat ini, yang distruktur berasaskan konsep Ijarah, membuktikan komitmen kukuh dan berterusan negara Malaysia dalam membangunkan sektor perbankan dan kewangan Islam di peringkat global. Langkah untuk menembusi pasaran modal antarabangsa berdasarkan prinsip Islam bertujuan untuk memacu perkembangan pasaran kewangan Islam, mewujudkan kelas aset yang baru bagi kedua-dua pelabur Islam dan bukan Islam serta mempelbagaikan asas pelabur bagi Malaysia. Berdasarkan pengagihan dari segi kedudukan geografi, pelabur dari Timur Tengah melanggan 51.0% daripada bon Islam tersebut, diikuti pelabur dari Asia (30.0%), Eropah (15.0%) dan Amerika

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam

- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) telah dilancarkan secara rasmi pada 3 November 2002 dengan termeterainya Artikel Perjanjian LPKI oleh negara-negara pengasas LPKI iaitu Bahrain Monetary Agency, Bank Indonesia, Bank Markazi Jomhouri Islami Iran, Central Bank of Kuwait, Bank Negara Malaysia, State Bank of Pakistan, Saudi Arabian Monetary Agency, Bank of Sudan dan Bank Pembangunan Islam (IDB).

- Penubuhan LPKI merupakan kemuncak kepada proses perundingan yang gigih selama 2 tahun yang diterajui oleh sekumpulan gabenor dan pegawai kanan bank-bank pusat, termasuk Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi kewangan beberapa negara Islam bersama Bank Pembangunan Islam (IDB), Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) dengan sokongan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

- Sepanjang proses perundingan selama 2 tahun tersebut, sebanyak lima mesyuarat perundingan di peringkat Gabenor (PPG) telah diadakan. Dalam mesyuarat PPG yang pertama di Prague pada 23 September 2000, satu Jawatankuasa Persediaan (JP) telah dibentuk untuk melaksanakan kerja-kerja asas bagi penubuhan LPKI yang mana anggotanya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari Bahrain, Iran, Malaysia, Sudan, IDB, AAOIFI dan IMF. JP telah mengadakan empat mesyuarat daripada Mac 2001 hingga Januari 2002.

- Malaysia telah diberi mandat untuk menjadi tuan rumah kepada sekretariat LPKI semasa mesyuarat PPG yang berlangsung di Paris pada 13 November 2001. Ketika mesyuarat PPG di Washington D.C. pada 21 April 2002, Gabenor Bank Negara Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu untuk menyelaraskan segala urusan berkaitan penubuhan dan pelancaran LPKI di Kuala Lumpur.

- Antara objektif LPKI adalah:
  a) Merangka dan menyebarluaskan piawaian dan prinsip utama, serta menerima pakai piawaian antarabangsa yang sedia ada bagi pengawalan dan penyeliaan industri perkhidmatan kewangan Islam dan selaras dengan prinsip Syariah, agar dapat diguna pakai oleh negara-negara anggota secara sukarela;
  b) Berhubung serta bekerjasama dengan badan penetapan piawaian yang lain dalam bidang kestabilan monetari dan kewangan; dan
  c) Menggalakkan amalan dalam pengurusan risiko terbaik melalui penyelidikan, latihan dan bantuan teknikal.

- LPKI ditubuhkan di bawah Akta LPKI 2002 yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 24 Julai 2002. LPKI mempunyai struktur tetap yang terdiri daripada komponen-komponen induk seperti berikut:

  a) <u>Perhimpunan Agung</u>

  Sebuah badan perwakilan bagi mewakili kesemua anggota LPKI. Terdapat tiga kategori keahlian LPKI iaitu Anggota Penuh, Anggota Bersekutu dan Pemerhati. Perhimpunan Agung bertanggungjawab untuk berbincang, mengkaji dan meluluskan isu-isu berkaitan akaun, juru audit luar, yuran keahlian dan objektif keseluruhan LPKI.

  b) <u>Majlis</u>

  Majlis terdiri daripada seorang wakil daripada setiap Anggota Penuh. Ia merupakan badan eksekutif tertinggi yang akan menggubal dasar LPKI. Antara tugas Majlis termasuk menggubal polisi dan strategi LPKI, mengkaji dan meluluskan piawaian dan garis panduan bagi perkhidmatan kewangan Islam yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal, serta menjadi badan berwibawa bagi isu-isu yang berkaitan dengan objektif LPKI.

  c) <u>Jawatankuasa Teknikal</u>

  Badan yang bertanggungjawab untuk menasihati Majlis berhubung isu-isu teknikal. Ia terdiri daripada 10 orang yang dilantik oleh Majlis bagi tempoh perkhidmatan selama tiga tahun. Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab untuk melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja (JK) bagi isu-isu teknikal yang berkaitan dan menggariskan terma-terma rujukan bagi JK, mengkaji dan membincangkan kertas-kertas kerja yang disediakan oleh JK serta mencadangkan draf penzahiran dan piawaian untuk kelulusan Majlis.

d) Sekretariat

Badan pentadbiran tetap LPKI yang diketuai oleh seorang Setiausaha Agung sepenuh masa yang dilantik oleh Majlis. Sekretariat bertanggungjawab untuk mengurus segala urusan pentadbiran LPKI, termasuk menyelaras kerja-kerja Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa kecil lain atau JK, menyebarluaskan piawaian dan hala tuju yang ditetapkan oleh Majlis serta bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan dan mengurus dana LPKI.

- Kriteria kelayakan bagi setiap kategori keahlian adalah seperti berikut:

a) Anggota Penuh

Badan pengawal selia kewangan utama negara yang mengiktiraf perkhidmatan kewangan Islam sama ada secara perundangan, pengawalan atau dari segi amalan, dan organisasi antarabangsa antara kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kewangan dan pasaran secara Islam. Anggota Penuh mempunyai hak untuk menghadiri, menyertai dan mengundi dalam setiap mesyuarat Perhimpunan Agung, menerima bantuan teknikal serta keanggotaan dalam Majlis.

b) Anggota Bersekutu

Keahlian bagi Anggota Bersekutu terbuka kepada mana-mana bank pusat, agensi kewangan, pengawal selia kewangan, organisasi pengawalan atau organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab untuk memastikan kestabilan dan keutuhan sistem kewangan dan monetari di dalam negara serta di peringkat antarabangsa, tetapi tidak memenuhi ciri-ciri yang melayakkannya untuk mendapat status Anggota Penuh. Ahli Bersekutu mempunyai hak untuk menghadiri mesyuarat Perhimpunan Agung serta layak untuk mendapat bantuan teknikal dan boleh dinaikkan taraf untuk menjadi Anggota Penuh tertakluk kepada kelulusan Majlis. Walau bagaimanapun, Ahli Bersekutu tidak layak untuk mengundi dalam Perhimpunan Agung.

c) Anggota Pemerhati

Keahlian bagi Anggota Pemerhati terbuka kepada mana-mana persatuan di peringkat negara, wilayah, badan profesional atau industri antarabangsa (melalui permohonan untuk keahlian dan tertakluk kepada kelulusan Majlis). Anggota Pemerhati layak untuk menghadiri tetapi tidak layak untuk mengundi semasa Perhimpunan Agung.

- Mesyuarat pertama Majlis serta Mesyuarat Agung LPKI telah diadakan pada 3 November 2002. Mesyuarat tersebut telah membincangkan dan meluluskan pelantikan Setiausaha Agung LPKI dan anggota-anggota Jawatankuasa Teknikal (termasuk jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi) bagi tempoh selama tiga tahun. Mesyuarat juga turut membincangkan hal-hal berkaitan pentadbiran LPKI.

- Pembentukan LPKI sebagai badan penetapan piawaian antarabangsa dijangka akan menyumbang ke arah mempertahankan keutuhan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam yang semakin pesat berkembang menerusi penggubalan piawaian bagi amalan terbaik dalam bidang pengawalseliaan institusi kewangan Islam di seluruh dunia.

- LPKI juga dijangka dapat mewujudkan keseragaman dalam prinsip-prinsip Syariah yang mendasari produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan Islam di seluruh dunia. Ini akan menyumbang ke arah perkembangan produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang lebih seimbang, pengagihan pendapatan yang lebih saksama, pengurangan aliran dana yang tidak menentu dan seterusnya pasaran-pasaran kewangan Islam yang lebih stabil.

Graf 4.21
Bon Global Islam Malaysia: Pengagihan Berdasarkan Kedudukan Geografi



Syarikat (4.0%). Dari segi pengagihan jenis pelabur, sektor perbankan melanggan kira-kira 81.0% daripada terbitan tersebut, disusuli pengurus dana (17.0%) dan badan korporat (2.0%). Selain daripada penyenaraian di Bursa Saham Luxembourg, bon berdaulat ini juga turut disenaraikan di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan. Langkah ini akan menyumbang ke arah pengukuhan peranan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan serta hubungannya dengan pusat-pusat kewangan Islam yang lain.

Satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa adalah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) di Kuala Lumpur pada 3 November 2002. LPKI merupakan satu kesatuan bank pusat, lembaga kewangan dan

Graph 4.22
Bon Global Islam Malaysia: Pengagihan Berdasarkan Jenis Pelabur



institusi lain yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal dan menyebarluaskan piawaian kehematan pengawalseliaan dan amalan terbaik selaras dengan prinsip Syariah serta diterima pakai di peringkat antarabangsa bagi industri perkhidmatan kewangan Islam. LPKI dijangka akan menyokong pembangunan satu sistem kewangan Islam yang teguh dan stabil dan seterusnya menyediakan landasan ke arah menyepadukan sistem kewangan Islam ke dalam sistem kewangan antarabangsa secara berkesan.

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG LAIN

Syarikat Diskaun

Dalam suasana mudah tunai yang lega dalam pasaran kewangan, jumlah sumber yang diagihkan oleh syarikat diskaun meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 15% atau RM3.6 bilion pada tahun 2002 (12.7% atau RM2.7 bilion pada tahun 2001). Deposit yang diterima, terutamanya dalam bentuk simpanan tetap jangka pendek, meningkat dengan ketara sebanyak 32.1% (8% pada tahun 2001). Khususnya, deposit Sistem Perbankan Islam (SPI) meningkat dengan nyata sebanyak 49.2% (4% pada tahun 2001), di kala suasana permintaan daripada penyimpan yang mapan dan bertambah kukuh semenjak ia diperkenalkan pada tahun 2000.

Jadual 4.26
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2002
	2001	2002	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	202	319	2,309
Deposit	1,117	4,834	19,904
Pinjaman antara bank	1,173	-1,370	4,728
Lain-lain	193	-202	444
Jumlah	**2,685**	**3,580**	**27,385**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	1,646	2,918	23,288
Sekuriti hutang kerajaan	*1,110*	*112*	*1,900*
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*993*	*-359*	*1,103*
Bon Khazanah	*222*	*-281*	*374*
Bil BNM	*-590*	*229*	*348*
Sekuriti hutang swasta	*932*	*-62*	*11,575*
Penerimaan jurubank	*-941*	*2,754*	*5,988*
Deposit instrumen boleh niaga	*-124*	*-125*	*95*
Sekuriti hutang Cagamas	*-224*	*471*	*1,558*
Lain-lain[1]	*1,260*	*-181*	*1,450*
Penyimpanan antara bank	724	1,031	3,887
Lain-lain	315	-369	210
	2000	**2001**	**2002**
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

[1] Termasuk bon Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Peningkatan dalam jumlah sumber terus dilaburkan terutamanya dalam sekuriti, yang bertambah sebanyak RM2.9 bilion atau 14.3% pada tahun 2002 (RM1.6 bilion atau 8.8% pada tahun 2001). Pelaburan dalam sekuriti hutang swasta (PDS), yang kekal sebagai instrumen utama yang dipegang oleh syarikat diskaun, berkurangan pada tahun 2002. Penurunan ini adalah ekoran daripada aktiviti mengambil untung, keperluan untuk memenuhi garis panduan yang terkandung dalam rangka kerja mudah tunai BNM, yang telah diperluaskan untuk meliputi syarikat diskaun berkuat kuasa 1 Jun 2002, dan juga berikutan penawaran PDS yang lebih rendah dalam pasaran. Garis panduan dalam rangka kerja mudah tunai BNM menggalakkan syarikat diskaun untuk meminimumkan ketidakpadanan kematangan antara aset dan liabiliti yang meliputi tempoh matang yang berbeza dan terutamanya untuk tempoh matang kurang daripada sebulan. Hasilnya, syarikat diskaun melaburkan sebahagian besar daripada deposit baru dalam instrumen jangka pendek, terutamanya penerimaan jurubank (+RM2.8 bilion) dan penyimpanan antara bank (+RM1 bilion).

Pada tahun 2002, syarikat diskaun turut memperluaskan aktiviti berasaskan fi mereka. Industri ini menjadi pengatur, pengurus utama dan pengurus bersama terbitan sekuriti hutang swasta berjumlah RM7.9 bilion (RM4.3 bilion pada tahun 2001). Sementara itu, jumlah yang ditanggung jamin oleh syarikat diskaun kekal pada RM1.1 bilion (RM1.1 bilion pada tahun 2001) untuk 26 terbitan sekuriti hutang swasta (19 terbitan pada tahun 2001).

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber kewangan bagi 13 kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) yang dikajiselidik oleh Bank Negara Malaysia terus meningkat pada tahun 2002, mencatat peningkatan sebanyak 8.8% kepada RM252.3 bilion. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencakup sebahagian besar daripada jumlah sumber kewangan (82.2%). Peningkatan sumber kewangan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan caruman terkumpul akaun yang sedia ada. Walau bagaimanapun, caruman terkumpul meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.7% atau RM9.5 bilion pada tahun 2002 (5.6% pada tahun 2001) yang mencerminkan caruman kasar dan dividen yang lebih rendah.

Pada tahun 2002, caruman kasar kepada PPF merosot sedikit kepada RM23.9 bilion, mencerminkan terutamanya penurunan yang kecil dalam jumlah bilangan pencarum. Penurunan bilangan pencarum sebanyak 3.7% kepada 18.5 juta orang disebabkan oleh jumlah ahli yang telah mencapai umur persaraan pada tahun 2002, serta pembatalan keahlian pencarum beberapa PPF yang memilih Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen (SPPB). Pada bulan Julai 2000, Kerajaan telah melancarkan SPPB yang membenarkan kakitangan awam di bawah skim pencen untuk mengeluarkan caruman mereka dari KWSP sementara bahagian majikan termasuk dividen, dipindahkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Sebahagian besar daripada pengeluaran di bawah SPPB telah dibuat pada tahun 2001.

Walaupun terdapat penurunan dalam caruman kasar, jumlah caruman bersih meningkat dengan nyata kepada RM10.2 bilion berikutan jumlah pengeluaran yang lebih rendah pada tahun tersebut. Ini disebabkan terutamanya oleh pembatalan beberapa skim KWSP, termasuk Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) serta Skim Annuiti yang telah dimansuhkan pada bulan Oktober 2001. SPPK dimansuhkan setelah KWSP mengesan kebanyakan daripada pengeluaran tidak digunakan untuk pembelian komputer. Tambahan lagi, penyertaan bagi SPPB pada tahun 2002 juga menyumbang kepada jumlah pengeluaran yang lebih rendah. Faktor penyebab yang lain adalah kenaikan kadar caruman kepada 11% daripada 9% yang berkuat kuasa mulai bulan April 2002. Pada bulan April

Jadual 4.27
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	2001	2002*a*
	RM juta	
Pada akhir tahun		
Bilangan pencarum ('000)	19,166	18,463
di antaranya:		
KWSP	*10,177*	*10,335*
Perkeso	*8,769*	*7,908*
Caruman terkumpul	202,894	212,386
Aset	231,877	252,326
di antaranya:		
Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia	*72,544*	*76,884*
Sepanjang tahun		
Caruman kasar	25,736	23,921
Pengeluaran	22,685	13,709
Caruman bersih	3,051	10,213
Dividen yang dikreditkan	8,717	7,375
Pendapatan pelaburan	11,155	10,413

a Awalan

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan tujuh buah kumpulan wang simpanan dan pencen yang lain.

Graf 4.23
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



2001, pencarum KWSP diberi pilihan untuk mengurangkan caruman bulanan daripada 11% kepada 9% bagi tempoh satu tahun, selaras dengan usaha Kerajaan untuk merangsang permintaan dalam negeri.

Pada bulan Januari 2002, Skim Annuiti telah digantikan dengan Skim Bayaran Berkala. Di bawah skim baru ini, pencarum boleh memindahkan tidak lebih 50% daripada simpanan dalam Akaun 1 kepada satu akaun baru, iaitu Akaun 4. Skim ini membolehkan pencarum membuat pengeluaran dari Akaun 4 sepanjang tempoh 20 tahun apabila mencapai umur 55 tahun.

Dari segi komposisi aset PPF, terdapat penurunan yang sederhana dalam pegangan deposit dan pelaburan di pasaran wang. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah, keutamaan telah diberi untuk pelaburan dalam aset yang mempunyai pulangan yang tinggi. Pelaburan ekuiti dan pinjaman terus meningkat dan mencatatkan peningkatan dalam peratus bahagian masing-masing sebanyak 26.6% dan 13.4%. Pelaburan ekuiti oleh PPF meningkat 15% pada tahun 2002 berikutan peningkatan mendadak jumlah syarikat yang disenaraikan di BSKL serta peluang yang lebih luas untuk memiliki saham yang berada di bawah nilai sebenar. Bahagian SKM dan bon korporat kekal tinggi masing-masing sebanyak 30.5% dan 9.6%.

Modal Usaha Niaga

Industri modal usaha niaga terus memainkan peranan yang penting dalam menyediakan sumber pembiayaan alternatif terhadap ekonomi. Perkembangan dalam pelaburan modal usaha niaga di Malaysia adalah memberangsangkan. Pada akhir tahun 2002, terdapat 46 buah dana/syarikat modal usaha niaga dan 20 buah syarikat pengurusan modal usaha niaga beroperasi di negara ini, dengan keseluruhan saiz dana berjumlah RM2.5 bilion. Jumlah bilangan syarikat-syarikat yang telah menerima pembiayaan modal usaha niaga pada akhir tahun 2002 adalah sebanyak 297 buah syarikat dengan pelaburan kumulatif sebanyak RM1.1 bilion, suatu peningkatan sebanyak 14.9% daripada tahun sebelumnya.

Sepanjang tahun tersebut, industri modal usaha niaga telah membuat pelaburan-pelaburan baru berjumlah RM191.4 juta dalam 80 buah syarikat (2001: 47 buah syarikat dengan jumlah RM118.7 juta). Dari segi pelaburan mengikut sektor, sebahagian besar pelaburan modal usaha niaga telah disalurkan ke sektor teknologi informasi dan komunikasi (ICT), serta sektor perubatan dan farmasi, masing-masing mencakup sebanyak 35.3% dan 27.4% daripada jumlah pelaburan. Pada tahun tersebut, pelaburan dalam sektor-sektor ini masing-masing berjumlah RM50.8 juta dan RM39.4 juta. Sementara pelaburan modal usaha niaga dalam sektor teknologi baru meningkat, pelaburan modal usaha niaga dalam sektor pembuatan terus kekal tinggi dengan peratusan sebanyak 22.3% (atau RM32.1 juta). Sebahagian besar daripadanya telah disalurkan kepada subsektor-subsektor nilai tinggi seperti industri elektrikal dan elektronik, jentera, kelengkapan dan komponen pengangkutan, serta industri elektronik maju.

Dari segi jumlah keseluruhan pelaburan pada akhir tahun 2002, pelaburan modal usaha niaga dalam sektor ICT serta bioteknologi masing-masing telah meningkat untuk mencakup sebanyak 19.4% dan 7.7% daripada jumlah pelaburan, (masing-masing 17% dan 4.8% pada tahun 2001). Sementara itu,

Jadual 4.28
Statistik Utama Industri Modal Usaha Niaga

	Pada akhir tahun 2001	Pada akhir tahun 2002
Dana modal usaha niaga (RM juta)	2,497.7	2,536.0
Jumlah pelaburan (RM juta)	968.5	1,112.4
Bilangan syarikat/ dana modal usaha niaga	41	46
Bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga	19	20
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	235	297
	Sepanjang tahun 2001	Sepanjang tahun 2002
Jumlah pelaburan (RM juta)	118.7	191.4
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	47	80

Graf 4.24
Pelaburan Baru Mengikut Sektor pada tahun 2002 (% bahagian daripada jumlah)



pelaburan dalam sektor pembuatan telah menurun dari 43.7% kepada 40.9% daripada jumlah pelaburan.

Dari segi pelaburan mengikut peringkat, pelaburan dalam peringkat permulaan, awal, pengembangan serta mezzanine dan sebelum tawaran awam awal adalah ketara, dengan bahagian tertinggi dicatat pada peringkat modal permulaan (24.8%). Secara perbandingan, pelaburan modal usaha niaga dalam peringkat modal benih kekal kecil, menunjukkan kekurangan pembiayaan kepada syarikat-syarikat benih yang dilihat secara relatifnya lebih berisiko.

Jadual 4.29
Pelaburan Terkumpul Mengikut Sektor

	Pada akhir tahun			
	2001	2002	2001	2002
	RM juta		% bahagian	
Perkilangan:	423.3	455.4	43.7	40.9
di antaranya:				
Kayu dan keluaran kayu, termasuk perabut	*29.4*	*32.0*	*3.0*	*2.9*
Kelengkapan pengangkutan, komponen automotif	*42.9*	*46.9*	*4.4*	*4.2*
Teknologi tinggi: elektronik, sistem automasi, elektro-optik, bahan-bahan teknologi tinggi	*50.5*	*57.5*	*5.2*	*5.2*
Keluaran logam, jentera dan kelengkapan jentera	*20.7*	*30.7*	*2.1*	*2.8*
Elektrik dan elektronik (pembuatan, pemasangan)	*116.4*	*113.5*	*12.0*	*10.2*
Teknologi informasi dan komunikasi	165.0	215.9	17.0	19.4
Perubatan, penjagaan kesihatan, bioteknologi, teknologi persekitaran dan bahan farmasi	46.6	86.0	4.8	7.7
Elektrik, janaan tenaga, gas dan air	125.4	127.9	12.9	11.5
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel	1.7	3.2	0.2	0.3
Lain-lain	206.5	224.0	21.3	20.1
Jumlah	**968.5**	**1,112.4**	**100.0**	**100.0**

Jadual 4.30
Pelaburan Baru Mengikut Peringkat pada tahun 2002

Bilangan Syarikat Penerima Pelaburan	**80**	
Peringkat Perniagaan/ Jumlah	RM juta	% bahagian
Modal benih	1.4	0.7
Pembiayaan permulaan	47.5	24.8
Pembiayaan peringkat awal	32.3	16.9
Pembiayaan pengembangan, pertumbuhan	35.6	18.6
Pembiayaan penyambungan, mezzanine, sebelum tawaran awam awal	41.8	21.9
Pembiayaan pembelian kuasa pengurusan	1.0	0.5
Penunaian keluar (pembelian sekunder)	15.0	7.8
Lain-lain jenis pelaburan	16.8	8.8
Jumlah	**191.4**	**100.0**

Dari segi pelaburan mengikut peringkat pada akhir tahun 2002, sebahagian besar pelaburan berada dalam peringkat pengembangan dan sebelum tawaran awam awal, dengan peralihan yang perlahan kepada peringkat awal dan permulaan.

Menyedari kepentingan modal usaha niaga dalam membiayai sektor teknologi, Kerajaan dengan aktif terus mendorong pertumbuhan industri modal usaha niaga. Sumbangan Kerajaan kepada jumlah sumber dana untuk industri modal usaha niaga amat ketara, mencakup sebanyak 61.5% daripada jumlah dana. Sumbangan oleh bank-bank mencakupi sebanyak 18.1%. Satu perkembangan yang menggalakkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini merupakan penyertaan korporat yang terus bertambah, terutamanya dari syarikat-syarikat modal usaha niaga yang baru ditubuhkan, yang mencakup sebanyak 13.7% daripada jumlah sumber dana modal usaha niaga.

Graf 4.25
Sumber Modal Usaha Niaga (% bahagian daripada jumlah pada akhir tahun 2002)



Graf 4.26
Pelaburan Terkumpul Mengikut Peringkat (% bahagian)



Tambahan pula, Kerajaan telah menubuhkan Malaysia Debt Ventures (MDV) pada tahun 2002 dengan jumlah dana sebanyak RM1.6 bilion. Jumlah ini diperoleh melalui pinjaman Kerajaan yang diberikan oleh Japan Bank for International Cooperation. MDV terutamanya menyediakan pinjaman berdasarkan projek ke sektor ICT yang mempunyai nilai tambah tinggi dan sektor-sektor yang memiliki pertumbuhan tinggi dan oleh itu, melengkapi modal usaha niaga dan pembiayaan bank terhadap sektor-sektor tersebut.

Pada bulan Julai, Venture Capital Consultative Council (VCCC) telah ditubuhkan untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pembangunan industri modal usaha niaga. VCCC diwacili oleh ahli-ahli daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, industri modal usaha niaga dan komuniti usahawan-tekno. Objektif-objektif utama VCCC adalah untuk mengatasi halangan-halangan terhadap perkembangan industri, dan untuk merangka strategi-strategi yang bersesuaian demi untuk membangunkan industri modal usaha niaga selanjutnya.

Tambahan pula, banyak usaha telah dilaksanakan untuk menggalakkan keusahawanan dan kesedaran yang lebih terhadap industri modal usaha niaga melalui program-program seperti pertandingan Venture 2002 business plan, dan bengkel "Ignite the Technopreneur Fire" yang dianjurkan oleh Malaysia Venture Capital Management Berhad. Program-program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti syarikat-syarikat permulaan dan pada masa yang sama, menyediakan peluang-peluang rangkaian untuk syarikat-syarikat modal usaha niaga dan juga syarikat-syarikat permulaan. Pada Oktober 2002, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menganjurkan "BioMalaysia 2002", yang telah menarik minat di kalangan ahli-ahli akademik, para saintis, pelabur, usahawan, pemodal usaha niaga dan eksekutif kanan dari pelbagai industri. Program tersebut menyajikan peluang-peluang kepada semua yang terlibat untuk memperkenalkan pelbagai produk, teknologi, kepakaran, perkhidmatan dan juga bertindak sebagai landasan untuk mengenalpasti penyatuan dan perkongsian perniagaan yang strategik.

Industri Unit Amanah

Perkembangan yang berterusan dalam industri unit amanah dicerminkan oleh peningkatan dari segi unit dalam edaran, bilangan syarikat pengurusan dan peningkatan bilangan akaun unit amanah. Sebanyak 26 dana baru telah dilancarkan pada tahun 2002, yang melibatkan 14 syarikat pengurusan unit amanah. Hasilnya, Nilai Aset Bersih (NAV) industri meningkat untuk tahun ketiga berturut-turut kepada RM53.7 bilion.

Jadual 4.31
Industri Unit Amanah (Termasuk Unit Amanah Islam) - Penunjuk Terpilih

	2001	2002	2001	2002
			Pertumbuhan (%)	
Bilangan Syarikat Pengurusan Unit Amanah	37	39	8.8	5.4
Bilangan Dana Unit Amanah*	149	175	25.2	17.5
Unit Dalam Edaran (bilion)	71.4	81.8	11.9	18.4
Bilangan Akaun (juta)	10	10.2	4.2	1.8
Nilai Aset Bersih (NAV)	47.3	53.7	9.2	13.4
Jualan Bersih (RM bilion)	6.1	7.6		
Nisbah NAV kepada Nilai Pasaran BSKL(%)	10.2	11.1		

* Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber : Suruhanjaya Sekuriti.

Graf 4.27
Industri Unit Amanah - Jualan Kasar, Pembelian-balik dan Jualan Bersih



Jualan kasar dana unit amanah terus melebihi pembelian balik pada tahun 2002. Jualan bersih sebanyak RM7.6 bilion adalah 24.6% lebih tinggi berbanding tahun 2001. Pertumbuhan dalam industri juga mencerminkan peningkatan kesedaran dan pemahaman mengenai nilai dana yang diuruskan secara profesional serta faedah-faedah pelaburan jangka panjang di dalam unit amanah sebagai instrumen simpanan. Suasana kadar faedah yang rendah, keuntungan dan pendapatan korporat yang lebih baik, telah membantu mengekalkan pertumbuhan dalam industri unit amanah. Tambahan pula, pengeluaran dari KWSP di bawah Skim Pelaburan Simpanan Ahli kekal tinggi sebanyak RM1.2 bilion pada tahun 2002. Usaha pemasaran terus dipergiat dengan bertambahnya bilangan ejen institusi unit amanah meningkat kepada 34. Kesannya, nisbah NAV industri unit amanah kepada permodalan pasaran BSKL, meningkat kepada 11.1% daripada 10.2% pada akhir tahun 2002.

Jadual 4.32
Unit Amanah Islam

	2001	2002	2001	2002
			Pertumbuhan (%)	
Bilangan Syarikat Pengurusan Unit Amanah	23	27	53.3	17.0
Bilangan Dana Unit Amanah*	30	38	76.5	27.0
Unit dalam Edaran (bilion)	4.3	5.8	36.1	35.0
Bilangan Akaun	266,917	303,000	12.9	14.0
Nilai Aset Bersih (NAV) (bilion)	2.4	3.2	44.0	33.0
Jualan Bersih (RM juta)	710.6	980.4		
Nisbah NAV Unit Amanah Islam kepada Nilai Pasaran Indeks Syariah BSKL (%)	0.9	1.2		

* Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Selaras dengan pertumbuhan industri secara keseluruhannya, prestasi segmen unit amanah berlandaskan Islam juga berkembang pada tahun 2002. Terdapat 38 dana unit amanah berlandaskan Islam, termasuk lapan dana baru berlandaskan Islam yang telah dilancarkan pada tahun 2002. NAV bagi dana berlandaskan Islam adalah sebanyak RM3.2 bilion pada akhir Disember 2002, dan mencakupi sebanyak 6% daripada NAV industri unit amanah.

PASARAN KEWANGAN

Tinjauan

Aktiviti ekonomi yang memberangsangkan pada tahun 2002 menyaksikan jumlah dagangan di pasaran ekuiti, bon dan pertukaran asing yang lebih tinggi. Jumlah dagangan juga lebih tinggi di pasaran derivatif yang diniagakan dalam bursa tukaran. Di pasaran wang, kedudukan lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan telah mengurangkan insentif kepada institusi kewangan untuk mencari sumber dana dari pasaran antara bank. Di sepanjang tahun 2002, badan dan agensi pengawalseliaan terus memperkenalkan pelbagai usaha baru untuk memperbaiki infrastruktur pasaran dan produk baru agar dapat memenuhi kehendak para pelabur.

Pasaran modal yang terdiri daripada pasaran ekuiti dan bon, terus menjadi sumber pembiayaan yang penting pada 2002. Dana bersih yang diperoleh daripada sektor awam dan swasta berjumlah RM23.9 bilion. Sebahagian besar daripada dana ini diperoleh dari pasaran ekuiti (RM13.3 bilion) manakala bakinya diperoleh dari pasaran bon (RM10.6 bilion). Dana bersih yang diperoleh daripada sektor awam merosot kepada RM8.6

bilion, memandangkan sebahagian besar daripada keperluan pembiayaan Kerajaan telah dipenuhi melalui pengeluaran aset kumulatif.

Sektor swasta telah memperoleh RM15.3 bilion daripada pasaran modal, yang mana 86.6% daripadanya adalah dari pasaran ekuiti. Di sepanjang tahun 2002, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terus menawarkan tebaran peluang pelaburan yang lebih luas dan peningkatan dalam mudah tunai dengan tersenarainya lebih banyak tawaran awam permulaan (IPO). Kesannya, permodalan pasaran meningkat kepada RM481.6 bilion, terutama dengan tersenarainya dua penyenaraian baru yang besar dan cair di sektor infrastruktur dan telekomunikasi. Walaupun prestasi ekonomi bertambah baik, Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) mencatatkan penurunan yang sederhana disebabkan oleh ketidaktentuan perkembangan ekonomi global yang semakin meningkat dan kesannya ke atas prospek pertumbuhan. Walau bagaimanapun, prestasi IK BSKL adalah lebih baik daripada bursa-bursa saham lain di rantau ini. Penggabungan antara Bursa Urus Niaga Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) dan BSKL pada 18 Mac 2002 telah membantu memudahkan perolehan dana yang diperlukan oleh syarikat-syarikat yang berteknologi dan mempunyai pertumbuhan yang tinggi. Penggabungan tersebut merupakan salah satu cadangan Pelan Induk Pasaran Modal untuk membentuk sebuah bursa Malaysia yang akan meningkatkan daya saing dan kecekapan bursa dan rumah penjelasan di Malaysia.

Graf 4.28
Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal oleh Sektor Awam dan Swasta



Sejajar dengan prestasi ekonomi dalam negeri yang memberangsangkan, jumlah dagangan di pasaran ekuiti, bon dan pertukaran asing adalah lebih tinggi pada 2002. Dagangan juga digalakkan melalui pengenalan kontrak niaga hadapan yang baru.

Jadual 4.33
Dana yang Diperoleh daripada Pasaran Modal

	2001	2002*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	23,087	16,266
Tolak Penebusan	7,100	8,900
Tolak Milikan Kerajaan	0	0
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	15,987	7,366
Bon Khazanah (bersih)	-220	0
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	-195	738
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	-359	464
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Awam	15,214	8,568
Oleh Sektor Swasta		
Saham	6,123	13,289
Sekuriti Hutang Swasta[1] (kasar)	37,932	36,195
Tolak Penebusan	20,355	34,137
Bersamaan Terbitan Bersih	17,577	2,058
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta	**23,701**	**15,347**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal	**38,915**	**23,915**
Terbitan Sekuriti Jangka-pendek (bersih)[2]	-2,093	-2,405
Jumlah	**36,822**	**21,511**

[1] Tidak termasuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.
a Awalan

Terbitan kasar sekuriti hutang swasta (PDS) di pasaran bon juga kekal nyata sebanyak RM36.2 bilion. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah dan suasana lebihan mudah tunai, syarikat-syarikat korporat yang mempunyai profil kredit yang teguh, telah mengambil kesempatan untuk memperoleh dana jangka panjang pada harga yang kompetitif. Di sepanjang tahun 2002, lebih banyak penebusan dilaksanakan berikutan penstrukturan semula hutang korporat. Ini menghasilkan perolehan dana bersih yang lebih rendah sebanyak RM2.1 billion. PDS Islam telah mencatatkan pertumbuhan yang ketara pada tahun 2002 apabila buat pertama kalinya, terbitan PDS Islam melebihi terbitan bon konvensional.

Di pasaran derivatif, aktiviti urus niaga adalah lebih tinggi untuk kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit

Mentah (CPO) disebabkan prestasi harga CPO yang melambung tinggi. Urus niaga juga aktif untuk kontrak Niaga Hadapan KLIBOR yang dipengaruhi oleh jangkaan prospek kadar faedah. Kontrak Niaga Hadapan SKM 5 tahun yang baru turut diperkenalkan pada tahun 2002. Prestasi bon tersebut juga mendapat sambutan yang baik daripada peserta pasaran.

Beberapa langkah dan inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2002 bertujuan untuk meningkatkan proses memperoleh dana melalui pasaran modal. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah yang dilaksanakan terkandung dalam rencana "Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2002".

Pasaran Wang

Pada tahun 2002, jumlah urus niaga dalam pasaran wang merosot, mencerminkan secara keseluruhannya penguncupan dalam jumlah dagangan di pasaran deposit antara bank. Keadaan mudah tunai yang terus lega dalam sistem perbankan telah mengurangkan insentif kepada institusi kewangan untuk mendapatkan dana daripada pasaran antara bank. Deposit semalaman kekal sebagai tempoh matang yang paling aktif diniagakan di pasaran antara bank, mencakup 67.7% (64.1% pada tahun 2001) daripada jumlah urus niaga.

Dagangan bagi instrumen pasaran wang meningkat sedikit pada tahun 2002 (+1.8%) dan tertumpu terutamanya kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Dagangan SKM begitu aktif pada bulan Januari dan pada separuh tahun kedua. Semakan semula pelaburan minima yang diperlukan dalam aset berisiko rendah daripada 20% kepada 10% bagi syarikat insurans mendorong beberapa peserta pasaran wang untuk melepaskan pegangan SKM pada bulan Januari. Ini menyebabkan kadar hasil bagi SKM 3 tahun dan 5 tahun meningkat masing-masing kepada 3.40% dan 3.88% (masing-masing 3.07% dan 3.18% pada akhir bulan Disember 2002). Walau bagaimanapun, pelepasan pegangan ini hanyalah sementara, didorong oleh jangkaan bahawa syarikat insurans akan mengurangkan pegangan SKM mereka. Kesannya, kadar hasil menurun dengan dagangan SKM dipengaruhi oleh prospek kadar faedah dan jangkaan bahawa inflasi akan kekal rendah, di bawah persekitaran lebihan mudah tunai.

Secara relatifnya, dagangan berkurangan bagi tempoh Februari hingga Jun, berikutan sentimen yang positif terhadap prospek ekonomi Amerika

Jadual 4.34
Pasaran Wang[1]

	2001		2002	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Jumlah urus niaga pasaran wang	**1500.8**	**5.3**	**1465.1**	**-2.4**
Deposit antara bank	**1055.3**	**-3.3**	**1011.7**	**-4.1**
Instrumen pasaran wang	**445.5**	**33.5**	**453.4**	**1.8**
Penerimaan Jurubank (BAs)	60.5	-4.9	51.3	-15.2
Instrumen Deposits Boleh Niaga (NIDs)	34.3	63.3	36.7	7.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	219.9	148.2	244.1	11.0
Bon Khazanah	17.9	15.5	15.5	-13.4
Bil Perbendaharaan	13.4	-10.7	8.4	-37.3
Bil Bank Negara	55.2	8.4	54.4	-1.4
Bon Cagamas	25.9	-11.6	29.2	12.7
Nota Cagamas	18.4	-63.1	13.8	-25.0

[1] Semua data diperolehi daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon kecuali BA dan NID di mana sumbernya adalah daripada broker pasaran wang.

Syarikat, di samping kenaikan dalam kadar faedah dasar di beberapa bank pusat (Australia, Kanada, Korea dan New Zealand), menyebabkan jangkaan bahawa ekonomi akan bertambah baik dan kadar faedah akan meningkat di akhir tahun. Walau bagaimanapun, jangkaan ini bertukar arah di pertengahan tahun dengan meningkatnya tanda-tanda yang jelas menunjukkan tinjauan ekonomi dunia kurang memberangsangkan, berikutan pendedahan salah laku amalan korporat di Amerika

Graf 4.29
Instrumen Pasaran Wang



Syarikat, pasaran ekuiti yang lembab, keuntungan korporat yang lemah dan meningkatnya risiko geo-politik. Akibatnya, jangkaan bahawa kadar faedah akan kekal rendah pada separuh tahun kedua telah menjana minat yang lebih besar di kalangan peserta pasaran untuk melabur dalam instrumen jangka panjang dengan kadar hasil yang lebih tinggi, terutamanya SKM. Dagangan bagi SKM meningkat pada separuh tahun kedua dengan jumlah urus niaga purata bulanan mencecah RM23.9 bilion, berbanding dengan RM16.8 bilion pada separuh pertama tahun 2002. Menjelang akhir bulan Disember, struktur terma SKM berganjak ke bawah, dengan kadar hasil SKM 3 tahun dan 5 tahun masing-masing menurun kepada 3.05% dan 3.15%. Di samping perubahan dalam jangkaan, pengenalan Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia Lima Tahun (FMG5) pada 29 Mac turut menyumbang kepada dagangan yang lebih aktif di pasaran SKM.

Pilihan terhadap instrumen jangka panjang dengan kadar hasil yang lebih tinggi telah mengubah minat pasaran daripada instrumen pasaran jangka pendek. Kesannya, dagangan bagi instrumen pasaran wang jangka pendek menurun sebanyak 10.5%. Walau bagaimanapun, dagangan Bil Bank Negara terus bertahan, mencerminkan penawaran instrumen yang berterusan setelah pihak Bank terus menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan pada tahun 2002.

Graf 4.30
Bahagian Jumlah Urus Niaga



Pasaran Pertukaran Asing

Pada awal tahun 2001, Bank Negara Malaysia memasang Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) bagi mengumpul data untuk semua urus niaga di pasaran pertukaran asing antara bank Kuala Lumpur. ROMS menggantikan sistem sebelumnya yang melibatkan pengumpulan statistik harian daripada lapan Peniaga yang Dibenarkan. ROMS membolehkan akses secara masa benar untuk mendapatkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti pertukaran yang dilakukan dalam pasaran pertukaran asing domestik. Ini membolehkan Bank Negara Malaysia memantau dan mengurus keadaan mudah tunai dolar AS di pasaran dalam negeri dengan efisien. ROMS juga lebih mencerminkan aktiviti pasaran memandangkan ia mengumpul maklumat daripada kedua-dua urus niaga yang dikendalikan melalui Peniaga yang Dibenarkan dan urus niaga terus antara bank.

Berdasarkan kepada data baru yang dikumpulkan menggunakan ROMS, jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran asing (urus niaga spot dan swap) yang dilakukan pada tahun 2002 meningkat sebanyak 4.8% kepada RM1.24 bilion. Peningkatan tersebut keseluruhannya disebabkan oleh kenaikan dalam urus niaga spot, selari dengan peningkatan dalam aktiviti-aktiviti dagangan di Malaysia. Urus niaga pertukaran asing terdiri terutamanya daripada jual beli yang berkaitan dengan urus niaga dagangan. Aktiviti spekulatif ke atas ringgit telah dibendung melalui penghapusan pasaran ringgit di luar pesisir dan juga melalui garis panduan yang mengawal rangka kerja operasi institusi perbankan.

Graf 4.31
Jumlah Urus Niaga Antara Bank di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Nota : Data bagi tahun 2002 adalah berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru, manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan urus niaga lapan Peniaga yang Dibenarkan.

Pasaran Ekuiti

Tahun 2002 bermula dengan catatan lebih kukuh dan aktif bagi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Peningkatan aktiviti urus niaga pada dua bulan terakhir tahun 2001 berterusan sehingga awal tahun 2002. Pengukuhan asas ekonomi, prospek ekonomi yang bertambah baik dan keadaan mudah tunai yang mencukupi menyokong minat belian pada empat bulan pertama tahun tersebut. Perkembangan positif di sektor korporat domestik serta peningkatan minat belian pelabur asing telah meningkatkan keyakinan pelabur. Sentimen pasaran yang memberangsangkan juga disokong oleh peningkatan taraf mengenai prospek ekonomi Malaysia oleh beberapa agensi penarafan antarabangsa terkenal. Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) meningkat ke paras tertinggi 20 bulan kepada 808.07 mata pada 23 April, atau 16.1% lebih tinggi daripada tahap akhir tahun 2001.

Selepas itu, pasaran menurun secara beransur-ansur akibat dijejaskan oleh ketidaktentuan perkembangan dalam prospek ekonomi global dan sentimen pelabur yang lemah berikutan peningkatan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Ketidaktentuan ini diburukkan lagi dengan salah laku urus tadbir korporat dan perakaunan di Amerika Syarikat serta prospek pertumbuhan ekonomi AS yang semakin lemah. Walaupun pertumbuhan ekonomi di Malaysia semakin meningkat, IK BSKL telah dijejaskan oleh prestasi pasaran ekuiti global yang lemah disebabkan pelabur memilih pegangan yang lebih selamat dalam bentuk bon dan emas. IK BSKL berakhir lebih rendah sebanyak 7.1%, untuk ditutup pada 646.32 mata pada akhir tahun 2002. Faktor yang mempengaruhi prestasi bursa tempatan pada tahun 2002 ditunjukkan dalam graf.

Graf 4.32
Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL), Indeks Papan Kedua, Indeks MESDAQ dan Urus Niaga BSKL



Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Berbanding bursa utama serantau, BSKL mencatatkan prestasi lebih baik dari pasaran Hong Kong, Singapura, Korea dan Taiwan. Walaupun IK BSKL mencatatkan penurunan, modal pasaran meningkat 3.6% kepada RM481.6 bilion disebabkan oleh dua tawaran awam permulaan yang besar. Di sepanjang tahun tersebut, jumlah urus niaga meningkat kepada 55.6 bilion unit, bernilai RM117 bilion (49.7 bilion unit bernilai RM85 bilion pada tahun 2001).

Mengikut sektor, sektor perladangan merupakan sektor yang menunjukkan prestasi terbaik dengan Indeks Perladangan mencatatkan peningkatan sebanyak 14.7%. Ini berikutan peningkatan harga minyak kelapa sawit mentah yang melambung tinggi. Walaupun prestasi ekonomi dalam negeri semakin baik, indeks-indeks sektor lain seperti Teknologi, Pembinaan dan Harta merosot disebabkan oleh jangkaan perolehan hadapan yang lebih lemah.

Jadual 4.35
Bursa Saham Kuala Lumpur: Penunjuk Terpilih

	2001	2002*a*
Indeks Harga		
Komposit	696.09	646.32
EMAS	165.23	157.25
Papan Kedua	134.13	98.24
MESDAQ	88.08	83.25
Jumlah Urus Niaga		
Jumlah (bilion unit)	49.7	55.6
Nilai (RM bilion)	85.0	117.0
Purata Urus Niaga Harian		
Jumlah (juta unit)	204.4	224.0
Nilai (RM juta)	349.8	469.7
Nilai Pasaran (RM bilion)	465.0	481.6
Nilai Pasaran/KDNK (%)	139.0	134.9
Jumlah Syarikat yang Disenaraikan	812	865
Papan Utama	520	561
Papan Kedua	292	292
MESDAQ	5	12
Mudah Tunai Pasaran:		
Nilai Urus Niaga/Nilai Pasaran (%)	19.7	23.2
Jumlah Urus Niaga/Bilangan Sekuriti yang Disenaraikan (%)	24.8	24.3
Penumpuan Pasaran:		
* 10 Saham dengan Nilai Pasaran Tertinggi/Nilai Pasaran (%)	36.7	34.0
Purata Modal Berbayar		
Syarikat Broker Saham (RM juta)	138.2	164.1

* Mengikut urusniaga pasaran sahaja.
a Awalan

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Graf 4.33
Prestasi Indeks Komposit BSKL (31 Disember 2001 - 30 Jun 2002)



Graf 4.34
Prestasi Indeks Komposit BSKL (1 Julai - 31 Disember 2002)



Pada tahun 2002, sebilangan besar tawaran awam permulaan (IPO) memasuki pasaran, termasuk dua syarikat utama. Tebaran syarikat yang lebih besar menambah lagi pilihan dalam peluang pelaburan dan meningkatkan keseluruhan keadaan mudah tunai di dalam pasaran. Peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi dan pemulihan dalam pasaran ekuiti, terutamanya pada awal tahun 2002, menggalakkan lagi pasaran ekuiti bagi memperoleh modal pada tahun 2002. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti melebihi paras RM10 bilion buat kali pertama sejak tahun 1997. Jumlah dana yang diperoleh adalah sebanyak RM13.3 bilion, mencakupi 86.6% daripada jumlah keseluruhan dana yang diperoleh melalui pasaran modal (RM6.1 bilion atau 25.8% pada tahun 2001). Sebahagian besar dana yang diperoleh adalah terutamanya melalui tawaran awam permulaan (IPO) dan terbitan hak. Pada tahun tersebut, sejumlah 51 IPO ditawarkan, dengan 22 IPO disenaraikan di Papan Utama, 22 IPO di Papan Kedua, sementara tujuh lagi di pasaran MESDAQ. Jumlah dana yang diperoleh menerusi IPO berjumlah RM6.8 bilion dan mencakupi lebih separuh daripada jumlah pembiayaan yang diperoleh daripada pasaran ekuiti. Prestasi ekonomi yang lebih baik, peningkatan taraf antarabangsa Malaysia oleh beberapa agensi penarafan kredit utama, laporan korporat yang positif dan penstrukturan semula telah membantu menarik minat pelabur dan memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk memperoleh modal jangka panjang bagi membiayai operasi dan pengembangan syarikat mereka. Penyenaraian dua syarikat utama Malaysia di sektor telekomunikasi dan infrastruktur menyumbang dengan nyata kepada pemulihan kedalaman dan mudah tunai pasaran.

Di antara perkembangan di pasaran modal adalah penggabungan MESDAQ dengan BSKL pada 18 Mac

Graf 4.35
Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih
(% perubahan dari tahun 2001 ke 2002)



Sumber: International Federation of Stock Exchanges (FIBV)

Jadual 4.36
BSKL: Prestasi Indeks-Indeks Sektoral

	2001	2002
	Perubahan tahunan (%)	
Indeks Komposit BSKL	2.4	-7.1
EMAS	3.4	-4.8
Papan Kedua	0.9	-26.8
Perusahaan	10.8	0.1
Barangan Pengguna	14.0	0.5
Barangan Perusahaan	3.4	-2.5
Pembinaan	13.5	-14.9
Perdagangan/Perkhidmatan	0.4	-6.1
Kewangan	0.5	-4.7
Harta	-5.2	-9.8
Perlombongan	5.5	-5.1
Perladangan	18.6	14.7
Syariah	2.9	-7.4
Teknologi	2.3	-17.9
MESDAQ	-5.4	-5.5

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

2002. Penggabungan MESDAQ Berhad dengan BSKL adalah sejajar dengan cadangan Pelan Induk Pasaran Modal untuk menubuhkan sebuah bursa Malaysia menerusi penggabungan semua bursa pada tahun 2003. Objektif penggabungan ini adalah untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan bursa-bursa di Malaysia dan rumah penjelasan. Kesan daripada penggabungan ini, MESDAQ dikenali secara rasmi sebagai Pasaran MESDAQ. Akibatnya, pindaan telah dibuat ke atas Syarat-syarat Penyenaraian MESDAQ bagi mencerminkan penggabungan dan membolehkan pasaran tersebut beroperasi. Syarat-syarat Penyenaraian baru BSKL bagi Pasaran MESDAQ, berkuat kuasa pada 18 Mac 2002, termasuk beberapa peruntukan untuk memastikan Syarat-syarat Penyenaraian BSKL adalah jelas dan konsisten. Di samping itu, semua peserta di BSKL dibenarkan untuk berurus niaga di pasaran MESDAQ tanpa lesen yang berasingan. Peranan penggerak pasaran telah

Graf 4.36
Dana Bersih yang diperoleh oleh
Sektor Swasta dari Pasaran Modal



digantung, tetapi daftar berasingan bagi Penasihat dan Penaja pasaran tersebut dikekalkan. Pada akhir tahun 2002, terdapat 12 Penasihat bagi pasaran MESDAQ, di mana sembilan daripadanya adalah bank saudagar dan tiga lagi broker universal.

Prestasi pasaran MESDAQ pada tahun 2002 berkait rapat dengan prestasi di BSKL. Berikutan penggabungan ini, Indeks Komposit Pasaran MESDAQ (MMCI) mencapai mata tertinggi sejak penubuhan MESDAQ dan mencecah 177.53 mata pada 26 Mac, iaitu peningkatan yang nyata sebanyak 96% atau 86.97 mata sejak awal tahun tersebut. Selepas itu, MMCI menurun dan pada akhir tahun merosot sedikit sebanyak 4.8 mata untuk mencapai 83.25 mata.

Aktiviti urus niaga di pasaran MESDAQ pulih dengan mendadak pada tahun 2002 dengan jumlah urus niaga sebanyak 412.7 juta unit bernilai RM213.2 juta (2.01 juta unit bernilai RM1.6 juta pada tahun 2001). Pemulihan prestasi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan laluan mudah menerusi Sistem SCORE *(System on Computerised Order Routing and Execution)*, yang dibuka kepada semua syarikat anggota BSKL. Modal pasaran meningkat kepada RM0.77 bilion, berbanding RM0.18 bilion pada tahun 2001. Lapan syarikat baru disenaraikan pada tahun tersebut, menjadikan jumlahnya sebanyak 12 syarikat yang tersenarai di pasaran MESDAQ. Penyenaraian baru ini termasuk dua syarikat besar dengan modal pasaran sebanyak RM398 juta.

Pada tahun 2002, garis panduan dan inisiatif baru telah diambil oleh pihak berkuasa yang terlibat untuk terus mempromosi pasaran ekuiti yang lebih efisien, telus serta mewujudkan suasana berdaya saing di pasaran ekuiti. Garis panduan baru termasuklah langkah-langkah memperkukuhkan rangka kerja berperaturan, meningkatkan struktur pasaran serta meningkatkan urus tadbir korporat. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini terkandung dalam rencana "Langkah-langkah Pasaran Modal pada tahun 2002".

Pasaran Bon

Pada tahun 2002, jumlah dana kasar yang diperoleh dari pasaran bon kekal tinggi, sebanyak RM55.7 bilion dan mencakupi 80.7% daripada dana kasar yang diperoleh dari pasaran modal. Suasana kadar faedah yang rendah serta lebihan mudah tunai yang mencukupi memberi insentif yang menggalakkan kepada sektor korporat, terutamanya syarikat-syarikat yang mempunyai profil kredit yang kukuh, untuk mengambil peluang menerbitkan sekuriti-sekuriti hutang swasta (PDS) jangka panjang pada harga yang kompetitif. Buat pertama kalinya, penerbitan bon-bon Islam telah melebihi penerbitan bon-bon konvensional. Sekuriti Hutang Sokongan Aset (ABS) dengan pelbagai struktuk telah diperkenalkan di pasaran bon tempatan. Memandangkan dasar fiskal Kerajaan yang berkembang, terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) kekal tinggi. Di sektor swasta, penstrukturan semula korporat pada tahun tersebut telah menyebabkan penebusan yang lebih tinggi dan hasilnya, dana bersih yang diperoleh dari pasaran bon telah menurun kepada RM10.6 bilion (RM32.8 bilion pada tahun 2001). Pada akhir tahun 2002, nilai terkumpul bon ringgit berada pada RM272.6 bilion atau 75% daripada KDNK.

Sepertimana yang telah diumumkan dalam kalendar lelongan, penerbitan kasar SKM dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) berjumlah RM19 bilion.

Graf 4.37
Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia: Indeks Komposit MESDAQ (MMCI) dan Nilai Urus Niaga



Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Graf 4.38
Nisbah Nilai Terkumpul Bon kepada KDNK



Kerajaan telah membuka semula tiga terbitan SKM sementara terdapat dua tawaran persendirian swasta. Pembukaan semula terbitan SKM tersebut menggambarkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan mudah tunai di pasaran bon dengan menambahkan saiz pasaran SKM. Dana yang diperoleh dari pihak Kerajaan adalah untuk memenuhi keperluan pembiayaan baru serta pusingan terbitan yang telah matang. Pada tahun 2002, terbitan kasar SKM adalah lebih rendah sebanyak RM16.3 bilion, berbanding dengan perolehan sebanyak RM23.1 bilion pada tahun 2001. Ini ialah oleh kerana sebahagian daripada fiskal defisit dibiayai oleh penggunaan aset terkumpul. Pada tahun ini, siri ketiga Bon Simpanan Malaysia (BSM 03) telah diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia bagi langganan warga tua dan pertubuhan kebajikan. BSM 03 diterbitkan bertujuan khusus untuk mengurangkan kesan kadar faedah yang rendah ke atas golongan ini yang bergantung kepada faedah pendapatan sebagai sumber pendapatan utama. Setelah penyelarasan penebusan, dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam pada tahun 2002 berjumlah RM8.6 bilion.

Jumlah dana kasar yang diperoleh oleh sektor swasta kekal ketara berjumlah RM36.2 bilion. Sebanyak 57 buah syarikat memperoleh pembiayaan dari pasaran PDS, berjumlah RM26.7 bilion. Bakinya yang berjumlah RM9.5 bilion telah diperoleh oleh Cagamas Berhad. Sepanjang tahun ini, sebagai sebahagian daripada skim penstrukturan semula korporat, sebuah syarikat utama telah melaksanakan penebusan awal terhadap sebahagian besar daripada bon terkumpulnya. Ini mengakibatkan dana bersih yang lebih rendah diperoleh dari pasaran bon sebanyak RM2.1 bilion bagi sektor swasta. Namum demikian, jumlah bon terkumpul sektor swasta masih besar, iaitu sebanyak RM148.6 bilion (54.5% daripada saiz jumlah bon terkumpul) atau bersamaan dengan 41% daripada KDNK.

Syarikat-syarikat daripada sektor pengangkutan dan komunikasi merupakan penerbit PDS yang terbesar, mencakupi 34.1% (RM9.1 bilion) daripada jumlah dana yang diperoleh menerusi pasaran PDS. Penerbit-penerbit utama sektor ini adalah pemegang konsesi jalan bertol dan pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang memerlukan pembiayaan jangka panjang, terutamanya bagi pembiayaan semula pinjaman sedia ada pada kos yang lebih rendah. Institusi kewangan atau syarikat induk institusi kewangan juga aktif memperoleh dana dari pasaran PDS dan mencakupi bahagian yang kedua terbesar, iaitu 20.7% (RM5.5 bilion) daripada jumlah perolehan dana. Dana yang diperoleh digunakan untuk tujuan aktiviti penyatuan dan pengambilalihan serta meningkatkan asas modal. Dana yang diperoleh oleh Kerajaan dan sektor-sektor yang lain mencakupi bahagian ketiga terbesar, iaitu 17.4% daripada jumlah terbitan PDS, terutamanya sebuah syarikat milik kerajaan negeri bagi tujuan penstrukturan semula hutang korporat. Syarikat

Suasana kadar faedah yang rendah dan situasi mudah tunai yang mencukupi menggalakkan syarikat-syarikat menerbitkan hutang pada kos yang kompetitif. Pada tahun 2002, terbitan bon Islam melebihi bon konvesional.

Jadual 4.37
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon

	2001	2002*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	23,087	16,266
Tolak Penebusan	7,100	8,900
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	15,988	7,367
Bon Khazanah (bersih)	-220	0
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	-195	738
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	-359	464
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Awam	**15,215**	**8,569**
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti Hutang Swasta (kasar)	37,932	36,195
Bon Biasa	14,360	7,763
Bon dengan Waran	913	300
Bon Boleh Tukar	1,493	2,852
Bon berasaskan Prinsip Islam	13,501	13,829
Bon yand Disokong Aset	1,235	1,916
Bon Cagamas	6,430	9,535
Tolak Penebusan	20,355	34,137
Sekuriti Hutang Swasta	15,040	28,770
Bon Cagamas	5,315	5,367
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta	**17,577**	**2,058**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon	**32,793**	**10,627**
Terbitan Bersih Sekuriti Jangka-pendek[1]	-2,093	-2,405
Jumlah	**30,700**	**8,223**

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.
a Awalan

pembekal tenaga juga merupakan penerbit yang besar bagi tujuan pembiayaan pelaburan baru. Sementara itu, syarikat-syarikat pembinaan dan harta tanah merupakan penerbit paling aktif dengan bilangan syarikat yang paling banyak (15 syarikat) memperoleh dana bagi tujuan aktiviti baru dan pembiayaan semula.

Daripada jumlah PDS yang diterbitkan, 54.3% digunakan bagi tujuan pembiayaan semula, 23.5% bagi tujuan penstrukturan semula dan 22.2% bagi aktiviti baru, termasuk aktiviti penyatuan dan pengambilalihan. Penggunaan dana yang ketara bagi tujuan pembiayaan semula mencerminkan peluang untuk memperoleh dana jangka panjang pada kos pinjaman yang rendah. Terbitan PDS bagi tujuan pembiayaan semula dilakukan terutamanya oleh syarikat-syarikat dengan profil kredit yang kukuh.

Graf 4.39
Hutang Sekuriti Swasta: Penggunaan Dana yang Diperoleh



adalah terbitan dengan tempoh matang antara 10 hingga 15 tahun, diikuti oleh tempoh matang kurang daripada lima tahun. PDS yang mempunyai tempoh matang panjang kebanyakannya diterbitkan oleh

PDS berasaskan Islam menjadi semakin penting. Permintaan yang tinggi terhadap sekuriti berasaskan Islam menyebabkan kos pembiayaan yang lebih rendah bagi syarikat konsesi jalan bertol dan pembekal tenaga.

Dari segi tempoh matang, terdapat trend yang semakin meningkat terhadap tempoh matang yang lebih panjang bagi terbitan PDS, dengan tempoh matang terpanjang sehingga 26 tahun oleh sebuah syarikat sektor pembinaan. Sebahagian besar PDS syarikat infraskruktur yang terlibat dalam projek konsesi jalan bertol, loji tenaga dan air, yang memerlukan pembiayaan projek jangka panjang.

Saiz terbitan PDS secara keseluruhannya meningkat setiap tahun, dengan purata saiz setiap terbitan berjumlah RM118.5 juta pada tahun 2002, berbanding dengan RM94.3 juta pada tahun 2001. Ini mencerminkan terutamanya keperluan pembiayaan yang besar oleh syarikat-syarikat

Jadual 4.38
Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Sektor[1]

Sektor	2001		2002*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	67.6	0.2	971.9	3.6
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkilangan	2,514.2	8.0	1,776.8	6.7
Elektrik, gas dan bekalan air	10,068.4	32.0	1,349.0	5.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	250.0	0.8	1,130.8	4.2
Pembinaan	3,305.3	10.5	2,174.1	8.2
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	3,766.7	12.0	9,099.5	34.1
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	5,147.9	16.3	5,513.8	20.7
Kerajaan dan lain-lain	6,382.3	20.3	4,644.5	17.4
Jumlah	**31,502.4**	**100.0**	**26,660.3**	**100.0**

[1] Tidak termasuk bon Cagamas.
a Awalan

Graf 4.40
Tempoh Matang PDS yang diterbitkan pada tahun 2002



infraskruktur, seperti yang dilihat dalam purata saiz yang lebih besar bagi setiap terbitan PDS jangka panjang (10 hingga 15 tahun) sebanyak RM190.6 juta (2001: RM121.3 juta). Purata saiz setiap terbitan PDS jangka lebih pendek (kurang daripada lima tahun) juga meningkat kepada RM88.4 juta (2001: RM74 juta). Dari segi jenis instrumen, PDS Islam dan bon biasa jangka panjang terus menjadi cara pembiayaan utama, masing-masing mencakupi 38.2% dan 21.4% daripada jumlah terbitan. PDS Islam mencatat pertumbuhan ketara dan melebihi terbitan bon konvesional. Penerbit utama bon ini merupakan syarikat konsesi jalan bertol dan pembekal tenaga. PDS Islam menarik pelabur yang lebih meluas, termasuk dana institusi Islam dan konvensional. Permintaan yang lebih tinggi terhadap PDS Islam menyebabkan bida kompetitif yang lebih tinggi terhadap bon-bon ini dan membolehkan penerbit bon menikmati kos pembiayaan yang lebih rendah.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memajukan lagi pasaran kewangan Islam, Kerajaan telah mengumumkan melalui Bajet 2003, pemotongan cukai bagi perbelanjaan yang ditanggung semasa menerbit PDS Islam yang menggunakan prinsip mudharabah, musyarakah atau ijarah, selama lima tahun, bermula dari tahun 2003. Pemberian insentif cukai ini akan terus merangsang pertumbuhan pasaran PDS Islam pada tahun-tahun yang akan datang.

Sejak pengenalan Garis Panduan Mengenai Tawaran Sekuriti Sokongan Aset (ABS) pada bulan April 2001, lima ABS berjumlah RM3.2 bilion telahpun diterbitkan. Dua ABS telah diterbitkan pada tahun 2002 (RM1.9 bilion). ABS ini telah menyumbang untuk mempelbagaikan jenis-jenis sekuriti yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur. Jenis-jenis ABS yang terdapat di pasaran bon dalam negeri adalah obligasi bersandarkan bon, obligasi bersandarkan pinjaman dan sekuriti komersil disokong gadai janji. Bagi meningkatkan lagi kecekapan pasaran, Laporan Mengenai Pensekuritian Aset di Malaysia yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pasaran Bon Negara telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada bulan Disember 2002. Laporan tersebut menekankan halangan-halangan pensekuritian aset dari segi perundangan, pengawalan, percukaian dan perakaunan, dan menggariskan rangka kerja yang komprehensif bagi menangani isu-isu tersebut. Selaras dengan pasaran bon dalam negeri yang akan terus membangun, penawaran dan permintaan ABS dijangka akan meningkat. Pada masa yang terdekat, kelas-kelas ABS yang lain, seperti sekuriti yang disokong oleh sewa beli dan kad kredit belum terima, dijangka akan diterbitkan.

Pada tahun 2002, Cagamas Berhad mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit yang aktif di pasaran PDS dengan 37 terbitan (termasuk nota jangka pendek) dengan jumlah nilai sebanyak RM19.5 bilion. Sebahagian besar terbitannya merupakan bon berkadar tetap dan bon berprinsipkan Islam (19 terbitan dengan jumlah nilai sebanyak RM9.5 bilion). Ini merupakan nilai tertinggi bagi terbitan bon jenis ini oleh Cagamas Berhad dalam setahun. Permintaan bagi bon Cagamas adalah tinggi, dibuktikan dengan kadar lebihan langganan purata berwajaran sebanyak 3.33 kali.

Aktiviti urus niaga di pasaran sekunder bagi bon Ringgit adalah lebih tinggi sedikit pada tahun 2002, dengan jumlah dagangan meningkat 3.5%, kepada RM391.3 bilion. Kertas SKM merupakan bon yang paling aktif diniagakan, mencakupi 62.4% daripada jumlah urus niaga (2001: 58.2%). Permintaan

Graf 4.41
Terbitan PDS Pada Tahun 2002 Mengikut Jenis Instrumen



Graf 4.42
Urus Niaga Bon Ringgit



terhadap bon korporat, terutamanya bon yang mempunyai gred pelaburan tinggi, mencakupi 13.5% daripada jumlah dagangan. Mudah tunai, seperti yang diukur mengikut nisbah jumlah dagangan kepada jumlah bon terkumpul, adalah tertinggi bagi SKM dan bon Danamodal, masing-masing pada 2.2 kali dan 2.7 kali. Pengenalan Niaga Hadapan SKM 5 tahun telah meningkatkan mudah tunai di pasaran SKM. Walau bagaimanapun, mudah tunai bagi bon korporat adalah paling rendah pada 0.5 kali nilai terkumpulnya.

Kadar hasil bagi kebanyakan instrumen berpendapatan tetap (SKM, sekuriti Cagamas dan PDS) bertambah kukuh pada suku tahun pertama disebabkan oleh tanda-tanda prospek pemulihan yang bertambah baik. Pada bulan Januari, kadar hasil SKM bagi semua tempoh matang meningkat buat sementara waktu, disebabkan sebahagiannya oleh berita tentang penurunan had minimum bagi pelaburan aset berisiko rendah yang perlu dikekalkan oleh syarikat-syarikat insurans. Penurunan itu adalah daripada 20% kepada 10% daripada margin mampu bayar penanggung insurans. Pada baki suku pertama yang selebihnya, keluk kadar hasil terus meningkat lebih tinggi dan semakin curam, dipengaruhi oleh jangkaan kadar faedah yang akan meningkat disebabkan oleh prospek ekonomi Malaysia and AS yang positif. Walau bagaimanapun, keluk SKM mula bergerak ke bawah semenjak bulan Mei, berikutan prestasi pasaran ekuiti global dan dalam negeri yang lebih lemah ketika kebimbangan terhadap keadaan ekonomi AS mula menjelma. Tambahan lagi, keadaan dalam negeri yang mempunyai inflasi yang rendah, mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan, dan kesedaran mengenai kadar faedah yang terus rendah, menyebabkan keluk kadar hasil

Graf 4.43
Kadar Hasil Penunjuk bagi Sekuriti Hutang Tiga-tahun Terpilih



Graf 4.44
Arah Aliran bagi Kadar Hasil SKM



SKM mendatar. Pada separuh tahun kedua, keluk kadar hasil SKM meneruskan trend menurun, mencerminkan prestasi Perbendaharaan AS yang dipengaruhi oleh kombinasi beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut termasuk jangkaan semula terhadap pengurangan berterusan kadar faedah di negara-negara perindustrian utama, sentimen buruk di pasaran ekuiti disebabkan oleh amalan penyelewengan perakaunan korporat dan risiko geopolitik yang bertambah. Kadar hasil bagi kertas-kertas yang lain juga mengikut trend yang sama. Oleh kerana kadar faedah dijangka kekal rendah bagi jangka pertengahan, permintaan pelabur terhadap kertas jangka pertengahan juga meningkat, menyebabkan keluk kadar hasil yang lebih mendatar pada bulan Disember. Pelabur juga mengambil kesempatan daripada harga yang lebih rendah bagi kertas berjangka panjang. Ini disebabkan kadar hasil kertas berjangka panjang mempunyai ruang untuk direndahkan lagi, berbanding dengan harga kertas yang berjangka pendek yang telah dipertimbangkan dengan baik oleh pasaran.

Dari segi perbezaan kadar hasil, tebaran di antara bon Cagamas dan SKM mengecil daripada 22 mata asas pada suku pertama ke lima mata asas pada suku keempat. Perbezaan kadar hasil yang mengecil ini disebabkan oleh permintaan yang meningkat terhadap kertas mudah tunai yang berkualiti tinggi, seperti bon Cagamas, sebagai alternatif kepada SKM. Tebaran yang mengecil ini membolehkan Cagamas memberi dana pada kos yang rendah kepada institusi kewangan. Dalam sektor bon korporat, tebaran bagi PDS yang diberi penarafan AAA dan AA berbanding dengan SKM mengecil sejak bulan Jun, mencerminkan minat pelabur terhadap sekuriti ini pada masa ini, terutamanya PDS yang berkualiti tinggi dan memberi keuntungan yang lebih tinggi daripada SKM. Perkembangan ini menyebabkan kadar hasil PDS dalam kategori ini merosot. Walau bagaimanapun, perbezaan kadar hasil bon yang diberi penarafan BBB, secara relatifnya kekal stabil di sepanjang tahun.

Graf 4.45
Perbezaan Kadar Hasil untuk Bon 3-tahun berbanding SKM 3-tahun



Pada tahun 2002, aktiviti penarafan kekal tinggi. Pada tahun 2002, Rating Agency Malaysia (RAM) telah menyempurnakan 77 penarafan baru dengan cadangan jumlah nilai kasar sebanyak RM28 bilion. Terbitan jangka panjang masing-masing merupakan 72.7% dan 83.4% daripada jumlah bilangan dan nilai kasar terbitan. Daripada jumlah yang diberi penarafan, PDS Islam mancakupi bahagian yang paling besar. Dari segi profil penarafan, kebanyakan terbitan berada dalam kategori-kategori AAA, AA dan A dengan penumpuan yang paling tinggi di kategori A (34 terbitan atau 44.2% daripada jumlah terbitan yang diberi penarafan). Sementara itu, Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC) menyempurnakan 26 penarafan korporat baru dengan jumlah nilai penarafan sebanyak RM11.6 bilion. Dari segi nilai, 75% daripada PDS yang diberi penarafan oleh MARC adalah berbentuk Sekuriti Hutang Islam dan terbitan-terbitan ini berada terutamanya di kategori AAA, AA dan A. Memandangkan bank-bank bersikap lebih memilih dalam memberi jaminan sejak Krisis Asia, hanya lima

Graf 4.46
Pengagihan Penarafan Sekuriti Hutang Swasta (Pada akhir Disember 2002)



Sumber: RAM dan MARC

terbitan yang diberi penarafan baru dengan sebanyak RM587 juta adalah jaminan bank pada tahun 2002.

Dari segi taburan kelas penarafan, PDS dengan penarafan tunggal A mencakupi 43.8% daripada jumlah bilangan terkumpul terbitan pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, dari segi nilai, sebanyak 70.5% daripada jumlah nilai terkumpul berada di kelas AAA atau AA, sementara hanya sebahagian kecil daripada terbitan-terbitan terkumpul berada di kelas di bawah kelas bukan pelaburan. Pada tahun 2002, RAM dan MARC melakukan sejumlah 134 penarafan semula ke atas sekuriti hutang swasta jangka panjang yang sedia ada. Daripada jumlah penarafan semula yang dilakukan, 96 merupakan penarafan pengesahan/pengesahan semula, 20 merupakan peningkatan taraf, sementara 10 merupakan penurunan taraf. Selaras dengan kualiti terbitan dan prestasi korporat yang lebih baik, jumlah bilangan dinaik taraf telah meningkat daripada 10 pada tahun 2001 kepada 20 pada tahun 2002, sementara jumlah bilangan diturun taraf berkurangan daripada 15 pada tahun 2001 kepada 10 pada tahun 2002.

Di peringkat antarabangsa, Kerajaan juga memperoleh dana daripada pasaran modal antarabangsa bagi tujuan menanda aras, untuk mengambil kesempatan kos yang rendah, mempelbagaikan asas pelabur dan menceburi pasaran kewangan antarabangsa yang lebih meluas dari segi pembiayaan berasaskan prinsip Islam. Pada bulan Mac, Kerajaan membuka semula terbitan Bon Global Malaysia dolar AS yang matang pada tahun 2011, menambah AS$750 juta ke atas terbitan sedia ada tersebut. Penerbitan semula ini ditetapkan 175 mata asas lebih tinggi daripada Nota Perbendaharaan AS yang mempunyai tempoh matang 10 tahun, dengan kadar hasil sebanyak 6.8%. Seterusnya, pada bulan Jun, Kerajaan berjaya menerbitkan Sijil Global Secara Islam yang pertama yang matang pada tahun 2007, berjumlah AS$600 juta. Ini adalah untuk membantu perkembangan instrumen berasaskan prinsip Islam di pasaran kewangan antarabangsa. Pada bulan Ogos dan September, Standard dan Poor's dan Moody's meningkatkan penarafan kedaulatan Malaysia kepada BBB+/ Baa1, dimana ia mencerminkan pemulihan yang berterusan dalam asas ekonomi dalam negeri. Pada tahun ini, sentimen pasaran bagi bon berdaulat Malaysia dan bon korporat mata wang asing adalah memberangsangkan berikutan jangkaan kadar faedah yang rendah dan peningkatan penarafan kedaultan Malaysia. Tebaran

Graf 4.47
Bon Indeks Pasaran Baru Muncul



Sumber: Bloomberg

bagi bon berdaulat Malaysia semakin mengecil pada tahun 2002.

Beberapa langkah telah diperkenalan untuk memajukan lagai pasaran bon pada tahun 2002. Di antaranya, satu langkah baru membenarkan Broker Universal untuk berurus niaga dalam pasaran bon untuk menambahkan penyertaan pasaran dalam pasaran bon domestik. Untuk memperbaiki proses pengurusan risiko peserta-peserta pasaran, peniaga utama telah dibenarkan untuk membuat 'short-selling' terkawal bagi sekuriti-sekuriti yang ditentukan oleh pihak Bank. Ini adalah untuk memudahkan pembiayaan dan aktiviti pengurusan risiko oleh penggerak pasaran bagi menggalakkan mudah tunai perniagaan sekunder. Tambahan lagi, pengenalan kontrak SKM 5 Tahun kontrak hadapan oleh MDEX juga memberi instrumen tambahan untuk pengurusan risiko oleh peserta-peserta pasaran bon.

Pasaran Derivatif yang Diniagakan dalam Bursa

Jumlah kontrak yang diniagakan di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) telah meningkat sebanyak 56.5%

Jadual 4.39
Tebaran Berbanding Tanda Aras Perbendaharaan AS

	Dis. 01	Mac 02	Jun. 02	Sept. 02	Dis. 02
MALAYSIA 09	189	142	161	178	145
MALAYSIA 11	175	153	190	184	169
CHINA 11	106	81	108	115	85
INDONESIA 06	497	262	385	367	353
KOREA 08	137	90	99	123	109
PHILIPPINES 10	436	348	411	509	527
THAILAND 07	146	92	93	117	128
PETRONAS 06	168	92	113	129	126

Sumber: Bloomberg

Jadual 4.40
MDEX
Urus Niaga: Bilangan Kontrak

	2001	2002	% perubahan
Niaga Hadapan KLSE CI	287,528	233,863	-18.7
Opsyen KLSE CI	565	1	-99.8
Niaga Hadapan KLIBOR	54,914	64,307	17.1
Niaga Hadapan CPO	479,799	909,073	89.5
Niaga Hadapan MGS 5-Tahun	-	80,419	-

pada tahun 2002, di mana aktiviti dagangan telah mencatat rekod baru sebanyak 1,287,663 kontrak. Peningkatan yang ketara dalam aktiviti urus niaga sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti dagangan di Pasaran Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO) (89.5%), diikuti oleh Pasaran Niaga Hadapan 3-bulan KLIBOR. Sebaliknya, dagangan di dalam Pasaran Niaga Hadapan KLSE Indeks Komposit (KLSE CI) telah merosot, mencerminkan prestasi hambar di pasaran KLSE Indeks Komposit (KLSE CI) sepanjang tahun 2002. Penghijrahan daripada sistem laungan terbuka kepada sistem dagangan elektronik pada 28 Disember 2001 juga telah membantu menggiatkan aktiviti dagangan di pasaran Niaga Hadapan CPO dan Niaga Hadapan 3-bulan KLIBOR (KLIBOR). Lebih utama, pengenalan kepada kontrak Niaga Hadapan 5-tahun MGS telah mendapat sambutan yang baik daripada peserta pasaran.

Pasaran hadapan minyak sawit mentah mencatat prestasi terbaik di MDEX pada tahun 2002, dengan jumlah keseluruhan urus niaga meningkat dengan ketara sebanyak 89.5% kepada 909,073 lot (2001: 479,799 lot). Peningkatan harga minyak sawit yang nyata dan pertukaran daripada sistem open outcry platform kepada sistem berasaskan elektronik telah menghasilkan prestasi pasaran hadapan yang menggalakkan. Pada tahun tersebut, julat harga kontrak hadapan Minyak Sawit Mentah bulan yang ketiga menguncup kepada RM587 (2001: RM622), dengan harga harian tertinggi dicatat pada RM1,695 setiap tan pada 30 Disember 2002. Selepas diniaga pada julat RM1,150 kepada RM1,280 setiap tan pada lima bulan pertama tahun 2002, purata harga hadapan minyak sawit mentah menjadi kukuh kepada julat RM1,400 dan RM1,640 setiap tan pada bulan-bulan seterusnya. Ini merupakan paras tertinggi yang dicapai dalam jangka masa tiga tahun. Prestasi harga yang kukuh pada separuh kedua tahun 2002 mencerminkan keadaan kekangan penawaran di pasaran minyak dan lelemak sedunia. Pengeluaran minyak kacang soya dan minyak sawit hanya meningkat sedikit manakala pengeluaran minyak

Graf 4.48
Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah



Graf 4.49
Niaga Hadapan KLIBOR



sesawi dan bunga matahari merosot. Secara berkumpulan, minyak sayuran tersebut mencakupi 63% daripada jumlah bekalan minyak dan lelemak sedunia.

Dagangan di dalam pasaran **Niaga Hadapan 3-bulan KLIBOR** telah bertambah pada tahun 2002. Jumlah dagangan tahunan meningkat sebanyak 17% kepada 64,307 lot daripada 54,914 lot pada tahun 2001. Bilangan terbuka yang dicatat pada bulan Disember 2002 adalah sebanyak 21,114 kontrak. Dalam keadaan mudah tunai yang mencukupi, minat dagangan yang mapan di dalam kontrak Niaga Hadapan 3-bulan KLIBOR telah dipengaruhi oleh jangkaan kadar faedah yang lebih rendah. Tambahan pula, ketidaktentuan dalam perkembangan global dan kesannya ke atas ekonomi negara juga telah memberi kesan kepada jangkaan-jangkaan ini. Keadaan ini ternyata dibuktikan dengan pergerakan di dalam kadar hasil tersirat untuk pelbagai kontrak Niaga Hadapan KLIBOR. Pada bulan Januari 2002, kadar hasil tersirat (kontrak suku bulan keempat) telah mencecah tahap tertinggi pada 4.44%, sebelum jatuh pada tahap terendah pada 3.02% pada bulan Oktober 2002. Kadar hasil tersirat seterusnya

Graf 4.50
Kadar Hasil Tersirat Niaga Hadapan KLIBOR dan Kadar Hasil Spot



meningkat secara beransur-ansur dan berada pada kadar 3.38% pada akhir tahun 2002. Sejajar dengan perubahan pada jangkauan-jangkauan terhadap kadar faedah, aktiviti-aktiviti dagangan telah meningkat di pasaran-pasaran bon dan pasaran kadar faedah swap. Atas sebab yang sama, peningkatan aktiviti yang serupa dapat dilihat dengan bertambahnya dagangan pasaran Niaga Hadapan KLIBOR, di mana peserta pasaran telah melindung-nilai pendedahan mereka.

Faktor yang turut membantu dalam menambahkan aktiviti dagangan di dalam pasaran Niaga Hadapan 3-bulan KLIBOR adalah pengenalan kontrak Niaga Hadapan 5-tahun MGS. Dengan adanya kontrak ini, peserta pasaran dapat menggabungkan lebih banyak kombinasi–kombinasi strategi dagangan.

Aktiviti dagangan di dalam pasaran **Niaga Hadapan KLSE CI** telah merosot pada tahun 2002. Jumlah dagangan menurun sebanyak 18.7% kepada 233,863 lot daripada 287,528 lot pada tahun 2001. Purata dagangan harian pada tempoh berkenaan adalah sebanyak 943 lot, berbanding dengan 1,183 lot pada tahun 2001. Prestasi pasaran yang lemah di dalam pasaran Niaga Hadapan KLSE CI adalah seiring dengan prestasi hambar yang dialami oleh pasaran KLSE CI. Bilangan bukaan pada akhir bulan, yang merupakan bilangan kedudukan yang belum dijelaskan, turut merosot. Pada akhir bulan Disember 2002, bilangan bukaan berada pada 1,485 kontrak, menurun daripada 2,164 kontrak pada bulan Disember 2001. Aktiviti dagangan kontrak Opsyen KLSE CI telah menurun secara mendadak pada tahun 2002. Selain daripada sentimen pasaran yang hambar yang telah menjejaskan pasaran tunai dan niaga hadapan, kejatuhan dalam aktiviti dagangan juga disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan pengetahuan mengenai kontrak opsyen.

Nisbah Mudah Tunai Derivatif (DLR), yang merupakan nilai urus niaga hadapan berbanding nilai urus niaga stok komponen, telah susut sedikit daripada 25.9% pada tahun 2001 kepada 24.2% pada tahun 2002. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pemindahan dagangan oleh peserta daripada pasaran Niaga Hadapan KLSE CI kepada pasaran Niaga Hadapan CPO. Prospek yang baik terhadap harga minyak sawit mentah telah meningkatkan kecairan di dalam pasaran Niaga Hadapan CPO berbanding dengan dagangan di dalam pasaran Niaga Hadapan KLSE CI.

Pada 29 Mac 2002, instrumen derivatif baru, iaitu **Kontrak Niaga Hadapan 5-tahun MGS** telah diperkenalkan. Instrumen baru ini memberi peluang kepada peserta pasaran untuk mengurus risiko mereka dengan lebih baik, terutamanya risiko kadar faedah, dengan melindung-nilai portfolio bon mereka. Pada tahun 2002, institusi-institusi kewangan tempatan, merupakan pelabur utama di dalam derivatif baru ini dan mencakupi sebanyak 98% daripada jumlah dagangan. Kontrak Niaga Hadapan 5-Tahun MGS telah menunjukkan prestasi yang baik. Jumlah dagangan kontrak yang diniagakan adalah sebanyak 80,419, manakala jumlah bilangan bukaan adalah 4,860 kontrak. Purata dagangan harian pada tempoh tersebut adalah 421 lot.

Selaras dengan peranannya untuk membangunkan dan mendalamkan pasaran derivatif tempatan, MDEX akan menambah lagi produk-produk baru pada tahun 2003. Kontrak Niaga Hadapan Saham

Graf 4.51
Niaga Hadapan dan Opsyen Indeks Komposit BSKL



Graf 4.52
Niaga Hadapan MGS 5-Tahun



Langkah-langkah Utama Pasaran Modal Pada Tahun 2002

Setakat akhir tahun 2002, sejumlah 24 cadangan daripada 152 cadangan yang digariskan dalam Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) telah dilaksanakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC). Sebanyak 74 cadangan lagi masih belum siap sepenuhnya dan berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Kebanyakan daripada langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun 2002 oleh SC, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serta Institut Juruaudit Dalaman Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia tertumpu kepada pengukuhan infrastruktur pasaran serta perkhidmatan pengantaraan. Langkah-langkah ini juga bertujuan untuk mengukuhkan rangka kerja peraturan, mempromosikan industri pengurusan pelaburan yang dinamik serta meningkatkan amalan urus tadbir korporat. Langkah-langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2002 adalah seperti berikut:

Mengukuh dan Mempromosi Industri Pengurusan Dana

- Pada 20 Februari, SC telah mengeluarkan **garis panduan mengenai pelantikan pemegang amanah untuk skim unit amanah** untuk menangani isu-isu percanggahan kepentingan. Garis panduan ini mengandungi peruntukan termasuk syarat sekurang-kurangnya satu pertiga daripada lembaga pengarah pemegang amanah terdiri daripada ahli yang berkecuali. Pengarah yang berada dalam lembaga pengarah pemegang amanah dan syarikat pengurusan adalah tidak dibenarkan.

- Berkuat kuasa 15 Mei, SC memperkenalkan satu peraturan baru yang **membenarkan syarikat atau individu untuk mempunyai kepentingan lebih daripada satu syarikat pengurusan unit amanah (UTMC)**. Sebelum ini, kepentingan sesebuah kumpulan syarikat dihadkan kepada satu UTMC sahaja. Polisi yang baru diperkenalkan ini mengandungi beberapa syarat. Salah satu daripada syaratnya ialah pemegang saham hanya dibenarkan untuk menguasai satu syarikat pengurusan unit amanah sahaja pada satu-satu masa. Jika pemegang saham mempunyai kepentingan minoriti dalam UTMC lain, mereka tidak dibenar untuk mempunyai pegangan saham melebihi 20% daripada saham undi UTMC tersebut. Tambahan lagi, pemegang saham tersebut tidak dibenar untuk terlibat dalam pengurusan seharian UTMC yang mana mereka mempunyai kepentingan minoriti atau mewakili di peringkat Lembaga atau jawatankuasa pelaburan.

- Berkuat kuasa 1 Julai, SC telah **memansuhkan had minimum yuran pemegang amanah** boleh runding oleh pemegang amanah dan syarikat pengurusan dana unit amanah. Ini bertujuan untuk melonggar dan meningkatkan daya saing dalam struktur yuran dana unit amanah tersebut.

- Sejajar dengan komitmen SC untuk membangunkan pasaran modal Islam di Malaysia, dua nota pekeliling (PN) telah dikeluarkan pada 10 Julai, berkaitan dengan skim unit amanah berasaskan Syariah. PN18 berkaitan dengan **Syarat-syarat Tambahan bagi Skim yang diurus dan ditadbir berlandaskan Prinsip Syariah**, menetapkan tugas jawatankuasa Syariah/perunding Syariah, jawatankuasa pelaburan serta pemegang amanah dan pegawai pematuhan untuk mengawal pengurusan skim tersebut bagi memastikan skim unit amanah berasaskan Syariah diurus dan ditadbir mengikut objektifnya. PN19 menjelaskan **Prosedur bagi Pendaftaran dan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Syariah/Penasihat Syariah untuk Skim yang diurus dan ditadbir berlandaskan Prinsip-prinsip Syariah**, menggariskan prosedur pendaftaran serta memperuntukkan rangka kerja yang cekap dan bermanfaat bagi pelantikan ahli jawatankuasa Syariah/penasihat Syariah oleh skim berasaskan Syariah.

- **Garis panduan berkenaan dana amanah harta yang disemak** telah diterbitkan pada 13 November. Objektif semakan ini adalah untuk menggalakkan perkembangan industri amanah harta di Malaysia. Semakan ini, di antaranya, membenarkan dana amanah harta dibuka kepada golongan pelabur yang lebih luas dan juga membolehkan dana amanah harta dilaburkan dalam pelbagai jenis aset lain, termasuk instrumen yang dibenarkan seperti aset lain yang berkaitan dengan harta tanah. Had pelaburan berhubung dengan portfolio dana amanah harta juga dilonggarkan. Pihak yang dibenarkan mengambil bahagian dalam industri amanah harta juga diperluaskan, termasuk anak syarikat daripada syarikat induk pelaburan harta dan syarikat pembangunan harta, sebagai tambahan kepada anak syarikat institusi kewangan. Semakan ini turut mengandungi beberapa syarat baru untuk meningkatkan tahap pendedahan dan laporan oleh dana amanah harta benda tersebut.

Meningkatkan Daya Saing Broker Universal

- Pada 16 Mei, SC mengeluarkan PN yang **membenarkan broker universal (UB) untuk menawarkan lebih banyak perkhidmatan di tempat-tempat kemudahan laluan elektronik**. Fleksibiliti ini bertujuan bagi meningkatkan daya saing UB dan pada masa yang sama, memudahkan penggabungan industri broker saham. Kelonggaran peraturan ini membenarkan tempat kemudahan laluan elektronik yang akan dibangunkan oleh UB menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan berikut:
  i) meletakkan wakil peniaga berlesen, wakil peniaga niaga hadapan dan wakil yang memegang kedua-dua lesen tersebut;
  ii) membuka atau menutup akaun urus niaga dan/atau akaun sekuriti;
  iii) penerimaan dan pembayaran duit daripada pelanggan;
  iv) pemasaran serta penjualan produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh UB; dan
  v) meletakkan dan menggunakan terminal hadapan broker dan terminal CDS dan/atau *server* kemudahan laluan elektronik.

  Selain daripada insentif menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan di tempat kemudahan laluan elektronik, UB yang dibentuk melalui penggabungan empat syarikat broker saham **dibenar menawarkan keseluruhan perkhidmatan pasaran modal** serta **menubuhkan cawangan tambahan** di seluruh negara.

- Pada 30 Oktober, SC mengeluarkan **Garis Panduan untuk UB Berurusan Terus dalam Sekuriti Tidak Tersenarai**. Sebelum ini, UB hanya boleh berurusan dalam sekuriti tidak tersenarai melalui institusi kewangan berlesen. Ini bertujuan bagi meluaskan struktur perantaraan pasaran bon.

Meningkatkan Tahap Perlindungan Terhadap Pelabur

- Berkuat kuasa 1 Mac, BSKL memperkenalkan **langkah-langkah perlindungan tambahan terhadap pelabur berhubung syarikat-syarikat PN4**. Ini bertujuan supaya para pelabur berwaspada mengenai risiko dalam berurus niaga dengan sekuriti yang disenaraikan sebagai syarikat PN4. Mengikut langkah baru ini, sekatan urus niaga akan diambil ke atas syarikat PN4 tertentu yang gagal menyusun semula kedudukan kewangan dalam tempoh asal yang ditetapkan. Sekatan urus niaga ini dilaksanakan dalam bentuk bayaran penuh kepada broker sebelum melaksanakan kontrak pembelian bagi pelanggan mereka. Di samping itu, klasifikasi sektor yang berasingan digelar PN4 diwujudkan bagi mengasingkan semua syarikat PN4 dari sektor asal mereka.

- Pada 21 Oktober, Depositori Pusat Malaysia (MCD) melancarkan **Penyata Akaun Gabungan (CSA) Sistem Depositori Pusat (CDS)**. CSA membolehkan para pelabur yang mempunyai berbagai akaun, menerima semua butir-butir urus niaga sekuriti dalam satu penyata akaun gabungan bulanan. Melalui kemudahan baru ini, para pelabur yang mempunyai berbagai akaun CDS dapat mengurus dan menyelaras portfolio sekuriti mereka dari berbagai akaun tersebut dengan lebih berkesan. CSA akan dikeluarkan secara bulanan dan separuh tahunan dan mengandungi butir-butir urus niaga yang terperinci bagi semua akaun yang aktif, akaun baru, akaun tidak aktif dan akaun aktif yang tiada urus niaga bagi tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, pelabur yang mempunyai akaun tidak aktif (akaun yang tiada urus niaga bagi tempoh 36 bulan berturut-turut) hanya akan menerima penyata CSA secara separuh tahunan sahaja.

Membantu Kerja-Kerja Penstrukturan Semula Korporat

- Sejajar dengan langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet tahun 2002 untuk membantu proses penstrukturan semula syarikat-syarikat korporat, SC mengumumkan pada 8 Mei, **kelonggaran beberapa syarat bagi suntikan aset asing dan syarikat multinasional (MNC) ke dalam syarikat-syarikat Malaysia yang tersenarai**. Kelonggaran ini memberikan syarikat-syarikat yang tersenarai, terutamanya syarikat yang sedang menghadapi masalah, lebih banyak pilihan untuk mendapatkan aset yang berkualiti supaya dapat mengembangkan pendapatan mereka. Syarikat-syarikat Malaysia yang tersenarai juga dibenar untuk mendapatkan aset asing yang dimiliki oleh warga Malaysia atau warga asing melalui terbitan sekuriti. Walaupun begitu, perolehan tersebut hendaklah melebihi 25% daripada nilai ambang. Aset asing tersebut hendaklah memenuhi kriteria berikut sebelum pengambilan dapat dijalankan:
  i) aset tersebut hendaklah aset yang berkualiti;
  ii) pengambilan tersebut hendaklah dibiayai sepenuhnya melalui terbitan terus sekuriti baru kepada penjual aset tersebut;
  iii) tiada dana yang akan mengalir keluar dari negara bagi tempoh masa tiga tahun selepas pengambilan tersebut selesai; dan

iv) pengambilan tersebut hendaklah membawa manfaat kepada syarikat yang tersenarai tersebut dan juga negara.

Sebagai tambahan, suntikan dari MNC ke dalam syarikat yang bermasalah tidak mensyaratkan MNC yang tidak tersenarai tersebut mematuhi Dasar Pembangunan Negara (NDP). Dalam kata lain, MNC tidak perlu menyusun semula syarikat tersebut untuk mencapai 30% penyertaan ekuiti Bumiputera apabila ia ingin disenaraikan di BSKL melalui pengambilalihan berbalik atau penyenaraian melalui syarikat lain ke dalam syarikat yang bermasalah. Fleksibiliti ini termasuk syarikat milikan asing yang diperbadankan di Malaysia atau syarikat korporat milik asing yang berdaftar di Malaysia yang dikecualikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) daripada syarat-syarat NDP yang disebutkan di atas.

- Pada 3 Disember, SC mengumumkan **tarikh akhir bagi syarikat tersenarai di BSKL yang terkurang modal untuk mencapai syarat minimum RM60 juta modal berbayar bagi Papan Utama dan RM40 juta modal berbayar bagi Papan Kedua dilanjutkan dari 31 Disember 2002 ke 31 Disember 2003**. Keputusan untuk melanjutkan tarikh akhir ini dibuat berikutan keadaan pasaran yang lemah yang menyebabkan syarikat-syarikat yang tersenarai sukar untuk menjalankan aktiviti pembentukan modal. Syarikat yang gagal mematuhi tarikh akhir baru ini akan diklasifikasikan di bawah sektor yang lain dan akan dilabelkan sebagai *"Undercapitalised"*. Saham syarikat ini juga mungkin akan disekat urus niaganya dan disyaratkan untuk sentiasa memberitahu pemegang saham syarikat tersebut tentang status ketidakpatuhan, di dalam laporan penyata kewangan suku tahunan mereka.

Meningkatkan Amalan Urus Tadbir Korporat

- Pada 5 Julai, BSKL telah **meminda Syarat-syarat Penyenaraian berhubung peruntukan berkaitan laporan penyata kewangan suku tahunan**. Berikutan pindaan ini, syarikat yang tersenarai dimestikan mematuhi piawai perakaunan (MASB 26) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. MASB 26 menjelaskan kandungan minima laporan kewangan interim dan mengenal pasti pengecaman perakaunan serta prinsip ukuran yang wajib digunakan dalam laporan kewangan interim.

- Pada 26 Julai, Institut Juruaudit Dalaman Malaysia melancarkan **Garis Panduan berkaitan Fungsi Audit Dalaman** untuk membantu lembaga pengarah syarikat awam yang tersenarai untuk melepaskan tanggungjawab secara efektif berhubung fungsi audit dalaman mereka. Garis panduan ini, sejajar dengan usaha-usaha untuk meningkatkan urus tadbir korporat di Malaysia, dibentuk bagi menyokong SC dan BSKL dalam mengukur rujuk fungsi audit dalaman dengan amalan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa serta piawaian audit dalaman. Garis panduan ini juga menyediakan panduan untuk jawatankuasa audit menilai kecekapan fungsi audit dalaman mereka.

- Pada 21 Ogos, BSKL menubuhkan **Pasukan Petugas bagi Amalan Terbaik Pendedahan Korporat** untuk menyediakan panduan kepada peserta industri dalam menyediakan dasar-dasar dan prosedur yang berkaitan untuk mempromosikan amalan terbaik dalam pendedahan korporat. Pasukan petugas ini akan memudahkan amalan terbaik pendedahan korporat sejajar dengan Syarat-syarat Penyenaraian BSKL dan undang-undang sekuriti yang berkaitan. Ahli-ahli dalam pasukan petugas ini terdiri daripada peserta industri serta wakil-wakil dari persatuan industri yang ditubuhkan, badan-badan profesional dan syarikat yang tersenarai di BSKL.

- BSKL pada 28 November mengumumkan **pindaan mengenai Syarat-syarat Penyenaraian berkaitan pengarah dan penandatangan untuk pengisytiharan berkanun** yang mengiringi akaun audit tahunan syarikat awam yang tersenarai. Sehubungan dengan ini, BSKL mengeluarkan keterangan mengenai pindaan dan peruntukan lain daripada Syarat-syarat Penyenaraian melalui PN13 dan PN14. PN13 mengandungi syarat-syarat tertentu berkenaan pelantikan pengarah bebas. Ia mengandungi definisi yang lebih mendalam mengenai "pengarah bebas" serta kelayakan bagi penandatangan pengisyhtiharan berkanun. PN14 memberi keterangan lanjut mengenai peraturan urus niaga pihak-pihak yang berkenaan.

- Pada bulan Disember, Institut Akauntan Malaysia (MIA) mengumumkan berkuat kuasa 1 Januari 2003, **semua syarikat audit yang berdaftar dengannya, disyaratkan mempunyai piawaian dan amalan audit tertakluk kepada kajian semula bebas oleh MIA**. Langkah ini bertujuan untuk memastikan piawaian profesional dan etika dikekalkan dan disokong oleh semua juruaudit di Malaysia. Objektifnya adalah untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kewibawaan laporan kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat awam Malaysia yang tersenarai.

Meningkatkan Daya Saing Pasaran

- Sejajar dengan usaha menjadikan kos urus niaga di BSKL lebih berdaya saing, **peringkat kedua liberalisasi kadar komisen broker saham** telah dilaksanakan pada 1 Julai 2002. Liberalisasi kadar komisen yang dicadangkan dalam CMP melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama yang dilaksanakan pada 1 September 2000, meliputi liberalisasi kadar komisen bagi semua urus niaga melebihi nilai kontrak RM100,000 sementara urus niaga dengan nilai kontrak RM100,000 dan ke bawah, dikenakan kadar tetap sebanyak 0.75%. Peringkat kedua liberalisasi yang berkuat kuasa 1 Julai 2002, membenarkan kadar komisen untuk semua urus niaga boleh dirunding, tertakluk kepada had sebanyak 0.70%.

Tunggal dijangka akan dilancarkan pada tahun 2003. Produk-produk lain seperti derivatif komoditi dan Kontrak Niaga Hadapan di dalam denominasi Dolar Amerika juga dalam sedang dirancangkan.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Pada tahun 2002, beberapa langkah telah dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keselamatan sistem pembayaran. Peningkatan dalam sistem pembayaran perlu bagi memastikan ianya dapat memenuhi keperluan ekonomi yang semakin berkembang dan pada masa yang sama dapat melindungi kepentingan pengguna.

RENTAS

Pada tahun 2002, broker universal telah dibenarkan untuk menyertai sistem RENTAS, iaitu sistem penjelasan kasar masa nyata bagi dana dan sekuriti yang sebelum ini penyertaannya adalah terhad kepada institusi perbankan berlesen dan Cagamas, yang merupakan syarikat gadai janji kebangsaan. Langkah ini membolehkan broker universal berurusan secara langsung dalam pasaran sekuriti hutang tidak tersenarai menerusi Sistem Penjelasan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS), RENTAS. Ia juga memberikan masa yang lebih panjang bagi broker universal untuk berurusniaga. Modul SSTS juga telah dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan pembangunan pasaran dan inovasi dalam sekuriti hutang tidak tersenarai, termasuk menyediakan sistem perantaraan bagi memudahkan proses pembayaran faedah dan penebusan dilakukan di Sistem Hos Pusat RENTAS.

Pada bulan Disember 2002, beberapa buah institusi perbankan telah berjaya melaksanakan projek RENTAS i-LINK yang beroperasi dengan menggunakan platform berasaskan laman web.

Graf 4.53
Urus Niaga IFTS RENTAS



Graf 4.54
Urus Niaga SSTS RENTAS



Selain menjadi platform yang berkos efektif, RENTAS i-LINK membenarkan penjanaan maklumat yang khusus bagi membolehkannya dianalisa dengan cepat. Sistem ini juga menyediakan maklumat bagi memudahkan ahli-ahli RENTAS untuk meningkatkan operasi pasaran kewangan, pengurusan wang dan kedudukan sekuriti serta mengawasi aktiviti pasaran modal.

Pada tahun 2002, jumlah dan nilai transaksi sistem pemindahan dana antara bank (IFTS) RENTAS masing-masing meningkat 10.7% dan 9.7% berbanding tahun 2001. Pada tahun yang sama, terdapat peningkatan yang nyata dalam jumlah dan nilai transaksi SSTS, iaitu masing-masing sebanyak 45% dan 49.7%.

SPICK

Cek kekal sebagai instrumen pembayaran runcit bukan tunai yang popular di Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah cek yang diproses oleh tiga buah pusat penjelasan SPICK turun sedikit daripada 182.8 juta cek yang bernilai RM1.10 trilion pada tahun 2001 kepada 176.4 juta cek yang bernilai RM1.08 trilion pada tahun 2002. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 3.5% dari segi jumlah cek yang diproses dan 1.4% dari segi nilai berbanding tahun 2001. Penurunan dalam jumlah cek yang digunakan sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan kaedah pembayaran elektronik terutamanya melalui perbankan Internet dan kad kredit bagi pembelian secara runcit.

Mesin Juruwang Automatik (ATM)

Jumlah transaksi pengeluaran wang tunai menerusi mesin ATM meningkat daripada 174.9 juta pada tahun 2001 kepada 193.5 juta pada tahun 2002. Dari segi nilai pula, ia telah meningkat daripada RM71.8 bilion kepada RM77.6 bilion. Pada bulan Jun 2002, terdapat kes-kes pengeluaran wang secara tidak sah melalui beberapa mesin ATM institusi perbankan. Bagi melindungi kepentingan pengguna dan memelihara keyakinan mereka terhadap penggunaan rangkaian ATM, institusi perbankan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menangani situasi tersebut.

Graf 4.55
Jumlah dan Nilai Cek yang dijelaskan oleh Pusat-pusat SPICK



Jadual 4.41
Sistem Pembayaran dan Penjelasan

	2002			
	Nilai		Jumlah	
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	('000)	Perubahan tahunan (%)
RENTAS				
Transaksi IFTS	11,447.0	9.7	1,584.4	10.7
Transaksi SSTS	838.0	49.7	99.0	45.0
SPICK				
Cek yang dijelaskan	1,081.4	-1.4	176.4	-3.5
Giro Antara Bank				
Transaksi IBG	4.7	337.4	591.6	373.8

Institusi perbankan dengan kerjasama Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS) telah membangunkan Kad Pintar Pelbagaiguna Pembayaran berasaskan cip (kini dikenali sebagai Bankcard) bagi menggantikan kad ATM jalur magnetik. Kad ATM berasaskan cip ini menawarkan tahap keselamatan yang tinggi bagi mencegah pengklonan kad. Aplikasi-aplikasi awal yang dimasukkan ke dalam Bankcard adalah aplikasi ATM, debit dan wang tunai elektronik MEPS Cash.

Aplikasi ATM dan MEPS Cash juga dimasukkan ke dalam MyKad, iaitu kad pengenalan negara. Beberapa buah institusi perbankan telah mula mengeluarkan Bankcard sejak suku ketiga tahun 2002. Pada penghujung tahun 2002, lebih 200,000 Bankcard telah dikeluarkan. Kad pembayaran berasaskan cip Bankcard akan dikeluarkan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2003 bagi menggantikan kad ATM jalur magnetik yang sedia ada. Pada penghujung bulan Januari 2003, lebih kurang 4,000 mesin ATM telah dinaikkan taraf untuk menerima kad ATM berasaskan cip.

MEPS Cash

Sebagai sebahagian daripada usaha merangsang peralihan daripada penggunaan kaedah pembayaran berasaskan kertas kepada pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia telah bekerjasama dengan industri perbankan bagi menggalakkan penggunaan wang tunai elektronik MEPS Cash.

Aplikasi MEPS Cash, yang dimasukkan ke dalam Bankcard dan MyKad, adalah dompet prabayar yang boleh ditambah nilai sehingga nilai maksimum RM2,000. Ia menawarkan pilihan kepada pengguna kaedah pembayaran secara elektronik selain daripada menggunakan wang tunai bagi membuat pembayaran runcit. Pada masa ini, institusi perbankan domestik sedang giat menaikkan taraf terminal (point of sale) yang sedia ada di institusi-institusi perniagaan di seluruh negara bagi membolehkan mereka menerima MEPS Cash. Bagi memudahkan penambahan nilai ke dalam dompet elektronik oleh para pengguna, institusi perbankan yang terlibat sedang menaik taraf mesin ATM masing-masing bagi membolehkan penambahan nilai MEPS Cash dilakukan melalui mesin-mesin ATM.

Sistem Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX)

Selaras dengan pembangunan dalam e-dagang, Bank Negara Malaysia sedang bekerjasama dengan MEPS untuk membangunkan infrastruktur kebangsaan bagi pembayaran pelbagai bank atau dikenali sebagai Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange) bagi memudahkan pembayaran secara atas talian untuk transaksi e-dagang. Sistem ini beroperasi dengan menggunakan platform berasaskan Internet yang membolehkan peserta-peserta membuat pembayaran secara atas talian kepada bank pilihan pengguna. Sistem FPX akan menyediakan platform yang seragam kepada semua institusi perbankan di negara ini bagi menawarkan perkhidmatan pembayaran di antara para peniaga (B2B) dan menyediakan piawaian berkaitan dengan perkhidmatan pembayaran untuk meningkatkan kecekapan sistem pembayaran. Sistem ini dijangka akan dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2003. Sebuah Jawatankuasa Pemandu FPX telah ditubuhkan bagi menyediakan hala tuju pelaksanaan FPX untuk memastikan sistem ini dilaksanakan mengikuti kehendak pasaran. Anggota Jawatankuasa Pemandu ini terdiri daripada wakil-wakil agensi-agensi Kerajaan, institusi-institusi perbankan dan peserta-peserta e-dagang yang lain.

Gerbang Pembayaran

Pada tahun 2002, penggunaan gerbang pembayaran yang diuruskan oleh MEPS telah meningkat. Jumlah dan nilai transaksi masing-masing meningkat dua kali ganda sebanyak 122.3% dan 119.3% berbanding tahun 2001. Polisi mengenai penawaran perkhidmatan gerbang pembayaran oleh institusi perbankan berlesen telah disemak semula, selaras dengan matlamat bagi membolehkan institusi perbankan berlesen pantas bertindakbalas terhadap perubahan dalam sistem pembayaran serta bagi membenarkan kuasa pasaran mencorakkan pembangunan dalam sistem pembayaran. Berkuat kuasa September 2002, institusi perbankan berlesen dibenarkan untuk menggunakan gerbang pembayaran yang disediakan oleh MEPS dan gerbang pembayaran lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Perbankan Internet dan Lain-lain Perkhidmatan Pembayaran Elektronik

Pada penghujung tahun 2002, lapan buah bank domestik dan empat buah bank asing yang diperbadankan di Malaysia telah memperkenalkan perkhidmatan perbankan Internet. Seramai satu juta pengguna Internet telah menjadi pelanggan perbankan Internet pada akhir tahun 2002 selepas pengenalan perkhidmatan ini di Malaysia pada bulan Jun 2000. Ini mewakili lebih kurang 4.3% daripada penduduk di Malaysia atau 39.2% daripada jumlah pengguna Internet di Malaysia. Memandangkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) mendapat

Graf 4.56
Transaksi Gerbang Pembayaran



Graf 4.57
Transaksi Giro Antara Bank



sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, dua buah bank domestik telah bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk memperkenalkan perkhidmatan kewangan mudah alih dengan menggunakan kemudahan SMS pada tahun 2002.

Sementara itu, jumlah pembayaran melalui Giro telah meningkat dengan ketara pada tahun 2002. Bilangan transaksi Giro telah meningkat empat kali ganda daripada 125,000 transaksi pada tahun 2001 kepada 592,000 pada tahun 2002. Sebagai sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik, satu program pendidikan pengguna akan dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum terhadap perkhidmatan perbankan elektronik.

Kad Kredit dan Kad Caj

Penggunaan kad sebagai cara pembayaran telah meningkat dengan ketara. Bilangan kad kredit dan kad caj masing-masing meningkat 25% dan 19.3% berbanding dengan tahun 2001. Nilai transaksi kad kredit meningkat 24.7% daripada RM20.3 bilion pada tahun 2001 kepada RM25.3 bilion. Nilai transaksi kad caj pula meningkat 5.3% daripada RM1.8 bilion pada tahun 2001 kepada RM1.9 bilion pada tahun 2002. Pada bulan Julai 2002, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan "Garis Panduan Keperluan Minimum Pengurusan Risiko dan Penipuan bagi Operasi Kad Kredit". Garis panduan ini menekankan keperluan minimum bagi menghalang, mengesan, membendung dan mengawal risiko dan penipuan dalam operasi kad kredit oleh pengeluar dan pemeroleh kad kredit.

Graf 4.58
Operasi Kad Kredit dan Kad Caj di Malaysia



Jadual 4.42
Kad Pembayaran

	2001		2002	
	Bilangan kad (juta)	Nilai transaksi (RM bilion)	Bilangan kad (juta)	Nilai transaksi (RM bilion)
Kad kredit	3.5	20.3	4.4	25.3
kad caj	0.3	1.8	0.3	1.9
Kad debit	t.d.	0.05	t.d.	0.07

t.d. Tidak diperolehi.

Institusi perbankan kini sedang melaksanakan usaha untuk menukar kad kredit jalur magnetik kepada kad menggunakan teknologi cip yang berasaskan kepada piawaian EMV (Europay-MasterCard-Visa). Penukaran ini dijangka selesai pada akhir tahun 2004, manakala terminal kad pula akan dinaiktaraf atau ditukar untuk menerima kad kredit EMV pada akhir tahun 2005. Pada akhir tahun 2002, sebanyak 20,800 kad EMV telah dikeluarkan.

Empat buah institusi perbankan telah mengambil bahagian dalam program perintis menggunakan teknologi Magneprint pada bulan Jun 2002. Teknologi Magneprint menolong membendung penipuan kad kredit secara pengklonan menerusi penggunaan ciri-ciri unik bagi setiap jalur magnetik yang dapat membezakan di antara kad yang asli dengan kad palsu. Teknologi ini merupakan satu penyelesaian sementara terhadap masalah pengklonan kad kredit manakala penukaran ke kad cip EMV merupakan strategi jangka panjang.

Bank Negara Malaysia juga mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran pengguna, menggalakkan penggunaan kad kredit secara berhemat, kepenggunaan yang aktif dan perlindungan pengguna. Di antara beberapa keperluan baru ialah mewajibkan institusi perbankan untuk menyediakan maklumat terperinci mengenai fi dan caj bagi tujuan perbandingan oleh pengguna, memberi nasihat kepada pengguna kad kredit mengenai implikasi sekiranya mereka hanya membuat bayaran minima sahaja, menerangkan terma-terma dan syarat-syarat penting kepada pengguna kad kredit serta menghadkan tanggungan pengguna bagi transaksi yang dibuat tanpa kebenaran mereka disebabkan oleh kehilangan atau kecurian kad kredit. Keperluan-keperluan ini akan menolong meningkatkan kesedaran pengguna mengenai fi dan caj kad kredit, tanggungjawab mereka sebagai pengguna kad kredit serta menggalakkan mereka supaya lebih berhemat dalam menguruskan hutang kad kredit mereka. Garis panduan mengenai operasi kad kredit ini telah dikeluarkan pada bulan Mac 2003

dan institusi pengeluar kad kredit diberi masa selama enam bulan bagi mematuhi keperluan garis panduan ini bagi membolehkan mereka membuat perubahan yang diperlukan.

Sistem Pembayaran dalam Negara-negara EMEAP

Pada bulan Julai 2002, "Sistem Pembayaran di Malaysia" telah diterbitkan menerusi laman web Bank Negara Malaysia sempena penerbitan buku "Sistem Pembayaran di Negara-negara EMEAP" atau lebih dikenali sebagai Buku Merah EMEAP. "Sistem Pembayaran di Malaysia" memberi maklumat menyeluruh mengenai pembangunan sistem pembayaran di Malaysia yang meliputi aspek-aspek pengawalseliaan, peranan yang dimainkan oleh Bank Pusat serta pelbagai instrumen pembayaran yang terdapat di Malaysia. EMEAP (*Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks and Monetary Authorities*) merupakan satu forum yang terdiri daripada sebelas buah bank pusat dan pihak berkuasa kewangan, iaitu Australia, Republik Rakyat China, Hong Kong China, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, New Zealand, Filipina, Singapura dan Negeri Thai. Buku Merah EMEAP ini merupakan satu usaha Kumpulan Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian bagi menyediakan maklumat terkini mengenai sistem pembayaran dan penyelesaian di kalangan negara-negara EMEAP.

Kumpulan Kerja APEC mengenai Sistem Transaksi Kewangan Electronik

Kumpulan Kerja APEC (*Asia-Pacific Economic Cooperation*) mengenai Sistem Transaksi Kewangan Elektronik (E-FiTS) telah ditubuhkan pada bulan September 2000 dengan kerjasama Jawatankuasa Pemandu Perdagangan Elektronik untuk membangun dan melaksanakan program-program bagi menggalakkan perdagangan elektronik. Kumpulan Kerja tersebut bermesyuarat setiap suku tahun untuk mengkaji bagaimana APEC boleh meningkatkan penggunaan transaksi kewangan elektronik dalam lingkungan APEC. Pada bulan Jun 2002, satu laporan akhir telah diterbitkan dengan mengemukakan kajian-kajian mengenai pembangunan e-kewangan di Brunei Darussalam, Hong Kong China, Korea, Malaysia, Singapura dan Negeri Thai. Kajian Malaysia memberi tumpuan terhadap perkembangan perbankan elektronik di Malaysia. Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai menyumbang kepada pembangunan perbankan elektronik di Malaysia, termasuklah rangka pengawalseliaan yang kukuh dan usaha institusi perbankan dalam menggalakkan pelanggan mereka menggunakan saluran perbankan menerusi Internet. Di samping itu, satu faktor penting yang lain ialah usaha Kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan digital di antara penduduk di negara ini serta peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan dalam mempromosikan perkhidmatan kewangan elektronik dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia, pengenalan projek e-kerajaan dan kad pintar MyKad dan Bankcard.

PROGRAM PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM KEBANGSAAN MALAYSIA

Pada bulan Julai 2001, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) telah diwartakan sebagai undang-undang. Setelah Bank Negara Malaysia dilantik menjadi pihak berkuasa berwibawa di bawah AMLA, Unit Perisikan Kewangan (UPW) telah ditubuhkan di Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan oleh AMLA. AMLA telah berkuat kuasa mulai 15 Januari 2002 dan perintah menteri kewangan bagi melantik Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa berwibawa telah diwartakan pada tarikh yang sama.

Program pencegahan pengubahan wang haram di bawah AMLA adalah berdasarkan pendekatan secara berasingan dengan agensi-agensi pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan undang-undang dalam negeri. Oleh itu, perlaksanaan AMLA telah meluaskan fungsi-fungsi agensi-agensi yang berkenaan bagi membanteras gejala pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas. AMLA juga memperuntukkan bagi UPW untuk bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut dalam pengumpulan, penganalisaan dan perkongsian maklumat risikan.

Selepas peristiwa 11 September, program pengubahan wang haram telah dilanjutkan bagi merangkumi pembanterasan keganasan, dengan tumpuan khas ke atas pembiayaan pengganas. Kesalahan-kesalahan keganasan antarabangsa di bawah Kanun Keseksaan telah diwartakan sebagai salah satu kesalahan berat di dalam Jadual Kedua AMLA menerusi perintah menteri yang berkuatkuasa pada 15 Januari 2002. Seseorang yang membiayai pengganas adalah dianggap sebagai bersubahat dengan pengganas dan melakukan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Sesiapa yang menerima pembiayaan tersebut juga melakukan kesalahan pengubahan wang haram kerana berurusan dengan hasil daripada aktiviti-aktiviti jenayah.

Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (NCC) telah ditubuh pada bulan April 2000 untuk mempertingkatkan kerjasama antara agensi-agensi dalam negeri yang berkaitan bagi membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas. Bank Negara Malaysia adalah agensi utama NCC yang dianggotai oleh 12 kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Terma rujukan NCC telah juga dilanjutkan bagi memerangi pembiayaan pengganas. UPW sebagai sekretariat kepada NCC, sentiasa mengemas kini ahli-ahli NCC tentang pengalaman negara-negara lain dalam membanteras kegiatan pengubahan wang haram, mengkaji semula proses-proses penyiasatan yang sedia ada dan mengubahsuai program pencegahan pengubahan wang haram di peringkat kebangsaan.

Seperti yang telah dicadangkan oleh penilai-penilai *Asia/Pacific Group on Money Laundering* (APG), Malaysia akan melanjutkan penggunaan AMLA ke atas institusi-institusi kewangan bukan bank dan mengembangkan Jadual Kedua AMLA untuk menghasilkan satu senarai kesalahan berat yang lebih menyeluruh. Oleh kerana pengubahan wang haram adalah jenayah sejagat, Bank Negara Malaysia akan mengadakan pengaturan dengan pihak berkuasa yang sama di negara-negara lain untuk perkongsian maklumat risikan kewangan bagi membanteras aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas dengan lebih efektif.

Program pencegahan pengubahan wang haram yang dihasilkan oleh Bank Negara Malaysia dengan kerjasama daripada ahli-ahli NCC mempunyai pelbagai matlamat, antara lain, adalah seperti berikut:

Matlamat 1: Melindungi sektor kewangan daripada digunakan sebagai pengantara bagi pengubahan wang haram

AMLA telah memperuntukkan kesalahan pengubahan wang haram, pelaporan transaksi yang mencurigakan dan juga kuasa-kuasa bagi penyiasatan dan pembekuan aset-aset yang dipercayai berkaitan dengan kesalahan-kesalahan predikat pengubahan wang haram atau bahan bukti kesalahan tersebut. Selain daripada tujuan utama untuk melindungi ekonomi negara daripada dicemari oleh hasil-hasil jenayah, peruntukan-peruntukan di bawah AMLA adalah untuk memastikan keselamatan dan keteguhan sistem kewangan bagi melindungi sektor kewangan daripada disalah guna bagi menjalankan aktiviti pengubahan wang haram. Jadual Pertama AMLA menyenaraikan institusi-institusi pelapor yang tertakluk di bawah AMLA.

UPW melaksanakan penggunaan peruntukan di bawah AMLA secara berperingkat-peringkat. Satu soal-selidik penilaian diri telah dilaksanakan ke atas industri perbankan bagi menilai kesediaan institusi-institusi pelapor bagi melaksanakan tanggungjawab pelaporan yang termaktub di dalam AMLA.
Bagi memastikan pematuhan yang berkesan terhadap tanggungjawab-tanggungjawab di bawah AMLA dengan lebih efektif, UPW telah mengadakan beberapa sesi taklimat dengan pegawai pematuhan institusi-institusi pelapor yang terbabit. Sesi-sesi taklimat ini menjadi platfom perbincangan bagi mendapat maklumat yang lebih lanjut dan menyelesaikan pemasalahan mengenai isu-isu dan masalah mengenai langkah-langkah pelaksanaan AMLA dan mekanisme pelaporan. Setakat ini, AMLA telah digunakan ke atas institusi-institusi berikut:

- Bank-bank perdagangan, syarikat kewangan, bank-bank saudagar dan bank-bank Islam mulai 15 Januari 2002
- Syarikat-syarikat diskaun, bank-bank luar pesisir, syarikat-syarikat amanah luar pesisir, syarikat-syarikat insurans luar persisir, perniagaan insurans semula, perniagaan insurans hayat, perniagaan insurans am, perniagaan pembrokeran insurans dan pengendali-pengendali takaful mulai 15 April 2002
- Pengurup wang mulai 1 Jun 2002.

Agensi-agensi penyeliaan bagi insitutisi-institusi pelapor yang berkenaan adalah juga diminta untuk melapor segala maklumat yang diperoleh berkenaan dengan aktiviti-aktiviti haram atau kesalahan-kesalahan jenayah berat kepada UPW. AMLA turut memperuntukkan perkongsian maklumat risikan kewangan oleh UPW dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk membantu pihak tersebut melaksanakan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan predikat pengubahan wang haram.

Matlamat 2: Pengembangan kapasiti

Bantuan teknikal dan latihan adalah kritikal bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program pencegahan pengubahan wang haram di peringkat kebangsaan. Bagi tujuan ini, UPW dengan kerjasama daripada institusi latihan yang lain seperti Institut Bank-bank Malaysia (IBBM) menyediakan program-program latihan, antara lain merangkumi cara-cara pengubahan wang haram, teknik-teknik

penyiasatan kewangan dan penubuhan rangka kerja program pematuhan. Pegawai-pegawai daripada pelbagai badan penguatkuasa turut menyertai pelbagai seminar dan mesyuarat mengenai pengubahan wang haram di peringkat antarabangsa. Selain itu, UPW turut sentiasa mengemaskini sebarang isu-isu pengubahan wang haram di peringkat dalam negeri dan antarabangsa kepada agensi-agensi terbabit.

Di bawah naungan Projek Pencegahan Pengubahan Wang Haram *Asia-Europe Meeting* (ASEM), dua pakar perunding ASEM telah mengadakan lawatan pada bulan Disember 2002, bagi meninjau keperluan latihan dan bantuan teknikal yang diperlukan oleh Malaysia yang berkaitan dengan inisiatif program pencegahan pengubahan wang haram yang sedia ada. Setelah penganalisaan dibuat, pengembangan kapasiti bagi Malaysia akan merangkumi perkara-perkara berikut:

- pengenalan dan pengesanan pengubahan wang haram;
- pembangunan undang-undang, pengawalan, polisi dan prosedur berkaitan dengan pelaporan aktiviti-aktiviti yang mencurigakan dan pengenalan pelanggan;
- strategi bagi memastikan ketepatan analisis dan penyebaran maklumat mengenai trend pengubahan wang haram; dan
- teknik-teknik penyiasatan.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Seminar Pengubahan Wang Haram untuk negara-negara ASEAN pada Julai 2003 dan menganjurkan bersama persidangan antarabangsa mengenai pengubahan wang haram dengan negara Jerman pada bulan Oktober 2003.

Matlamat 3 : Meningkatkan kerjasama antarabangsa

AMLA membenarkan UPW untuk membuat pendedahan maklumat risikan kewangan kepada pihak berkuasa yang sama di negara lain jika terdapat pengaturan di antara Malaysia dan negara luar tersebut. UPW dan agensi penguatkuasaan yang berkaitan juga diberi kuasa untuk bekerjasama dengan pihak penguatkuasa di dalam dan luar negara dalam proses penyiasatan jenayah-jenayah berat. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah mengkaji beberapa pengaturan untuk perkongsian maklumat risikan kewangan dengan beberapa negara serantau untuk tahun yang akan datang. Malaysia juga telah memohon untuk menganggotai Egmont Group of Financial Intelligence Units. Badan ini, yang terdiri daripada unit-unit perisikan kewangan daripada enam puluh sembilan negara, menyediakan forum untuk unit-unit perisikan untuk mengembang dan membangunkan sistem pertukaran maklumat risikan kewangan serta untuk berkongsi kepakaran dan kebolehan.

Matlamat 4: Pengunaan amalan terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa

Satu piawai penilaian yang baru, *Methodology for Assessing Compliance with Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism Standards*, telah dibangunkan oleh IMF dan Bank Dunia pada tahun 2002. Metodologi ini mengambil kira 120 kriteria yang perlu disediakan oleh sesebuah negara bagi pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas. Kriteria–kriteria tersebut merangkumi langkah-langkah keadilan jenayah, kerjasama antarabangsa, langkah-langkah pencegahan bagi institusi kewangan dan penilaian sektor-sektor tertentu. Penilaian mengikut piawaian yang baru ini telah dijalankan ke atas Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan pada 30 September – 11 Oktober 2002 oleh sepasukan pakar dari IMF. Sementara menunggu laporan terakhir pasukan tersebut, NCC akan meneruskan usaha bagi mematuhi piawaian tersebut.

Matlamat 5: Peningkatan rangka kerja penyeliaan

Dengan penggunaan AMLA, fungsi penyeliaan Bank Negara Malaysia telah diperkukuhkan bagi memastikan institusi-institusi kewangan dapat memenuhi keperluan di bawah AMLA dengan sepenuhnya. Institusi kewangan adalah diminta untuk memastikan bahawa mereka mempunyai kawalan yang cukup untuk mencegah institusi mereka daripada digunakan oleh penjenayah untuk tujuan pengubahan wang haram, seterusnya bagi mengelakkan daripada terdedah kepada risiko-risiko penumpuan, perundangan dan reputasi.

Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia melakukan pemeriksaan ke atas institusi perbankan untuk memastikan polisi, prosedur, sistem dan kawalan mengenai pengubahan wang haram yang telah dilaksana adalah memadai dan berkesan memenuhi keperluan di bawah AMLA. Bidang pemeriksaan merangkumi penilaian ke atas infrastuktur pencegahan wang haram, pematuhan institusi tersebut terhadap dasar dan prosedur dalaman institusinya sendiri, pengenalan pemegang akaun, pengawasan transaksi, penyimpanan rekod,

dan juga pengesanan dan pelaporan transaksi luar biasa dan mencurigakan. Penilaian juga dijalankan ke atas program latihan dan kesedaran untuk kakitangan, audit dalaman dan fungsi dan tanggungjawab pegawai pematuhan pencegahan pengubahan wang haram. Infrastruktur dan prosedur pencegahan pengubahan wang haram ini adalah untuk melengkapkan institusi kewangan dengan kemahiran untuk mengenal pasti pelanggan yang mencurigakan, melapor transaksi mencurigakan kepada UPW dan untuk membantu pihak penguatkuasa undang-undang melalui jejak audit.

Untuk memastikan perkara-perkara di atas dijalankan dengan berkesan, pegawai-pegawai penyeliaan yang telah dilatih khas di dalam bidang pencegahan pengubahan wang haram akan menjalankan pemeriksaan ke atas initiatif pencegahan pengubahan wang haram oleh institusi kewangan tersebut. Pemeriksaan ke atas aktiviti-aktiviti pencegahan pengubahan wang haram adalah dibuat atas amalan terbaik yang diamalkan oleh badan-badan antarabangsa seperti *Financial Action Task Force on Money Laundering* (FATF) dan Basel *Committee on Banking Supervision*.

Pada tahun 2002, Bank Negara Malaysia telah menjalankan sebanyak 20 pemeriksaan mengenai pencegahan pengubahan wang haram ke atas institusi-institusi kewangan dan cawangan-cawangannya. Isu-isu pengubahan wang haram yang dapat dikenalpasti semasa pemeriksaan tersebut telah diketengahkan kepada pihak pengurusan institusi-institusi kewangan yang terbabit dan langkah-langkah sewajarnya telah diambil untuk memperbaiki kelemahan yang dikesan.

Melangkah ke hadapan, proses penyeliaan akan diperbaiki di tahun akan datang bagi merangkumi rangka kerja penyeliaan pengubahan wang haram yang lebih menyeluruh. Rangka kerja tersebut akan dilengkapkan dengan peningkatan kemahiran pengawasan pemeriksa-pemeriksa mengenai teknik dan metodologi pengawasan bagi menilai keberkesanan inisiatif pencegahan pengubahan wang haram oleh institusi kewangan dan untuk memastikan ia adalah seiring dengan perkembagan global di bidang pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas.